

# SEJARAH MALAYSIA TIMUR

SIRI BUKU-BUKU SEKOLAH UTUSAN

# SEJARAH MALAYSIA TIMUR

MAZLAN ABDULLAH

B.A. (hons). Cert. Educations.



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS

(Anggota Kumpulan Utusan Melayu).

5 & 5A, Jalan Medan Tuanku,  
Kuala Lumpur.

Tel: 920170 & 923380.

UTUSAN

CETAKAN PERTAMA ..... 1978.

© MAZLAN ABDULLAH

*Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN.BHD.*

*Rekabentuk kulit oleh:*

NAIMAHMAD



*Dicetak oleh  
UTUSAN PRINTCORP SDN.BERHAD.  
Kuala Lumpur.*

**211657  
APB**

12 MAY 1982  
Perpustakaan Negarai  
Malaysia

## SEKAPUR SIREH DARI PENERBIT.

Kami amat berbangga atas usaha saudara Mazlan Abdulrah seorang Sarjana Malaysia yang sedang meningkat maju dari penulisan Sejarah kini sekali lagi muncul karyanya yang bertajuk Sejarah Malaysia Timur. Buku ini amat berguna untuk pelajar-pelajar di tingkatan 5 dan 6 serta pelajar tahun satu Universiti. Atas usaha kajian saudara Mazlan antara lain tentang Borneo (semasa zaman kesultanan Brunei sehingga-lah kedatangan Penjajah Barat).

Beliau juga menyentuh tentang Raja-Raja Brooke di Sabah dan kompeni berpiagam di Sabah 1881-1941. Dengan amat tajam sekali penulis juga telah mengemukakan zaman pemerintahan Jepun 1941-1945 serta kedudukan Sarawak & Sabah di bawah kerajaan Inggeris. Ketajaman analisa juga dibentang oleh penulis akan perkembangan ekonomi di bawah Inggeris dari tahun 1946 - 1953.

Akhir sekali beliau menerangkan pada kita dengan amat terang tentang kemasukkan Sabah & Sarawak di Malaysia dan perkembangan, selanjutnya.

Akhirkata harapan kami sebagai penerbit amat berbangga bilamana buku ini benar-benar dapat memberi manfaat kepada pengajian anda.

Penerbit,  
*Utusan Publications & Distributors,*  
*(Anggota Kumpulan Utusan Melayu)*  
Kuala Lumpur.

## KANDUNGAN

### Bab

1.	Latarbelakang Ilmu Alam dan Sejarah .....	1
2.	Borneo: Zaman Kesultanan Brunei .....	9
3.	Penjajah Barat & Kesultanan Brunei .....	19
4.	Raja-Raja Brooke Di Sabah 1841 - 1941 .....	31
5.	Kompeni Berpiagam di Sabah 1881 - 1941 .....	54
6.	Zaman Pemerintahan Jepun 1941 -1945 .....	65
7.	Sarawak di Bawah Kerajaan Inggeris 1946 -1943 .....	68
8.	Sabah di Bawah Kerajaan Inggeris 1946 -1963 .....	80
9.	Perkembangan Ekonomi di Bawah Inggeris 1946 -1963 .....	89
10.	Brunai Menjelang Tahun 1963 .....	92
11.	Malaysia 1963 .....	100
12.	Sarawak dan Sabah Selepas 1963 .....	128
	<i>Bahan-Bahan Rujukan</i> .....	139

## Bab 1

### LATARBELAKANG ILMU ALAM DAN SEJARAH

Hingga ke masa ini sejarah Sarawak, Brunei dan Sabah tidak banyak diketahui, sama ada oleh penuntut-penuntut sekolah ataupun orang-orang dewasa. Ini disebabkan oleh dua faktor yang besar iaitu:

1. Tidak dikaji dengan mendalam, sebaliknya dalam sukanan pelajaran sejarah ia cuma dipelajari secara sepintas lalu sahaja.
2. Kekurangan bahan-bahan bacaan seperti tidak banyaknya buku yang ditulis oleh ahli-ahli sejarah, terutama sekali oleh ahli sejarah tempatan.

Pulau Borneo letaknya dari garis lintang  $7^{\circ} 7'$  Utara ke  $4^{\circ} 12'$  Selatan, dan dari garisbujur  $108^{\circ} 45'$  ke  $119^{\circ} 25'$  Timur. Ukuran terpanjang ialah 900 batu, ukuran terlebar ialah 700 batu, dan ukuran kelilingnya ialah 3,000 batu panjangnya. Pulau Borneo mempunyai kedudukan yang istimewa kerana letaknya dalam jalan perdagangan timur-barat sungai-sungainya yang dalam dan panjang, pelabuhan-pelabuhannya yang selamat daripada tiupan ribut, tanahnya yang subur, dan hasil-hasilnya yang beraneka jenis. Ia juga merupakan pulau yang terbesar di dunia selain daripada New Holland.

Sarawak dan Sabah dikenali juga dengan nama Malaysia Timur. Brunei bukan salah sebuah negeri dalam Malaysia tetapi disebabkan sejarah negeri Sarawak dan Sabah berkait rapat dengan sejarah Brunei, maka Brunei juga amat penting dalam pengkajian kita.

## BRUNAI

Brunai luasnya 2,226 batu persegi (kira-kira sama luasnya dengan Negeri Sembilan) dan penduduknya berjumlah 180,000 orang dengan purata kepadatannya kira-kira 80 orang sebatu persegi. Penduduknya berkembang dengan pesatnya semenjak sepuluh tahun yang lepas. Perkembangan penduduk ini disebabkan oleh kedatangan orang luar dari Malaysia, Singapura dan Timur Jauh untuk mengambil bahagian dalam perusahaan minyaknya. Separuh daripada jumlah penduduknya ialah orang Melayu, 28% orang China, 16% orang Kadayan, dan yang bakinya ialah orang Kadazan, Dayak dan orang mendatang dari Asia.

Brunai terbahagi kepada dua bahagian oleh Sungai Limbang di Sarawak. Bahagiannya yang lebih besar dan kaya dengan hasil minyak terletak di selatan. Negeri ini terbahagi kepada empat daerah iaitu daerah Temburung, Tutung, Belait dan Bandar Brunei. Bentuk muka buminya lebih bersifat tanah pamah tetapi salirannya sangat buruk kerana terdapat banyak paya bakau. Bahagian tenggaranya yang bersempadan dengan Sarawak merupakan bahagiannya yang paling tinggi, dengan bukit-bukitnya menjulang setinggi 2,000 kaki. Terdapat tiga batang sungai yang mengalir ke barat iaitu ke Laut China Selatan — Sungai Belait, Sungai Tutung dan Sungai Brunei. Sungai Temburung ialah satu-satunya sungai yang terdapat di bahagian utara dari sungai itu mengalir ke Teluk Brunei.

Brunei mempunyai iklim jenis khatulistiwa dengan hujan lebat, purata 120 inci setahun; suhu yang tinggi purata 82°F; dan banyak mendapat pengaruh laut. Bahagian selatannya menerima lebih banyak hujan daripada bahagian utara kerana bentuk muka buminya yang lebih tinggi.

Brunei merupakan salah sebuah negeri yang terkaya di Asia kerana hasil minyaknya yang sangat banyak (95% daripada pendapatan negeri). Pendapatan perkapita Brunei ialah \$4,200/- iaitu tiga kali ganda pendapatan perkapita Malaysia. Minyak merupakan hasil eksportnya yang paling penting dan berharga sejak tahun 1929. Telaga-telaga minyak di tepi pantai boleh didapati di Seria dan Ampa. Lain-lain hasil negeri ialah arang batu di Brunei Barat (Kadayan), getah, kayu-kayu hutan tropika, ikan, padi, jagung dan sagu. Brunei mengimport biji-bijian makanan, kain, jentera-jentera dan barang-barang buatan kilang.

Bandar terpenting di Brunei ialah Bandar Seri Begawan yang mempunyai penduduk kira-kira 41,000 orang. Ia juga menjadi ibu negeri Brunei dan bandar yang paling besar di Brunei. Satu pertiga daripada penduduknya tinggal di Kampung Air iaitu sebuah penempatan di atas air di tepi pantai di mana rumah penduduknya dibuat di atas tiang-tiang. Kampung Air merupakan kawasan sesak di Brunei. Bandar-bandar utama lain ialah Kuala Belait, sebuah pelabuhan sungai yang kecil di tebing Sungai Belait dan Seria, sebuah bandar minyak yang mempunyai sebuah kilang pembersihan minyak.

## SARAWAK

Sarawak yang luasnya 48,250 batu persegi iaitu hampir-hampir sama luasnya dengan Malaysia Barat mempunyai penduduk seramai 977,013 orang, dengan purata kepadatannya kira-kira 20 orang sebatu persegi. Ia terbahagi kepada lima Bahagian iaitu Bahagian-bahagian Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima.

Sarawak mempunyai kawasan tanah pamah pantai yang luas. Jumlah kawasan paya bakaunya juga luas dan pantainya tidak berteluk-teluk. Kawasan kaki bukitnya melandai dengan curam ke banjaran-banjaran di pendalamannya yang bersempadan dengan gunung-ganang di Kalimantan, Indonesia, misalnya, Gunung Iran dan Gunung Kapuas. Kemuncaknya yang paling tinggi ialah Gunung Murud (7,950 kaki). Semua sungainya mengalir ke Laut China Selatan. Sungai yang paling panjang ialah Sungai Rejang (350 batu). Selain daripada itu terdapat pula Sungai Baram dan Sungai Sarawak yang mengalir dari banjaran gunung di sempadan. Pelabuhan semula jadi yang baik tidak banyak terdapat di Sarawak.

Iklim Sarawak ialah jenis khatulistiwa, tetapi keadaannya lebih lembab daripada Sabah. Kawasan tanah pamah pantainya mendapat hujan lebih daripada 120 inci. Kawasan pergunungan di pendalamnya pula mendapat banyak hujan bukit yang dibawa oleh Monsun Timur-Laut. Kadang-kadang hujannya meningkat hingga 150 inci. Bandar Kuching mendapat hujan sebanyak, purata 158 inci.

Sarawak merupakan kawasan pertanian dan tanaman, eksportnya ialah getah, lada hitam, kayu balak, sagu dan kelapa. Pertanian pindah

## SEJARAH MALAYSIA TIMUR

dijalankan dengan meluas. Buminya kaya dengan galian seperti minyak di Miri dan Sibu, boksit di Sematan, emas di Bau, tahi kelawar di Gua-gua Niah, keromiam, antimonii dan fosfat.

Penduduk Sarawak terdiri daripada orang-orang Iban atau Dayak Laut 35%, China 25%, Dayak Darat 7%, dan yang bakinya ialah orang Melanau, Kayan, Murut dan Punan. Kawasan yang paling padat penduduknya ialah bahagian barat-daya, lembangan Rejang dan kawasan minyak Miri-Lutung.

Ibu negeri Sarawak ialah bandar Kuching berpenduduk 63,491 orang. Ia merupakan bandar yang terbesar di Sarawak dan terletak di tebing Sungai Sarawak. Kuching juga ialah sebuah pelabuhan sungai. Bandar-bandar utama lain ialah Sibu berpenduduk 50,405 orang, bandar perlombongan minyak; Miri dan Lutung berpenduduk 35,879 orang pusat-pusat pembersihan minyak.

## SABAH

Sabah pula luasnya 29,388 batu persegi iaitu lebih sedikit dari pada setengah keluasan Semenanjung Malaysia dan penduduknya berjumlah 655,622 orang, dengan purata kepadatannya kira-kira 22 orang sebatu persegi. Ia terbahagi kepada Empat Wilayah atau Residensi iaitu Wilayah-wilayah Pantai Barat, Pendalamian, Sandakan dan Tawau.

Bentuk muka buminya bergunung-ganang, dengan Banjaran Crocker di sebelah barat dan Banjaran Brassey di sebelah timur. Kemuncaknya yang paling tinggi ialah Gunung Kinabalu 13,455 kaki. Gunung Kinabalu juga dikenali sebagai Gunung Dewi Kayangan ialah gunung yang tertinggi di Asia Tenggara. Tanah pamahnya terletak berhampiran dengan pantai dan keadaannya agak berpaya. Pantainya berteluk-teluk. Sungai-sungai di Sabah pendek dan deras, mengalir dari tanah tinggi pendalamian, misalnya, Sungai Kinabatangan 350 batu yang merupakan sungai yang terpanjang di Sabah, Sungai Sugut, Sungai Pegalan dan Sungai Segama. Pantainya yang berteluk-teluk itu mempunyai beberapa buah pulau luar pantai, teluk-teluk, tanjung-tanjung dan pelabuhan yang terlindung.

Iklimnya ialah jenis khatulistiwa yang panas dan lembab. Purata hujan tahunannya ialah kira-kira 100 inci. Hujan lebih banyak dibawa

oleh Monsun Timur-Laut daripada Monsun Barat-Daya. Ini bermakna Sabah menerima hujan lebat di antara bulan Oktober dan Mac. Purata suhu tahunannya ialah 80°F.

Hasil eksport Sabah ialah kayu balak 50%, getah, kelapa, tembakau dan abaka. Padi dan getah banyak ditanam di dataran pantai barat. Kelapa ditanam di Semenanjung Kudat, tembakau di Lahad Datu dan abaka, kelapa kering, kayu-kayan dan getah di Semenanjung Semporna. Hasil galiannya yang penting ialah arang batu yang terdapat di Pulau Labuan dan boksit, kuperam (tembaga) dan garam.

Penduduk Sabah terdiri daripada orang Kadazan atau Dusun 36%, China 25%, Bajau 13% dan yang bakinya ialah orang Murut, Kedayan dan Melayu. Kawasan yang padat penduduknya ialah pantai barat-laut dan lembangan di Wilayah Sandakan.

Ibu negeri Sabah ialah Kota Kinabalu dengan penduduknya 41,830 orang. Ia juga merupakan pelabuhan yang penting. Bandar utama yang lain ialah Sandakan berpenduduk 42,249 orang dan merupakan pusat membalak; dan Tawau 24,284 orang, merupakan pusat kawasan getah, kayu-kayan dan kelapa kering.

**Muzium Sarawak:** Pusat pengajian yang paling lengkap di Malaysia Timur ialah Muzium Sarawak. Di muzium ini, dipamerkan bahan-bahan sejarah yang banyak dijumpai di Sarawak dan juga dari Brunei dan Sabah. Selain daripada itu banyak lagi bahan sejarah yang berupa rekod laporan, risalah, buku-buku, jurnal dan akhbar boleh didapati dari Arkib Sarawak di Kuching. Sarawak mempunyai sumber sejarah yang lebih lengkap daripada Sabah dan Brunei. Oleh itu seseorang pengkaji senang mendapat bahan-bahan kajiannya mengenai sejarah Sarawak. Sabah dan Brunei juga mempunyai sumber-sumber sejarah yang banyak. Malangnya belum ramai lagi ahli-ahli sejarah tempatan, baik dari Semenanjung Malaysia mahupun dari Malaysia Timur, yang telah membuat kajian yang mendalam mengenai sejarah Sarawak, Brunei dan Sabah.

Di Malaysia Timur, iaitu di Sarawak, telah dijumpai oleh ahli arkeologis tinggalan manusia yang hidup dalam Zaman Batu Lama atau Paleolithik. Di Gua Niah, Bahagian Keempat Sarawak, telah dijumpai tengkorak seorang kanak-kanak lelaki Dayak yang berumur kira-kira 15 tahun, yang dipercayai hidup kira-kira 40,000 tahun dulu. *Orang Niah* ini merupakan manusia yang paling awal hidup di Malaysia. Manusia 'homo-sapiens' ini menggunakan kapak-kapak batu yang tidak berapa kemas buatannya, mengembara sebagai pemburu, bergantung kepada alam semula jadi dan mempunyai cara hidup yang paling kuno sekali.

Di Pulau Labuan, dijumpai sebuah gua yang mengandungi tinggalan dari Zaman Batu Baru atau Neolithic. Ini bermakna, Malaysia Timur telah didiami oleh manusia semenjak Zaman Batu lama lagi. Melalui pertembungan kebudayaan dengan orang luar, penduduk itu semakin maju. Orang yang baru sampai itu membawa idea-idea baharu kepada bumiputera.

Orang dalam Zaman Batu Pertengahan atau Zaman Mesolithik di Malaysia Timur mengamalkan kebudayaan Hoabinhian dan hidup di gua-gua dan di tempat-tempat perlindungan batu yang membayangkan hakikat bahawa keadaan masa itu masih sangat sejuk lagi. Mereka adalah pemburu-pemburu yang cekap dan mempunyai cara hidup yang lebih maju dan beraneka-ragam daripada orang Zaman Paleolithik yang menyerupai mawas. Dengan berakhirnya Zaman Air Batu dan alam telah mengambil bentuk seperti yang ada hari ini, cara hidup baru timbul. Orang dalam Zaman Neolithik membuat alat-alat batu yang sempurna dan licin serta mengamalkan pertanian secara tetap. Mereka tidak lagi berpindah-randah dan hidup memburu. Mereka tinggal menetap dan bercucuk-tanam seperti menanam padi, jagung, ubi kayu dan sebagainya. Tom Harrison, seorang ahli sejarah barat menganggap Zaman Batu Baru di Malaysia Timur berakhir kira-kira 1300 tahun dahulu yang digantikan dengan Zaman Logam. Sebagaimana dengan penduduk lain di Asia Tenggara, Malaysia Timur juga mengalami dua peringkat Zaman Logam iaitu Zaman Gangsa dan Zaman Besi.

Zaman prasejarah Malaysia Timur dapat dirumuskan seperti berikut:

lebih kurang 40,000	—	10,000 S.M. —	Zaman Paleolithik
lebih kurang 10,000	—	5,000 S.M. —	Zaman Mesolithik
lebih kurang 5,000 S.M.	—	500 T.M. —	Zaman Neolithik
lebih kurang 500 T.M.	—	1,000 T.M. —	Zaman Gangsa }
lebih kurang 1,000 T.M.	—	1,550 T.M. —	Zaman Besi }

Mengenai sejarah awal negeri-negeri tersebut, menjelang abad kesebelas sudah didapati perkampungan tetap di Sarawak. Penduduknya menjalankan perdagangan *Sistem barter* iaitu mereka menukarkan barang-barang serta hasil-hasil dari Sarawak dengan pedagang-pedagang dari seberang laut. Penduduk asli atau bumiputera Sarawak ialah orang Dayak Laut (Iban), Dayak Darat (Dayuh), Melanau, Melayu, Kayan, Murut, Pnun dan lain-lain lagi. Penduduk asli Sabah ialah orang-orang Kadazan, Bajau, Murut, Kedayan, Melayu dan sebagainya. Di Brunei

pula, bumiputeranya ialah orang Melayu dan sebahagian kecilnya ialah orang Kedayan, Kadazan dan Dayak. Terdapat juga orang luar yang kemudiannya menetap di negeri-negeri itu, seperti orang Cina Arab dan orang dari Indonesia dan Semenanjung Malaysia.

Orang Hindu dari India yang pernah datang ke Borneo telah memperkenalkan sistem tulisan yang dikenali sebagai *Baybayin* kepada penduduk di situ. Orang Arab pula memperkenalkan sistem tarikh dan haribulan. Selain daripada itu kebudayaan Hindu-Buddha dan Islam telah juga mempengaruhi budaya penduduk Borneo.

Borneo juga berhubung dengan negara China pada masa awalnya, iaitu seawal kurun ketiga Sebelum Masehi. Wang-wang logam Cina dari Wangsa Hsin dan Han telah dijumpai di kuala Sungai Sarawak. Di antara T.M. 600 hingga 1500, beberapa lawatan kepada Maharaja Cina telah dibuat oleh duta-duta daripada tempat yang bernama 'Po-lo', 'Po-li', 'Po-ni', 'Ye-po-ti' dan lain-lain nama lagi yang kesemuanya ialah nama-nama tempat di pantai barat Borneo. Ahli sejarah juga menyatakan bahawa nama-nama itu mungkin nama bagi Brunei. Seorang ahli sejarah barat, William MaDougall pernah menyebut Po-ni yang jauhnya 45 hari perjalanan dari Pulau Jawa, 40 hari dari Palembang dan 30 hari dari Campa ialah Brunei. Sejarah Wangsa Sung di negara China juga ada mencatatkan mengenai Brunei. Barang-barang yang diperbuat dari negara China di zaman Sung seperti pinggan mangkuk, gong, tembaga, wang logam dan sebagainya boleh didapati di Muzium Sarawak. Beberapa buah penempatan orang Cina telah didirikan di pinggir pantai Borneo, misalnya di Santubung, dekat dengan kuala Sungai Sarawak dan di Kinabatangan. Dalam abad kesepuluh, Brunei mempunyai 10,000 orang penduduk dan seorang Raja. Hasil-hasil yang diperolehi ialah minyak, kapur, gading gajah dan lain-lain lagi. Pada T.M. 977, Raja Brunei yang bernama Hiangta dipercayai telah melawat ke negara China dan baginda telah disambut baik oleh Maharaja Cina.

Dalam pertengahan abad keempat belas, Brunei tunduk kepada Majapahit, sebuah empayar Hindu-Jawa. Raja Majapahit yang bernama Angya Wijaya telah membantu Brunei menamatkan pemberontakan tempatan. Penduduk Brunei terpaksa menghantar ufti, 'setempayan buah pinang muda' pada setiap tahun. Pada Tahun Masehi 1368, askar-askar Majapahit membantu Raja Brunei yang diserang oleh Sultan Sulu. Tetapi pada akhir abad keempat belas, Kerajaan Majapahit jatuh dan Brunei kembali berhubung dengan negara China. Hubungan

## SEJARAH MALAYSIA TIMUR

dengan negara China ini tidak lama kerana apabila Wangsa Ming berkuasa di negeri China, ia tidak lagi mementingkan hubungan dengan luar negeri dan menjalankan dasar tutup pintu. Brunai meminta perlindungan dari Melaka, sebuah kuasa yang sedang berkembang dalam abad kelima belas. Dengan itu juga, ugama Islam dibawa masuk ke Borneo.

Brunai terpaksa mencari perlindungan dan mengadakan hubungan dengan negara-negara lain disebabkan oleh tiga faktor penting:

1. Brunai ialah sebuah negeri yang kecil dan sedikit penduduknya.
2. Brunai ingin berlindung di bawah naungan negara-negara yang kuat dan agung supaya negeri dan rajanya selamat dari ancaman musuh kerana ia mendapat jaminan dan bantuan dari negara-negara tersebut.
3. Brunai masih belum mempunyai dasar luar negeri yang berdiplomatik.



## Bab 2

### BORNEO: ZAMAN KESULTANAN BRUNAI

Sebelum abad kesembilan belas, Sabah dan Sarawak menjadi jajahan takluk Brunei. Kedua-dua negeri itu dipunyai oleh Sultan Brunei. Kesultanan Brunei bermula pada akhir abad kelimabelas.

Brunei dipengaruhi oleh ciri-ciri kebudayaan dan tamadun dari seberang laut iaitu oleh pengaruh Hindu, China dan Islam di samping budaya tempatan. Sebelum abad keenam, Brunei telah diduduki oleh orang *Bisaya* yang dipercayai datang dari pulau Jawa dan Sumatera. Orang Bisaya ini masih merupakan bangsa yang ramai di Brunei pada masa sekarang. Mereka memegang kepercayaan animisme. Pada awal Kurun Masehi, ramai orang India yang berugama Hindu berkunjung ke Brunei untuk bernesiga dan mencari emas. Guru-guru ugama mereka yang dikenali sebagai Brahmin telah dapat mempengaruhi cara hidup orang Brunei. Di samping itu Brunei juga menerima ciri-ciri ugama Hindu dari empayar Sriwijaya dan Majapahit. Ciri-ciri Hindu itu masih kelihatan lagi hingga sekarang. Dengan kejatuhan Majapahit, ugama Islam yang telah berkembang dari Sumatera Utara ke Tanah Melayu dan Jawa, dibawa ke Borneo. Saudagar-saudagar Islam daripada Melaka membawa ugama baru itu ke Brunei pada akhir abad kelima belas. Dalam awal abad keenam belas, beberapa buah kesultanan Islam wujud di beberapa tempat di Borneo seperti di Sambas, Soekadana dan Landak di pantai barat, di Bandjermasin di selatan dan di Koti di Borneo Timur.

Kedatangan penjajah Portugis pada awal abad keenam belas telah membawakan kejatuhan kesultanan Melaka pada tahun 1511. Ugama Islam menerima himpitan dan pengaruh dari ugama Keristian yang dibawa oleh orang Portugis. Tetapi penganut-penganut ugama Islam tetap semakin ramai kerana munculnya beberapa kesultanan baharu.

Dalam *Salasilah Raja-raja Brunei* yang diterjemahkan oleh Sir Hugh Low, ada menyebutkan bahawa Raja Brunei dari keturunan Bisaya yang bernama Awang Alak Bertabah telah dipanggil oleh Sultan Johor yang bernama Sultan Bahkei. Pemergian Tuan Awang Alak Bertabah dianugerahkan gelaran Sultan Muhammad dan Pateh Berbi digelar Bendahara Sri Maharaja. Sultan Muhammad menjadi Sultan Brunei yang pertama dan Bendahara Sri Maharaja menjadi Pengiran Bendahara Brunei Baginda dikurniakan dengan nobat, nafiri, gong dan lain-lain alat kebesaran diraja. Daripada peristiwa inilah dipercayai bermulanya Kesultanan Brunei yang berugama Islam. Tarikh yang tepat tidak diketahui tetapi ramai ahli sejarah berpendapat bahawa peristiwa itu terjadi pada akhir abad kelima belas.

Mengikut pendapat James P. Ongkili, seorang pensyarah sejarah Malaysia Timur di Universiti Malaya, Sultan Johor yang disebut dalam salasilah itu sebenarnya tidak tepat. Kesultanan Johor belum lagi wujud pada akhir abad kelima belas. Beliau berpendapat Sultan Johor yang disebutkan itu ialah wakil Sultan Melaka di Johor. Walau bagaimanapun daripada Salasilah ini ternyata bahawa Kesultanan Brunei telah dimulakan oleh Sultan Melaka.

Apabila Sultan Muhammad mangkat, baginda diganti oleh puteranya, Sultan Ahmad. Sultan Ahmad berkahwin dengan Sum Ping, seorang perempuan Cina dari Kinabatangan, sebuah penempatan orang Cina di Borneo Utara. Akibat daripada perkahwinan ini, orang Cina dijemput ke Brunei dan menjadi sebahagian daripada masyarakat Brunei. Orang Cina ini telah menunjuk-ajar cara bertukang dan membuat alat-alat perkakas yang baik kepada orang Melayu di Brunei.

Puteri Sultan Ahmad berkahwin dengan seorang lelaki Arab dari negeri Taif yang kemudian bergelar Syerip Berkat. Syerip Berkat menjadi Sultan ketiga dalam Salasilah Kesultanan Brunei. Putera Sultan Berkat, Sultan Sulaiman menjadi Sultan Brunei yang keempat dan keturunannya yang menjadi Sultan Brunei sehingga sekarang.

Ternyata Kesultanan Brunei berasal dari tiga bangsa iaitu bangsa Bisaya, Cina dan Arab. Sultan Brunei yang ada pada masa ini ialah sultan yang keduapuluh tujuh iaitu Sultan Hassanal Bolkiah. Kesultanan ini boleh dianggap sebagai kesultanan Melayu yang tertua dan terlama sekali di Asia Tenggara.

### SULTAN BULKIAH

Sultan Bulkiah ialah Sultan yang kelima dalam Salasilah Kesultanan Brunei. Tarikh kenaikan baginda ke atas takhta kerajaan ialah pada awal abad keenam belas. Pada masa pemerintahan bagindalah Kesultanan Brunei mencapai zaman kegemilangannya. Sultan Bulkiah juga dikenali sebagai Nakhoda Ragam. Baginda seorang ahli pelayaran yang cekap dan handal serta boleh disamakan seperti 'Putera Henry Ahli Pelayaran' di Eropah. Baginda pernah belayar ke beberapa negeri di seberang laut seperti Jawa, Melaka dan tempat-tempat lain di Borneo. Di Jawa, baginda berkahwin dengan seorang puteri Jawa. Daripada keturunan inilah dipercayai wujudnya kaum Kedayan di Brunei.

Di bawah pemerintahan Sultan Bulkiah, ramai saudagar Eropah berkunjung ke Brunei kerana nama-nama Brunei, Brunei dan Borneo menjadi terkenal di kalangan saudagar itu. Brunei muncul sebagai sebuah pelabuhan yang terpenting di Asia Tenggara. Sultan Brunei mengadakan hubungan diplomatik dengan raja-raja Islam di Indonesia, dan juga dengan negeri China. Kemakmuran Brunei adalah disebabkan oleh beberapa faktor, baik faktor dalam maupun faktor luar.

*Pertama*, pada awal abad keenam belas, wujudnya kekosongan kuasa politik di Asia Tenggara. Tiada sebuah pun kerajaan yang kuat. Keadaan ini memberi peluang kepada Sultan Bulkiah untuk menjadikan Kesultanan Brunei agung dan megah. Empayar Melaka telahpun lenyap, dimusnahkan oleh penjajah Portugis. Empayar Majapahit juga telah lama lenyap. Negara China yang pada satu masa dahulu menjalankan dasar melindungi negeri-negeri kecil di Asia Tenggara tidak lagi menghiraukan negeri-negeri luar itu. Oleh yang demikian, Asia Tenggara tidak lagi mempunyai kesultanan yang seagung Melaka. Sultan Bulkiah mengambil kesempatan daripada keadaan kekosongan kuasa politik ini dengan menjalankan dasar perluasan wilayah dan jajahan takluknya. Baginda juga ialah seorang pahlawan yang handal dan raja yang cekap

serta berkebolehan. Kawasan-kawasan di sekitar Brunei ditawan seperti seluruh kepulauan Borneo, Majapahit, Sulu dan Manila.

*Kedua*, Negeri-negeri takluk dipaksa menghantar ufti serta menjual barang-barang dagangan ke Brunei. Dengan demikian, ekonomi Brunei semakin maju dan makmur. Cukai-cukai dagangan juga dikenakan ke atas barang-barang import dan eksport. Orang Brunei sendiri mengeluarkan hasil dari laut dan hasil pertanian seperti beras, tebu, sagu, lada hitam, kapur serta pinggan mangkuk, belerang, getah perca, getah India, emas, logam antimoni, dan lain-lain lagi. Brunei juga menjadi pusat perdagangan di antara saudagar dari timur dan barat.

*Ketiga*, Keamanan dalam negeri wujud kerana tiada perlakunya perebutan takhta kerajaan, pergaduhan dan perang saudara. Perairan di sepanjang pantai Brunei selamat dan lanun-lanun juga dapat dikawal. Keadaan ini menyebabkan berkembangnya perdagangan. Raja mempunyai kuasa mutlak dan memerintah dengan nasihat dari pegawai-pegawaiannya. Pemerintahan baginda bijak dan adil. Urusan kerajaan sentiasa beres dan teratur.

*Keempat*, Dengan pengislamahan Brunei, Brunei menarik perhatian saudagar-saudagar Islam dari negeri-negeri lain untuk bermiaga di pelabuhan Brunei. Brunei menjadi pusat pengajian ugama Islam kerana ramai ulamak dan cendikiawan Islam berkunjung ke situ. Galakan juga diberikan oleh Sultan Bulkiah kepada orang Islam. Dengan dasar antiIslam yang dijalankan oleh penjajah Portugis di Melaka, lebih ramai lagi orang Islam datang ke Brunei.

*Kelima*, Sultan Bulkiah bernasib baik kerana sultan-sultan sebelumnya telah menjalankan dasar yang bijak iaitu meminta pertolongan dan perlindungan daripada negara China, Majapahit, dan akhirnya Melaka. Dengan demikian, Brunei terselamat daripada ancaman musuh. Walaupun lemah pada mulanya tetapi asas yang kukuh telah diwujudkan.

*Keenam*, Kedudukan Brunei di jalan perdagangan di antara timur dan barat yang agak baik menyebabkan ia diketahui ramai. Brunei juga mempunyai pelabuhan-pelabuhan yang elok dan dalam serta terlindung daripada angin taufan. Keistimewaan-keistimewaan inilah menyebabkan Brunei maju.

Ketujuh, Brunei juga mengeluarkan hasil-hasil dagangan dan hasil-hasil itu dikehendaki oleh saudagar-saudagar asing untuk diperdagangkan. Di samping itu Brunei menjadi 'orang tengah' dalam mengumpulkan barang-barang seperti rempah-ratus dari Kepulauan Rempah untuk dijualkan kepada saudagar asing.

Catatan dan laporan mengenai keagungan Brunei ini telah dibuat oleh seorang ahli pelayaran Sepanyol yang bernama Antonio Figafetta pada tahun 1521 semasa beliau melawat Brunei. Figafetta ialah sahabat Ferdinand Magellan yang meneruskan pelayaran mengelilingi dunia setelah Magellan terbunuh di Filipina. Selain daripada catatan Figafetta ini, tiada terdapat sumber lain yang penting mengenai Brunei.

Figafetta ialah bangsa Eropah yang mementingkan barang-barang dagangan yang berharga dari kepulauan Melayu iaitu rempah-ratus. Beliau bukan seorang penjajah, oleh itu apa yang ditulisnya boleh dipercayai kerana dia mencatatkan apa-apa yang telah dilihatnya semasa berada di Brunei. Laporannya adalah benar dan jelas.

Figafetta telah mencatatkan aktiviti sosial, ekonomi dan politik yang dilihatnya di Brunei. Orang Brunei menjalankan perniagaan dan menggunakan matawang yang diperbuat daripada logam yang menggunakan tulisan Cina. Terdapat 25,000 buah rumah di bandar Brunei dan dianggarkan penduduknya seramai 150,000 orang pada tahun 1521. Tetapi St. John Spencer, seorang penulis barat lain, menganggarkan penduduk bandar Brunei pada masa itu ialah 175,000 orang, dan merupakan bandar yang teramai sekali penduduknya di Asia Tenggara. Kebanyakan rakyat jelata tinggal di tepi laut dan sungai. Pembesar-pembesar pula tinggal di darat. Beliau juga memberi keterangan mengenai '*Kampung Air*' di pekan Brunei, di mana rumah-rumah didirikan di atas tiang-tiang tinggi di atas permukaan air di kuala sungai. Penghuninya menggunakan perahu untuk membeli belah ketika air pasang. Orang Brunei menggunakan sistem perhubungan laut seperti sampan, perahu dan kapal layar. Selain daripada itu, denai-denai dan lorong-lorong kecil digunakan bagi perhubungan di darat. Di pekan pula terdapat aktiviti perdagangan.

Figafetta dan rombongannya telah disambut dengan gajah dan dibawa mengadap Sultan di istana. Istana Sultan dihias dengan kain sutera, permaidani indah dan barang perhiasan yang bernilai. Mereka dijamu dengan makanan yang lazat dan enak. Mereka juga dapat

menyaksikan alat kebesaran diraja seperti nobat, nafiri, keris kerajaan, mahkota dan lain-lain lagi. Adat menyembah raja yang dipengaruhi oleh unsur-unsur animisme, Hindu dan Islam juga dapat dilihatnya.

Sultan mempunyai empat orang menteri yang bertugas sebagai pembantu dan penasihat kanan baginda. Pembantu utama ialah Pengeran Bendahara yang bertugas sebagai Perdana Menteri. Beliau menjadi penasihat utama serta orang kanan Sultan yang terpenting. Pembantu kedua ialah Pengeran Pemanca yang bertugas sebagai Timbalan Perdana Menteri dalam urusan sehari-hari. Beliau membantu Pengeran Bendahara dalam menjalankan tugas negeri. Pembantu ketiga ialah Pengeran di Gedung. Beliau menjaga cap atau mohor diraja dan boleh disamakan dengan Penyimpan Mohor Besar Raja-raja di Malaysia. Pembantu keempat ialah Temenggung. Beliau mempunyai tugas yang berat iaitu menjaga keselamatan dan keamanan negeri dan Sultan. Di samping keempat-empat menteri itu, terdapat juga beberapa menteri yang kurang penting. Kesemua menteri itu adalah dipilih oleh orang raja dan kemudiannya diperkenankan oleh baginda.

Masyarakat Brunei terbahagi kepada tiga kelas. Kelas yang tertinggi sekali ialah Sultan dan golongan bangsawan yang terdiri daripada anak-anak raja, pembesar-pembesar dan Pengeran-pengeran. Kelas kedua dan yang teramai sekali ialah rakyat jelata dan mereka ini ialah orang bebas atau merdeka. Kelas yang ketiga dan terendah sekali ialah golongan hamba abdi dan orang suruhan. Mereka ini dimiliki oleh Sultan, pembesar ataupun saudagar. Ini menunjukkan sudah wujud institusi sosial di Brunei.

Apabila Figafetta belayar balik, beliau telah merompak dan merampas beberapa buah perahu yang berisi barang-barang berharga di pelabuhan Brunei. Beliau juga menawan enambelas orang pedagang dan pembesar-pembesar serta tiga orang perempuan. Kejadian itu menimbulkan kemarahan Sultan Bulkiah. Ini membuktikan bahawa orang barat juga menjalankan kerja-kerja melanun.

Pada tahun-tahun 1520an dan 1530an, saudagar Portugis telah mengadakan hubungan perniagaan dengan Brunei. Mereka juga mendirikan gedung-gedung perniagaan di Brunei. Brunei mengeksport lada hitam, sagu, ikan dan emas kepada saudagar Portugis di Melaka. Portugis pula menghantar alat-alat senjata dan kain ke Brunei.

Kemegahan dan kebesaran Kesultanan Brunei itu tidak kekal lama. Kesultanan Brunei menjadi pudar selepas kemangkatan Sultan Bulkiah. Kelemahannya adalah disebabkan oleh beberapa faktor.

*Pertama*, Sultan-sultan Brunei selepas Sultan Bulkiah tidak mempunyai sifat gagah dan istimewa seperti yang dimiliki oleh Bulkiah. Sultan Bulkiah mendapat sokongan dan kerjasama daripada Pengeran-pengeran dan hamba-hambanya. Tetapi pengganti-penggantinya disebabkan oleh sifat lemah mereka tidak lagi mendapat sokongan sepenuhnya daripada Pengeran-pengerannya.

*Kedua*, Pengeran-pengeran dan pembesar tempatan mulai mempunyai banyak kuasa dan cuba menjadi pemerintah yang merdeka. Mereka tidak lagi menumpukan taat setia sepenuhnya kepada Sultan Brunei. Perebutan kuasa, huru-hara dan pemberontakan sentiasa berlaku. Keadaan seperti itu akhirnya menyebabkan Kesultanan Brunei menjadi samakin lemah.

*Ketiga*, Penindasan yang dijalankan oleh wakil Sultan yang bergelar 'Pengeran Mahkota' di kawasan-kawasan di bawah pemerintahan Sultan Brunei menyebabkan timbulnya perasaan tidak puas hati dan marah di kalangan rakyat yang diperintah. Ini mengakibatkan pemberontakan dan perang saudara seperti yang dilakukan oleh orang Dayak di Sarawak pada awal abad kesembilan belas.

*Keempat*, Ketibaan penjajah barat ke Asia Tenggara pada awal abad keenambelas melemahkan Kesultanan Brunei kerana aktiviti penjajahan mereka. Penjajah Portugis menjadi pelapornya pada akhir abad kelima belas dan diikuti oleh penjajah Sepanjol, Belanda, Perancis dan Inggeris. Menjelang abad kesembilan belas, beberapa buah negeri dan kerajaan di Asia Tenggara telah dijajah oleh kuasa barat. Kesultanan-kesultanan Melayu, termasuk Brunei, menjadi semakin lemah. Jajahan takluk dan kerajaan Melayu diperkecilkan atau diambil semuanya. Walaupun lemah, tetapi Kesultanan Brunei masih tetap wujud.

*Kelima*, Dasar monopoli dalam perniagaan dan perampasan kerajaan atau kawasan oleh penjajah barat menyebabkan berleluasanya aktiviti perlanunan. Kesultanan Brunei yang telah lemah itu tidak lagi dapat mengawal pantainya aktiviti perlanunan dan perompakan. Perdagangan menjadi terancam.

## HAMBA ABDI DI BORNEO

Hamba abdi ialah satu institusi sosial yang wujud di Borneo, terutamanya dalam abad-abad ke 17, 18 dan 19. Ia bukan sahaja wujud di Borneo tetapi di tempat-tempat lain di Asia Tenggara. Di Brunei ia memainkan peranan penting selepas kemangkatan Sultan Bulkiah.

Sistem perhambaan ini telahpun wujud sebelum abad ketujuh belas tetapi tidak begitu nyata dan jelas perkembangannya. Pembahagian masyarakat kepada tiga golongan yang penting telah dipengaruhi oleh unsur-unsur Hindu. Pembahagian seperti itu telah diamalkan oleh empayar Sriwijaya dan Majapahit. Masyarakat di Brunei juga tidak banyak berbeza daripada pembahagian tersebut.

Hamba abdi dan orang suruhan telah digunakan oleh Sultan Brunei sebagai pembantu dan kakitangan rendah. Selain daripada itu, hamba abdi juga digunakan oleh pembesar dan golongan saudagar. Di Brunei terdapat tiga jenis hamba abdi iaitu anak emas, ulun ulih beli dan hamba berhutang.

*Anak emas* ialah hamba abdi yang menjadi orang suruhan dalam rumah tangga. Dia serta keturunannya menjadi hak milik dan pusaka tuan rumah tempat ia menjadi hamba. Dia mempunyai beberapa keistimewaan yang tidak pernah diperolehi oleh hamba-hamba abdi yang lain. Dia mempunyai sedikit hak sendiri, boleh memberi cadangan serta menentang pendapat tuan rumahnya. Dia juga ditugaskan untuk menjalankan perdagangan di tempat-tempat yang merbahaya, menjaga serta menguruskan rumah tangga dan sebagainya. Dia tidak dipandang hina tetapi sebaliknya mendapat sanjungan baik dari masyarakat.

*Ulun ulih beli* ialah hamba abdi yang diperolehi dengan cara dibeli dengan wang. Dia tidak mempunyai hak atau suara dalam kehidupannya. Dia juga boleh dijualkan kepada orang lain. Dia sentiasa hidup dalam sengsara dan ketakutan.

*Hamba berhutang* ialah orang bebas yang dijadikan hamba abdi kerana tidak mampu membayar hutangnya kepada si piutang. Sistem hamba abdi ini diwujudkan di kebanyakan tempat di tepi laut dan di lembah-lembah sungai. Sumber untuk mendapatkan hamba abdi ialah dari kawasan pedalaman. Penduduk pada zaman gelap itu (abad-abad ke 17–19) hidup dalam ketakutan dan kebimbangan. Orang yang lemah menjadi mangsa kepada orang yang kuat. Berikut dengan

ini ada golongan bangsawan yang jatuh menjadi golongan yang lebih rendah dan ada juga yang telah ditawan dijadikan hamba abdi. Perhambaan menjadi bertambah berleluasa dan akhirnya ia menjadi satu tradisi yang berakar umbi dalam kehidupan sosial masyarakat Brunei pada masa itu.

Peperangan yang sentiasa berlaku di antara sebuah negeri dengan negeri yang lain dan juga di antara satu kaum dengan kaum yang lair menyebabkan ramai orang yang ditawan. Mereka dijadikan hamba abdi. Dengan demikian, perhambaan bertambah banyak. Penjualan manusia semakin meluas. Mereka dijual seperti barang dagangan. Perniagaan ini sangat menguntungkan kepada si penjualnya.

Tiga orang penulis barat yang pernah menulis mengenai sistem hamba abdi ialah Sir Hugh Low, St. John Spencer dan K.G. Tregonning. Sir Hugh Low menulis bahawa hamba abdi wujud di Selat Melaka, dan di perairan pulau-pulau Jawa, Sulawesi, Maluku, Sulu dan di sekitar Borneo. St. John Spenser pula menyatakan hamba abdi digunakan dalam peperangan sebagai pengayuh perahu atau kapal. Hamba abdi bertambah banyak disebabkan oleh aktiviti perlanunian dan mereka merupakan sumber keuntungan yang berlipat ganda banyaknya kepada lanun tersebut. Hamba abdi merupakan golongan yang hidup terseksa dan menderita. Mereka dijadikan alat dalam penghidupan manusia kejam.

Kebanyakan raja yang berugama Islam tidak menjalankan pemerintahan sebenarnya mengikut prinsip ugama Islam. Mereka selalu menjadikan rakyat baginda yang kafir sebagai hamba abdi. Hamba abdi juga digunakan dalam sistem pertahanan sebagai pengikut raja dan pahlawan perang. Oleh kerana sistem ini telah lama mendarah daging dalam masyarakat dan pembesarnya juga menggunakan hamba abdi, maka adalah sukar bagi raja Islam untuk menghapuskan sistem ini. Keadaan Sultan menjadi bertambah kukuh sekiranya baginda mempunyai banyak abdi dan pengikut.

Sistem masyarakat di Brunei tidak jauh bezanya dengan sistem masyarakat di Semenanjung Malaysia seperti yang dituliskan oleh J.M. Gullick dalam bukunya yang berjudul Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat. Baginda Sultan Brunei, terpaksa mendapat sokongan daripada Pengeran-pengerannya. Tetapi disebabkan beberapa faktor, Pengeran-pengerannya tidak lagi memberi sokongan dan taat setia sepenuhnya kepada Sultan. Oleh itu baginda terpaksa membiarkan

penggunaan hamba abdi oleh pembesarnya. Hamba abdi juga menjadi satu 'simbol status' kepada golongan bangsawan. Kemegahan mereka diukur dari segi banyaknya bilangan hamba abdi yang dimiliki oleh mereka. Manakala orang barat pula memandang sistem hamba abdi ini kejam dan tidak berperikemanusiaan. Mereka sebenarnya melihat melalui kaca-mata mereka sendiri. Mereka tidak mengetahui bahawa sistem itu sudah menjadi sebahagian daripada tradisi masyarakat. Mereka juga menggunakan 'keburukan' sistem hamba abdi ini sebagai alasan untuk membolehkan mereka campurtangan dalam pemerintahan negeri-negeri Melayu'

## Bab 3

### PENJAJAH BARAT DAN KESULTANAN BRUNAI

#### KETIBAAN PENJAJAH BARAT

Orang barat telah tiba di Brunei pada awal abad keenam belas. Orang Portugis yang mula-mula tiba ke Brunei dan kemudiannya diikuti oleh orang Sepanyol, Belanda dan Inggeris.

Penjajah Portugis yang berada di Melaka semeniak tahun 1511, mempunyai hubungan perdagangan dengan Brunei. Perhubungan Portugis Melaka dengan Brunei tidak terus menerus kerana campur-tangan dari Belanda yang mula tiba ke Nusantara. Orang Belanda melalui Syarikat Hindia Timur Belandanya (V.O.C.), dengan bantuan orang Melayu dari Johor telah berjaya menewaskan penjajah Portugis di Melaka pada tahun 1641. Penjajah Belanda kemudiannya membuat beberapa penempatan dan penaklukan di Nusantara.

Orang Sepanyol pernah tiba di Brunei. Pada tahun 1521, Ferdinand Magellan tiba di kepulauan Asia Tenggara tetapi dia telah terbunuh di Filipina. Sababatnya, Antonio Figafetta telah meneruskan pelayaran Magellan untuk mengelilingi dunia dan pada tahun itu juga dia dan rombongannya telah singgah di Brunei. Lain-lain orang Sepanyol juga pernah tiba di Borneo tetapi mereka tidak membuat penempatan-penempatan di situ.

Pada tahun 1565, penjajah Sepanyol telah menduduki Filipina. Setelah berkuasa di Filipina, mereka mengirimkan pasukan tenteranya untuk menawan Brunei pada tahun-tahun 1577 dan 1580. Mereka berjaya meletakkan seorang Sultan yang proSepanyol ke atas takhta Kesultanan Brunei. Dengan demikian, penjajah Sepanyol dapat campurtangan dalam pemerintahan di Brunei. Apabila penjajah Sepanyol meninggalkan Brunei, orang Brunei berjaya mengembalikan semula kekuasaan mereka. Sultan yang proSepanyol digantikan dengan Sultan yang baru.

Penjajah Sepanyol juga cuba untuk menewaskan Kesultanan Islam di Sulu. Mereka telah berjaya menguasai hampir seluruh kepulauan Filipina kecuali Sulu. Percubaan Sepanyol itu telah ditentang dengan hebatnya oleh orang Sulu. Kesultanan Brunei telah membantu Sultan Sulu mematahkan usaha dan percubaan Sepanyol itu. Mereka telah berganding-bahu dan bersama-sama menyerang kota dan kubu Sepanyol di bahagian tengah Filipina iaitu Pulau-pulau Visayan. Harta rampasan seperti orang tawanan, harta benda dan sebagainya dibahagi sama rata di antara orang Brunei dan Sulu.

Penjajah Sepanyol tidak puas hati terhadap serangan dari Brunei itu. Aktiviti perlanunian dari Brunei semakin menganas di pantai Filipina. Sepanyol menghantar angkatan perang ke Brunei pada tahun 1645. Pekan-pekan dirompak dan bandar Brunei ditawan serta dimusnahkan. Selepas abad ketujuh belas, Sepanyol cuma menumpukan perhatiannya kepada Filipina dan tidak begitu menghiraukan Brunei lagi.

Kedua-dua kuasa barat itu — Portugis dan Sepanyol tidak begitu mempunyai hubungan yang penting di Borneo. Menurut pendapat J.R. Logan dalam makalahnya yang berjudul *Notices of European Intercourse with Borneo Proper prior to the establishment of Singapore in 1819*, kedua-dua kuasa tersebut tidak berjaya menjalankan penaklukan yang kekal ke atas Brunei ataupun sebahagian daripada kepulauan Borneo. Penjajah Portugis telah mendirikan sebuah loji di Martapoera dalam tahun 1690 tetapi terpaksa berundur dari situ, empat tahun kemudiannya.

Dua penjajah Eropah yang tiba kemudiannya iaitu pada awal abad ketujuh belas seperti Belanda dan Inggeris memainkan peranan penting dalam perkembangan sejarah pulau Borneo. Belanda dengan Syarikat Hindia Timur Belanda (V.O.C.) dan Inggeris dengan Syarikat

Hindia Timur Inggeris (E.I.C.) berjaya membuat penempatan-penempatan di Asia Tenggara. Akhirnya, Inggeris dapat bertapak di bahagian utara pulau Borneo. Kawasan yang diduduki oleh Inggeris ialah apa yang dikenali sebagai Sarawak, Brunei dan Sabah. Sementara itu kawasan-kawasan yang diduduki oleh Belanda pula dikenali sebagai Kalimantan (Borneo Selatan).

### AKTIVITI LANUN DI BORNEO

Aktiviti penajah barat di kepulauan Melayu semakin meluas pada abad ke 17, 18, dan ke 19. Aktiviti mereka mempunyai kaitannya dengan aktiviti lanun. Semasa aktiviti mereka meluas, lanun-lanun semakin bermaharajalela.

Seorang penulis barat, O. Rutter yang menulis dalam bukunya, *The Pirate Wind*, menyatakan bahawa orang-orang baratlah yang menjadi perintis dalam aktiviti perlanunan dan huru-hara yang meluas di laut sekitar kepulauan Melayu.

Selain daripada itu, seorang pengarang barat lain, J.R. Logan dalam bukunya *The Pirate and Slave Trade of the Indian Archipelago* juga sama berpendapat dengan O. Rutter. Beliau telah mencatatkan aktiviti-aktiviti lanun di Asia Tenggara itu.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan lanun-lanun bermaharajalela selama lebih kurang 300 tahun, dari abad ketujuh belas sehingga abad kesembilan belas.

*Pertama*, Kekuasaan dan dasar monopoli perdagangan saudagar-saudagar Eropah menyebabkan pembesar-pembesar dan golongan bangsawan serta rakyat jelata kehilangan mata pencarian mereka. Rezeki mereka tertutup. Pembesar pula kehilangan kuasa dan pengaruh mereka. Keadaan ini menyebabkan mereka menjalankan aktiviti perlanun dengan tujuan untuk mencari harta kekayaan, membalaik dendam atau mengusir keluar penajah barat dari situ. Aktiviti mereka sedikit sebanyak mendatangkan kerugian kepada saudagar Eropah.

*Kedua*, Dasar keugamaan penajah Eropah yang cuba menyebarluaskan ugama Keristian dan di setengah-setengah tempat mereka cuba memaksakan ugama itu di kalangan orang tempatan telah menyebabkan timbulnya perasaan dendam dan marah. Orang tempatan mencari alasan terakhir, termasuk cara perlanunan.

*Ketiga*, Dengan kelemahan kesultanan Melayu, kacau bilau dan keadaan tidak tenteram timbul. Ekonomi juga merosot. Kemiskinan dan tekanan ekonomi yang buruk mendorongkan rakyat jelata dan juga golongan bangsawan menceburkan diri dalam aktiviti perlanun.

*Keempat*, Kesultanan yang lemah tidak lagi dapat mengawal aktiviti rakyatnya. Lanun-lanun jarang sekali ditemui semasa sesuatu kerajaan itu kuat seperti pada masa pemerintahan Sultan Bulkiah, atau di zaman Sriwijaya, Majapahit dan Melaka.

*Kelima*, Faktor ilmu alam juga mempengaruhi aktiviti lanun. Sungai-sungai yang berliku-liku dan panjang, teluk yang banyak, hutan-hutan bakau dan paya-paya dapat digunakan dengan senangnya oleh lanun-lanun. Keadaan tersebut menjadi amat berguna kepada lanun-lanun kerana mereka biasanya menggunakan kapal atau perahu yang kecil dan laju. Dengan mudah sahaja mereka dapat menyembunyikan diri mereka daripada kawannya di hutan-hutan atau di paya-paya bakau di tepi pantai ataupun mudik ke hulu-hulu sungai. Cara-cara lanun itu mencari mangsanya ialah dengan menyerang hendap ke atas perahu atau kapal dagangan yang tidak mempunyai sistem pertahanan yang lengkap untuk melawan. Apabila tiba bantuan, lanun-lanun itu sempat melarikan diri. Kapal-kapal besar biasanya dilengkapi dengan alat senjata tidak mudah jatuh ke tangan lanun-lanun.

*Keenam*, Satu lagi sebab berleluasanya aktiviti perlanunan ialah pemberian Sarawak kepada James Brooke pada tahun 1842. Penyebaran Sarawak itu menyebabkan ramai pembesar Melayu dan Arab merasa tidak puas hati kerana kehilangan punca pendapatan mereka. Oleh itu mereka turut serta dalam kegiatan melanun untuk mendapatkan sara hidup yang lumayan.

*Ketujuh*, Faktor sosial juga memainkan peranan penting. Perlanunan tidak dipandang hina oleh masyarakat masa itu. Ia juga tidak menyalahi dari sisi undang-undang kerana raja-raja dan pembesar-pembesar istana pun turut serta dalam aktiviti tersebut. Golongan atasan terlibat dalam gerakan itu sama ada secara langsung ataupun tidak langsung kerana mereka mendapat sebahagian daripada harta rampasan lanun-lanun itu.

Oleh itu kita dapat membuat kesimpulan bahawa faktor ilmu alam, politik, sosial dan ugama menjadi penggerak utama kepada berleluasanya aktiviti perlanunan di perairan Asia Tenggara. Kebanyakan penulis barat seperti O. Rutter, N. Tarling, S. Runciman, J.R. Logan, Hugh Low dan lain-lain lagi bersetuju dengan kenyataan di atas.

Walaupun sudah ada aktiviti perlanunan sejak awal Kurun Masehi tetapi aktiviti tersebut tidak begitu berleluasa. Itulah sebabnya mengapa pedagang-pedagang dari China dan India cuba mengelakkan perairan di Selat Melaka dan Selat Sunda. Mereka lebih selamat menggunakan Segenting Kra di utara Tanah Melayu dengan melalui jalan darat. Tidak hairanlah jikalau tempat-tempat di sekitar kawasan tersebut muncul beberapa buah penempatan Hindu yang akhirnya menjadi kerajaan-kerajaan di bawah pengaruh Hindu seperti Funan, Campa, Khmer, Langkasuka dan Kedah Tua. Tetapi aktiviti perlanunan itu menjadi lemah dengan lemah munculnya empayar-empayar yang kuat yang dapat mengawal keselamatan di perairan seperti Sriwijaya, Majapahit, Melaka, Brunei dan Sulu.

Kebanyakan lanun-lanun itu terdiri dari orang Melayu, Dayak, Orang Laut, Bugis, Llanun, Orang Balanini dan Orang Sikarna. Terdapat juga orang Eropah yang terlibat dalam aktiviti perlanunan seperti orang Sepanyol dan Portugis. Mereka merompak kapal-kapal yang membawa barang dagangan yang bernilai. Mereka juga merompak dan menyerang pekan-pekan kecil. Mereka menukarkan barang-barang rampasan dengan rempah-ratus di Kepulauan Rempah.

Akibat kemasuhanan pekan Brunei pada tahun 1645 oleh penjajah Sepanyol, Sultan Brunei telah mengenakan cukai yang tinggi kepada rakyatnya untuk membina semula pekan itu. Rakyat merasa tidak puas hati. Mereka memberontak pada tahun 1662. Bantuan terpaksa diminta dari Sultan Sulu. Pemberontakan selama 12 tahun itu ditamatkan pada tahun 1675. Kejadian itu menyebabkan keadaan huru-hara dan tidak tenteram.

Akibat daripada aktiviti perlanunan ialah keadaan tidak selamat dan ketakutan. Perdagangan tergendala dan menjadi merosot. Saudagar-saudagar cuba mengelakkan perairan yang merbahaya. Kapal dagangan pula dilengkapkan dengan alat senjata untuk melawan lanun-lanun itu.

Penjajah barat menggunakan aktiviti perlanunan sebagai alasan untuk campurtangan dan "bagai mententeramkan keadaan di perairan dan memajukan perdagangan". Penjajahan pun bermula. Perlanunan hanya dapat dihapuskan dengan wujudnya sistem keselamatan yang sempurna, yang dijalankan oleh penjajah barat dalam abad kesembilan belas. Penjajah Inggeris berjaya menghapuskan lanun-lanun di perairan Selat Melaka dan Laut China. Belanda pula berjaya di perairan di sekitar Pulau-pulau Hindia Timur dan Sepanyol di Filipina.

Seorang saudagar Syarikat Hindia Timur Inggeris yang bernama Alexander Hamilton telah membuat catitan mengenai penempatan dan kegiatan Inggeris di Borneo. Tujuan Inggeris mengadakan penempatan di Borneo ialah untuk bertanding dalam perniagaan rempah-ratus dengan Belanda di Kepulauan Rempah. Loji Inggeris di Bantam juga didirikan atas tujuan yang serupa. Tetapi keazaman Inggeris terhadap rempah-ratus itu menjadi pudar pada abad kelapan belas. Mereka mula menumpukan sepenuh perhatian ke atas perdagangan dengan negara China dalam perniagaan teh dan sutera dengan Cina. Saudagar Inggeris melihat Borneo tidak lagi penting sebagai markas mereka untuk perniagaan dengan pulau Moluku tetapi Borneo mulai penting sebagai tempat persinggahan saudagar Inggeris yang dalam perjalanan ke negara China dari Selat Melaka.

Untuk membeli teh dan sutera dari negara China, saudagar-saudagar Inggeris terpaksa menukarkannya dengan barang-barang lain. Kain kapas yang dieksport oleh saudagar Inggeris tidak dapat menjadi barang pertukaran yang bernilai. Oleh itu saudagar-saudagar Inggeris terpaksa menggunakan emas dan perak sebagai barang pertukaran. Ini bermakna logam-logam yang berharga dari Britain terpaksa dipindahkan miliknya kepada saudagar Cina. Selepas Perang Tujuh Tahun, perak yang biasa diperolehi oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris melalui perniagaannya dengan Filipina tidak lagi boleh didapati dengan banyaknya. Barang dagangan baru telah ditemui dari India iaitu candu dan kapas dan kedua-dua barang tersebut menjadi begitu penting dalam perdagangan dengan Cina pada akhir abad kelapan belas.

Kepulauan Sulu yang terletak di antara pantai timur laut Borneo dan Mindanao menarik minat Alexander Dalrymple, seorang pegawai Syarikat Hindia Timur Inggeris di Madras dan pengembara yang berpengalaman di laut-laut timur. Pada tahun 1759, beliau telah mencadangkan bahawa Sulu sungguh elok untuk dijadikan sebuah emporium perdagangan Inggeris. Sulu dapat digunakan untuk menjadi pasaran bagi barang-barang Inggeris dan India kepada kepulauan Melayu dan juga sebagai pasaran bagi kain kapas untuk saudagar Cina yang belayar ke selatan dari negara China kerana kebanyakannya daripada saudagar Inggeris tidak berjaya menjualkan barang-barang mereka di negara China disebabkan oleh sekatan yang dikenakan oleh Co-Hong di Canton.

Pada tahun 1760, Syarikat Inggeris membuat penempatan di Sulu. Pihak Syarikat Inggeris juga berpendapat bahawa Sulu dapat digunakan sebagai pengkalan untuk menentang lanun-lanun di antara Singapura dan China. Satu perjanjian yang dinamakan 'Artikat Per-sahabatan dan Perniagaan' ditandatangani di antara Great Britain dengan Sultan Sulu. Dalrymple mendapati bahawa Pulau Balambangan yang letaknya diutama Borneo adalah sesuai untuk tujuan di atas. Pada 23 Januari 1763, bendera Union Jack dinaikkan di Balambangan.

Dalrymple mendapati bahawa Sultan Sulu cuba dipengaruhi oleh Belanda untuk menandatangani satu perjanjian perdagangan dengan Netherlands dan beliau telah mengambil peluang tersebut dengan memujuk Sultan Sulu menyerahkan seluruh bahagian timur-laut Borneo dan sebahagian daripada Pulau Palawan kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris. Penyerahan itu berlaku di Molok pada 8 Jun 1764.

Penempatan di Balambangan itu mendapat tentangan daripada pihak Sepanyol yang mempunyai kedaulatan ke atas Kepulauan Sulu. Loji British yang sebenarnya telah didirikan pada tahun 1773, tetapi loji itu telah diserang oleh orang tempatan yang diketuai oleh seorang bangsawan Sulu bernama Datu Tating pada tahun 1775. Datu Tating ialah seorang pemberas yang proSepanyol. Percubaan pada tahun 1803, untuk mendirikan sebuah loji di Balambangan juga gagal. Loji itu terpaksa ditinggalkan pada tahun 1805. British dapat menikmati faedah yang sepenuhnya dari penempatan mereka di Singapura yang dibuka pada tahun 1819.

Sikap penajah Inggeris dan Belanda (ketua-duanya syarikat) terhadap Borneo adalah berbeda. Tujuan asal kedua-dua syarikat tersebut ialah untuk perdagangan. Tetapi Belanda menghubungkan Borneo dengan Pulau Jawa dan berazam untuk meluaskan penjajahan mereka daripada Jawa ke Boneo. British pula tidak mempunyai cita-cita untuk menjajah Borneo; mereka hanya ingin menggunakan Borneo sebagai pengkalan mereka ke negara China kerana kedudukan Borneo dalam jalan perdagangan mereka. Oleh itu mereka bercita-cita supaya bahagian utara pulau Borneo tidak jatuh ke tangan kuasa-kuasa lain.

Oleh yang demikian dalam abad kesembilan belas, Inggeris menumpukan perhatian mereka kepada bahagian utara Borneo untuk tujuan-tujuan strateji dan perdagangan. Belanda pula menumpukan perhatian di bahagian selatan Borneo untuk tujuan-tujuan politik dan perdagangan. Disebabkan dasar yang berbeza di antara kedua-dua kuasa itu, wujud konflik dan perselisihan.

## PENGARUH-PENGARUH BELANDA DAN INGGERIS DALAM ABAD KE 19

Zaman Perdagangan atau *Mercantilisme* di Eropah yang meliputi abad-abad ketujuhbelas hingga kesembilan belas mendorongkan saudagar-saudagar barat berlumba-lumba menjalankan aktiviti perdagangan di Asia Tenggara. Negara-negara Eropah menjadi negara-negara perindustrian pada pertengahan abad kelapan belas setelah perlakunya Revolusi Perusahaan di Eropah. Orang barat menumpukan perhatian ke atas tempat-tempat yang belum lagi maju seperti di Asia Tenggara untuk mencari bahan-bahan mentah. Tempat-tempat seperti itu juga dapat menjadi pasaran bagi barang-barang yang sudah siap yang dibuat oleh kilang-kilang di Eropah.

Pulau Borneo termasuk di dalam dasar mercantilisme Belanda dan Inggeris. Pekan-pekan seperti Kutai, Benjarmasin, Sukadana, Pontianak, Tarakan, Samarinda, Balikpapan dan Sambas jatuh ke tangan Belanda dan tempat-tempat itu juga menyediakan bahan-bahan mentah kepada Belanda. Inggeris pula bertapak di Sarawak, Berunei dan Sabah untuk menjadi markas mereka dalam aktiviti perdagangan antara India dengan China. Borneo utara diharapkan untuk menjadi emporium barang-barang dari Asia Tenggara kepada pihak Inggeris. Inggeris telahpun bertapak di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka sebelum itu.

Inggeris juga berkehendakkan bahan-bahan mentah dari Asia Tenggara. Pulau Moluku mengeluarkan rempah-rempah, Sumatra dengan lada sulah dan lada hitam, Bangka dan Biliton dengan bijih timah, Banjarmasin dengan lada sulah dan Sambas dengan emasnya. Inggeris juga ingin mencari bahan-bahan dagangan yang lain di kepulauan Melayu seperti sarang-sarang burung, hasil-hasil hutan, hasil-hasil laut dan logam. Bahan-bahan itu boleh digunakan sebagai barang-barang pertukaran dengan daun teh dan kain sutera dari negara China.

Oleh itu Inggeris dan Belanda masing-masing berebut-rebut mencari bahan-bahan mentah di kepulauan Melayu. Keadaan ini mendatangkan konflik di antara mereka. Apabila Perang Napoleon tamat pada tahun 1815, keadaan konflik itu masih wujud lagi. Ia hanya dapat diselesaikan pada tahun 1824 dengan Perjanjian Inggeris-Belanda juga dikenali dengan Perjanjian London di mana dua kawasan pengaruh telah diwujudkan di kepulauan Melayu. Garisan pemisahnya ialah Selat

Singapura. Pulau-pulau yang terletak di utara Selat Singapura termasuk ke dalam kawasan pengaruh Inggeris dan yang di selatan Selat Singapura ialah kawasan pengaruh Belanda. Perjanjian itu telah menyelesaikan perselisihan di antara British dan Belanda untuk sementara waktu.

Borneo tidak disebut dalam perjanjian itu. Perkara ini menjadi punca perselisihan yang berlanjutan di antara Inggeris dan Belanda bukan sahaja di Asia Tenggara tetapi juga di Eropah. Sarawak merupakan punca perselisihan yang pertama di mana James Brooke, seorang rakyat Inggeris telah membuat penempatan di situ pada tahun 1842.

Dengan penyerahan Sarawak kepada James Brooke, Belanda menentang pengambilan tersebut. Mereka menyatakan bahawa Borneo termasuk ke dalam kawasan pengaruh mereka mengikut Perjanjian 1824 dahulu. Tetapi pihak Inggeris pula berpendapat bahawa Sarawak berada di dalam kawasan pengaruh mereka kerana ia letaknya di utara Selat Singapura.

Inggeris kemudiannya menduduki Labuan pada tahun 1846. Aktiviti Inggeris tersebut menimbulkan kemarahan Belanda. Sebenarnya pihak Inggeris memang bencikan Belanda. James Brooke telah memberi bantuan ubat bedil kepada pembesar-pembesar yang anti-Belanda di bahagian selatan Borneo. Kerajaan Inggeris pula menyokong tindakan James Brooke itu.

Inggeris mengambil Labuan adalah disebabkan oleh keinginannya mencari pengkalan laut untuk mengawal jalan perdagangan mereka ke negara China. Labuan juga diharapkan dapat menjadi pengkalan untuk melengkapkan kapal-kapal dagangan dengan arang batu dan menjadi emporium bagi barang-barang dari Asia Tenggara.

Kerajaan Inggeris dan angkatan lautnya terlibat dalam aktiviti yang dijalankan oleh James Brooke. Kerajaan terpaksa melindungi warganegaranya di Sarawak. Saudagar-saudagar Inggeris juga berusaha mencari tempat-tempat lain untuk melaburkan modal mereka setelah tamatnya monopoli Syarikat Hindia Timur Inggeris ke atas negara China pada tahun 1834, melalui Akta Parlimen Inggeris. Inggeris terpaksa campurtangan di Borneo Utara kerana tempat-tempat itu begitu penting kepada mereka. Sekiranya Inggeris tidak menduduki wilayah tersebut, mungkin penjajah Eropah yang lain seperti Jerman, Belanda, Perancis dan Amerika Syarikat akan mengambilnya, kerana pertengahan abad kesembilan belas merupakan zaman imperialism yang sedang berkembang dengan pesatnya.

Inggeris juga ingin menyebarkan tamadun mereka yang mereka dianggap lebih maju kepada rakyat atau penduduk yang masih mundur lagi. Ini adalah berikutan dari zaman kemanusiaan yang berlalu di Eropah.

### KESAN-KESAN DARI DASAR PENJAJAH BARAT

Orang Eropah yang datang ke Asia Tenggara adalah didorongkan oleh beberapa faktor seperti yang telah dibincangkan dahulu. Salah satu faktor yang terpenting ialah Asia Tenggara mempunyai daya penarik kerana kepentingannya dari segi ekonomi iaitu seperti bahan-bahan mentah, rempah-rempah dan sebagainya.

*Negeri-negeri Melayu lama* seperti Melaka, Brunei, Aceh, Demak, Banjarmasin, Sukadana, Makasar dan lain-lain lagi sebelum ketibaan penjajah barat merupakan negeri-negeri yang teguh, kuat dan kukuh dari segi ekonomi, pertahanan, perdagangan dan pemerintahannya. Mereka mempunyai institusi-institusi yang tersendiri yang tersusun dengan teratur dan licin.

Orang Eropah mula-mula datang secara perseorangan seperti pedagang, tentera, pentadbir atau penyebar ugama Keristian. Kemudian baharulah mereka datang secara berkumpulan iaitu sebagai saudagar-saudagar untuk tujuan perdagangan.

Sistem sosial, ekonomi dan politik bumiputera juga turut berubah dengan penjajahan barat itu. Institusi-institusi sosial, ekonomi dan politik barat diperkenalkan dan digunakan.

Dari segi sosial, kedudukan hamba abdi menjadi bertambah buruk. Rakyat juga dipaksa untuk bekerja di ladang-ladang kepunyaan penjajah. Sulu dan Brunei menjadi pusat hamba abdi. Aktiviti perlanun juga bertambah banyak.

Orang Eropah datang ke Asia Tenggara dengan motif yang tertentu. Mereka menyebarkan ugama Keristian di kalangan penduduk tempatan. Mereka juga cuba mendapatkan seberapa banyak barang dari Asia Tenggara dengan harga seberapa murah yang boleh. Mereka mengadakan monopolii dan perjanjian perdagangan dengan raja-raja tempatan dan sebagainya.

Ekonomi juga mengalami perubahan iaitu dasar monopolii dan sistem kontrak telah diperkenalkan dan dengan itu wujudlah buruh atau kuli yang kehidupan mereka tertindas.

Dari segi politik, raja-raja kehilangan kuasa dan kewibawaan. Kelebihan raja-raja menjadi lemah disebabkan dasar 'pecah-pecah dan perintah' oleh penjajah. Pemerintahan dijalankan oleh penjajah atas nama raja-raja atau sultan-sultan.

Selepas kejatuhan Melaka pada tahun 1511 dan sehingga tahun 1600, beberapa kesultanan baru muncul tetapi kesultanan itu tidak begitu agung dan cemerlang seperti Melaka, kecuali Brunei di bawah Sultan Bulkiah.

Kesan-kesan daripada aktiviti barat ialah kemunculan kesultanan-kesultanan yang baru bagi menggantikan kesultanan-kesultanan lama. Mereka menentang dan menyerang penjajah Eropah untuk menghalau mereka keluar dan untuk membala dendam.

Dasar penindasan dan paksaan oleh penjajah menyebabkan pendapatan pembesar-pembesar dan raja-raja berkurangan. Akibatnya, mereka menceburkan diri dalam lapangan perlanunian. Tetapi penjajah baratlah yang memulakan aktiviti tersebut seperti yang dilakukan oleh orang Sepanyol. Menurut *N. Heyward*, "Adalah satu faktor yang menyediakan bahawa penjajah Eropah telah menjadi perintis dalam aktiviti melanun dan huru-hara yang kemudiannya meluas di perairan Alam Melayu". Tidak dapat dinafikan bahawa perlanunian telah pun wujud dahulu tetapi raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu tidak mengambil bahagian kerana mereka mempunyai kuasa dan kewibawaan serta bertugas menjaga keamanan. Ini dapat dilihat daripada *Undang-undang Melayu Melaka*, *Undang-undang Kedah*, dan *Undang-undang Pahang*.

Orang tempatan kehilangan mata-pencarian mereka kerana orang Eropah mengenepikan barang-barang dan hasil-hasil tempatan seperti rotan, sagu, getah hutan, lilin, barang-barang hutan dan sebagainya. Orang Eropah lebih mementingkan barang-barang yang berharga seperti rempah-rempah, ladahitam, emas, permata dan sebagainya.

Wujudnya satu golongan masyarakat yang menganut ugama Keristian, sama ada hasil daripada perkahwinan di antara orang Keristian dengan orang tempatan, ataupun orang tempatan memeluk ugama Keristian. Orang Portugis dan Sepanyol aktif dalam menyebarkan ugama Keristian kepada penduduk tempatan. Belanda pula menyebarluaskan ugama Keristian mazhab Calvinist di kalangan orang asli di Pulau Ceram dan Halmahera.

Pada keseluruhannya dapat dikatakan bahawa kesan-kesan aktiviti penjajah barat itu adalah bersesuaian dengan pendapat

N. Tarling dalam bukunya, "Piracy and Politic in the Malay World", "Polisi penjajah Eropah menyebabkan kehancuran *unit-unit politik yang besar*, terutamanya ke atas empayar-empayar perdagangan *Melayu lama*. Kedatangan penjajah Eropah itu tidak memusnahkan sepenuhnya negeri-negeri asli tetapi ia hanya memusnahkan sistem negeri-negeri lama yang dinamis, mengurangkan ibu-ibu negeri lama daripada ke-gemilangan kepada kepudaran dan mengurangkan pembesar-pembesarnya daripada keperwiraan kepada kelemahan, daripada kemajuan kepada kebekuan." Dengan demikian, mereka dapat meneruskan dasar melintang pengaruh mereka dengan lebih berkesan lagi.

## Bab 4

### RAJA-RAJA BROOKE DI SARAWAK, 1841–1941

#### JAMES BROOKE

James Brooke telah dilahirkan di Benares, India pada 29 April 1803. Ayahnya seorang hakim yang berkhidmat dengan Syarikat Hindia Timur Inggeris di India. James Brooke mempunyai enam orang adik beradik dan dia adalah anak lelaki yang kedua anak-anak yang kelima kepada Thomas Brooke dan Anna Maria Stuart.

Ketika umurnya 12 tahun, dia dihantar ke England untuk bersekolah di Norwich Grammar School. Dia tidak berminat dalam pelajarannya. Ketika dia berumur 16 tahun, dia menjadi seorang askar Syarikat Hindia Timur Inggeris di India pada tahun 1819.

Dalam Perang Inggeris-Burma (1824–1826), beliau telah berperang dengan gagahnya tetapi malangnya dia telah mendapat cedera parah dalam tahun 1825. Beliau terpaksa balik ke England untuk mendapat rawatan. Dalam pelayarannya balik ke India pada tahun 1829, kapalnya terkandas di Madras dan beliau tidak sempat tiba di Calcutta sebelum cuti panjangnya berakhir. Oleh itu beliau telah meletakkan jawatannya setelah berselisih faham dengan Syarikat Hindia Timur Inggeris dan mengambil keputusan menjadi pengembara.

James Brooke telah melawat beberapa buah negeri di laut-laut timur dalam pelayarannya ke negara China. Alam Melayu menarik perhatiannya. Pada tahun 1834, beliau sekali lagi melawat ke Alam Melayu di dalam sebuah kapal perdagangan. Perdagangan yang dijalankan oleh kapal itu tidak begitu menguntungkan. Tetapi pelayaran tersebut telah menarik minat Brooke terhadap Alam Melayu.

Apabila ayahnya meninggal dunia pada tahun 1835, dia mewarisi sebahagian dari harta ayahnya berjumlah £30,000. Akhirnya dia membeli sebuah kapal yang dinamakan 'Royalist'. Kapal ini beratnya 142 tan dan ia berazam untuk mengelilingi dunia dengannya.

Setelah belseyari di Laut Mediterranean, dia tiba ke Alam Melayu dalam bulan Disember 1838 dan kemudiannya tiba di Singapura pada awal 1839. Sebelum meninggalkan England, beliau telah menerbitkan sebuah risalah yang dinamakan 'Expedition to Borneo' (Pengembaraan ke Borneo). Tujuannya kali ini ialah untuk menjalankan penyelidikan sains ke atas pantai-pantai utara Borneo dan Sulawesi. Minatnya terhadap Borneo semakin ternyata kerana dia juga pernah membaca makalah-makalah yang ditulis oleh Sir Stamford Raffles dan buku-buku sejarah seperti *Sejarah Jawa* oleh Sir Stamford Raffles. Dia berharap hasil dari penyiasatannya itu akan dapat digunakan oleh ahli-ahli perdagangan Inggeris untuk kepentingan-kepentingan perdagangan dan politik.

Dari mula lagi James Brooke berpendapat bahawa aktiviti penjajah Eropah di Asia Tenggara mestilah bertujuan untuk 'memaju dan mempertahankan hak-hak orang tempatan' daripada mengeksplotasi bumiputera. Dia juga telah mengkritik dasar Belanda kerana katanya dasar itu telah menyebabkan kepulauan Melayu menjadi huru-hara dan tidak aman. Brooke sangat kagum dan tertarik kepada aktiviti Sir Stamford Raffles di Jawa.

Dari Singapura, dia belseyari ke Kucing pada 15 Ogos 1839. Rancangan asalnya ialah untuk menyiasat Borneo daripada Teluk Marudu. Tetapi dia kemudiannya telah menukar rancangan tersebut dan terus belseyari ke Brunei. Daripada Brunei, dia bercadang untuk melawat Sarawak. Dia membawa bersama-sama surat-surat pengenalan daripada Gabenor Bonham, Gabenor Negeri-Negeri Selat untuk dipersesembahkannya kepada Sultan Brunei dan hadiah daripada Dewan Perniagaan Singapura untuk Raja Muda Hashim yang telah bermurah hati menolong pelaut-pelaut Inggeris yang terkandas di Sarawak.

Pada tahun 1839, kawasan yang dinaungi oleh Sultan Brunei meliputi kawasan dari Teluk Marudu di utara Borneo sehingga ke Tanjung Datu di selatan. Kawasan itu ialah kira-kira 700 batu panjangnya. Penduduknya tidak berapa ramai. Kebanyakannya ialah orang Melayu dan sedikit-sedikit orang Cina dan saudagar Arab. Di pendalaman pula, terdapat penduduk bumiputera yang terdiri dari berbagai-bagai kaum. Kebanyakan daripada mereka tinggal di tepi-tepi laut dan di tebing-tebing sungai.

Orang Melayu hidup dengan perdagangan, perompakan dan mengenakan mengenakan cukai-cukai yang tinggi ke atas orang Dayak dan penduduk bumiputera di daerah-daerah pendalaman.

Semasa ketibaan James Brooke, pemerintahan yang baik dan cekap sudah lama lenyap. Keganasan lanun-lanun menyebabkan Kesultanan Brunei menjadi lemah. Sementara itu pembesar-pembesar Sultan atau *Pengeran-pengeran* yang menjadi wakil-wakil Sultan Brunei di kuala-kuala sungai tidak lagi menghantar ufti dan cukai kepada Sultan. Menurut Graham Irwin dalam bukunya *Nineteenth-Century Borneo: A Study In Diplomatic Rivalry*, pembesar-pembesar itu masih lagi mengaku taat setia kepada Sultan. Mereka memerintah terus seperti pemerintah-pemerintah yang merdeka. Kebanyakan daripada mereka ialah ketua-ketua lanun atau 'Syarif-syarif'.

Keadaan seperti di atas wujud di Sarawak, salah sebuah wilayah Kesultanan Brunei yang kurang penting. Sarawak tidak banyak dikenali orang sebelum ketibaan James Brooke. Pada awal abad keenam belas, seorang ahli sejarah bangsa Portugis yang bernama *de Barros* ada mencatatkan nama 'Cerava' dalam senarai nama-nama pekan yang utama di Borneo. Menjelang abad kesembilan belas, Sarawak hanya dikenali sebagai satu daripada sarang-sarang lanun di Borneo. Nama Sarawak pernah disebut oleh John Leyden dalam bukunya "*Sketch of Borneo*". Rekod Belanda ada menyebutkan seramai 100 orang Melayu tinggal di Sarawak dan kebanyakannya ialah lanun-lanun; dan terdapat cuma tiga buah rumah orang Cina sahaja; serta dua orang Pengeran yang menjalankan tugas-tugas pentadbiran dan pemungutan cukai.

Sarawak mempunyai hubungan dengan Kesultanan Sambas di barat-daya Sarawak dalam perniagaan candu, garam dan pertukangan tangan. Sarawak juga pernah menjualkan logam antimoni ke Singapura pada awal abad kesembilan belas. Logam itu dilombong dekat dengan bandar Kucing oleh buruh-buruh Dayak, dan dijual oleh Gabenor

Sarawak yang bernama *Pengeran Mahkota* kepada saudagar-saudagar Inggeris di Singapura.

Empat tahun sebelum ketibaan James Brooke, Pengeran Usup dari Brunei, salah seorang keluarga diraja Brunei, telah menghasut orang Dayak di Sarawak untuk memberontak. Orang Dayak memang telah lama merasa tertindas dalam *sistem kerah* untuk logam antimoni yang dipaksakan oleh Pengeran Mahkota ke atas mereka. Pengeran Usup juga membuat perhubungan dengan orang Belanda di Sambas dengan menawarkan kepada mereka negeri Sarawak sebagai balasan. Pemberontakan itu tidak dapat ditamatkan dengan segera. Keadaan ini menyebabkan Sultan Brunei menghantar bapa saudaranya yang juga menjadi Menteri Besar Brunei, *Raja Muda Hassim* untuk menamatkan pemberontakan tersebut.

Semasa James Brooke tiba di Sarawak, pemberontakan sedang berlanjutan. Brooke menemui Raja Muda Hassim dan Raja Muda Hassim telah meminta James Brooke tinggal lebih lama di Sarawak tetapi James Brooke enggan kerana dia terlalu ingin meneruskan penyiasatannya. Ia terus belayar ke Sungai Samarahan dan Sungai Lundu yang terletak berhampiran dengan Kucing. Kemudiannya dia belayar ke selatan Sulawesi.

James Brooke melawat Kucing sekali lagi pada bulan Ogos 1840. Kali ini Raja Muda Hassim telah meminta bantuannya untuk menamatkan pemberontakan itu. James Brooke sebaliknya ingin mengucapkan selamat tinggal kepada Raja Muda Hassim. Apabila Raja Muda Hassim menawarkan Sarawak kepadanya, dia telah menolaknya pada kali pertama tetapi telah menerima pada tawaran kali kedua. Pemberontakan itu ditamatkan dengan bantuan James Brooke.

Pada bulan Februari 1841, James Brooke dilantik sebagai *Residen Sarawak* oleh Raja Muda Hassim. Sarawak tidak diserahkan kepada James Brooke. Tetapi Brooke berazam untuk menjadikan Sarawak hak miliknya. Dengan ketibaan kapal Inggeris, *Diana* di Sarawak untuk menyiasat mengenai penangkapan ke atas pelaut-pelaut Inggeris yang terkandas oleh Brunei menyebabkan Raja Muda Hassim berada dalam ketakutan. Kemudiannya satu lagi peristiwa telah berlaku di mana satu percubaan untuk meracun juru-bahasa James Brooke telah dilakukan oleh orang suruhan Pengeran Mahkota. James Brooke mengambil keputusan untuk mengusir Pengeran Mahkota. Pada 24hb. September 1841, ia dilantik dengan rasminya sebagai Gabenor Sarawak. Pada 1hb.

Ogos 1842, James Brooke menjadi *Raja Sarawak yang pertama* setelah Sarawak diserahkan dengan rasminya oleh Sultan Brunei kepadanya. James Brooke berjanji untuk membayar wang sejumlah £1,000 tiap-tiap tahun kepada Sultan Brunei. Dengan peristiwa itu, penjajahan Sarawak oleh Inggeris pun bermula. Sarawak menjadi hak milik perseorangan James Brooke dan waris-warisnya. James Brooke ialah '*Raja Putih*' yang pertama di Sarawak. Dia adalah seorang raja yang *berkuasa mutlak* di Sarawak.

Daripada peristiwa-peristiwa yang telah digambarkan di atas, kita dapatkan niat sebenarnya James Brooke untuk membantu Raja Muda Hassim. Sebaliknya cita-cita James Brooke ialah untuk menjajah Sarawak. Dia telah menggunakan peluang yang diperolehnya iaitu semasa Raja Muda Hassim berada di dalam kecemasan, untuk mendapatkan apa yang dihajatinya. Minatnya untuk penyelidikan sains juga tidak jelas. Sebenarnya ia tidak berminat dalam pelajaran semenjak di bangku sekolah lagi.

Wilayah yang diserahkan oleh Sultan Brunei kepada James Brooke pada tahun 1842 itu adalah kawasan *Bahagian Pertama Sarawak*. Dia menjadi Raja selama 27 tahun. Semasa menjadi Raja, dia telah mengenalkan beberapa perubahan di Sarawak. Perubahan-perubahan itu ialah dalam bidang pentadbiran, ekonomi dan sosial. Di antara perubahan itu ada yang membawa kebaikan kepada rakyat Sarawak dan ada yang sebaliknya.

James Brooke telah mengadakan satu *kod undang-undang* yang diasaskan kepada sistem undang-undang yang sedang wujud di Brunei pada ketika itu. Tetapi kod undang-undang itu dimasukkan dengan idea-idea barat yang lebih maju dan moden. Ia terdiri daripada lapan perkara dan dikenali sebagai '*Eight Items*'. Daripada sebuah negeri yang tidak mempunyai ketenteraman dan keselamatan, keamanan telah diwujudkan dan dikekalkan.

Perniagaan bebas digalakkan. Sungai-sungai dan pantai-pantai laut di sepanjang-pantai Sarawak dibuka kepada pedagang-pedagang bumiputera dan dari seberang lautan. Sukatan-sukatan berat dan timbangan serta ukuran yang tertentu disediakan. Ini menyenangkan pedagang-pedagang berniaga. Dia juga telah mengeluarkan matawang baru bagi kegunaan orang Sarawak.

James Brooke memperkenalkan mahkamah di Sarawak. Dia sendiri menjadi ketuanya atau Hakim dengan dibantu oleh ketua-ketua Melayu, bumiputera dan Cina serta pegawai-pegawai Eropah. Segala

kesalahan jenayah dan juga awam dibicarakan di hadapannya. Oleh yang demikian, dia boleh mendapat maklumat-maklumat mengenai aktiviti jenayah di Sarawak dan bertindak dengan cepat.

Setem-setem dan bendera Sarawak dicipta sendiri oleh James Brooke. Oleh yang demikian kita dapat pada peringkatawal pemerintahannya, dia telah cuba mewujudkan keamanan dan menjalankan pentadbiran seperti negerinya sendiri. Dia menentang aktiviti kapitalis Inggeris yang ingin mengeksplorasi Sarawak seperti yang dijalankan oleh *Henry Wise*. Dia lebih mementingkan kepentingan-kepentingan bumiputera. James Brooke ingin bertugas sebagai pelindung dan mempertahankan kehidupan bumiputera. Dia berpendapat Sarawak ialah kepunyaan penduduk bumiputeranya. Lebih-lebih lagi masa pemerintahan James Brooke itu bersamaan dengan 'Zaman Kemanusiaan' di England. Orang Inggeris bercita-cita untuk membawa tamadun mereka yang lebih maju ke tempat-tempat yang ditakluk mereka.

Ada juga di antara aktiviti-aktiviti James Brooke yang menunjukkan sikap atau cita-citanya sendiri. Dia telah memusnahkan lanun-lanun sekarang dan Saribas di Batang Lupar. Lanun-lanun itu adalah yang paling ganas di Sarawak. Kubu-kubu lanun Saribas di Padeh, Paku dan Rimbas dimusnahkan. Kubu-kubu yang lain di sungai-sungai sekarang, Undup dan Lingga juga dihancurkan. Dalam menjalankan aktiviti tersebut, dia telah dibantu oleh angkatan laut Inggeris yang ditempatkan di Laut Cina seperti kapal-kapal perang H.M.S. Dido, H.M.S. Samarang, H.M.S. Wolf, H.M.S. Driver, H.M.S. Agincourt, Phlegethon, Sultana, Diana dan Nemesis. Walaupun tugas itu adalah baik tetapi di dalam usahanya itu dia telah juga menghapuskan serta memusnahkan kehidupan orang yang tidak bersalah dan bukan lanun. Sebenarnya James Brooke tidak dapat membezakan di antara lanun dengan yang bukan lanun.

Dorongan dan inisiatifnya mendesak Kerajaan Inggeris mengambil Labuan untuk kepentingannya sendiri. Labuan dijajah pada tahun 1846 dan James Brooke telah dilantik sebagai Gabenornya yang pertama. Ini dilakukan setelah desakan dan pujukannya kepada Kerajaan Inggeris supaya ia diiktiraf sebagai pemerintah yang berdaulat dan merdeka di Sarawak gagal.

James Brooke juga menyuruh Raja Muda Hassim kembali ke Brunei supaya dia senang menjalankan pemerintahannya di Sarawak tanpa gangguan daripadanya. Kepulangan Raja Muda Hassim menyebabkan dia terbunu bersama-sama dengan Pengiran Baharuddin pada

tahun 1846. Dia selalu menggunakan Raja Muda Hassim untuk mencapai tujuan-tujuannya dan memperkuatkan kedudukannya.

James Brooke telah meluaskan wilayah asal yang diterimanya iaitu daripada *Sungai Samaraham* ke *Mukah* pada tahun 1846 dan kemudiannya ke *Bintulu* pada tahun 1860. Dengan demikian, wilayah Sarawak telah diluaskan sehingga ke *Sungai Oya* dan akhirnya ke *Tanjung Kidurong*, iaitu daripada Bahagian I hingga ke Bahagian III. Ini menunjukkan James Brooke bersifat *expansionis*.

Walau bagaimanapun, James Brooke telah berjaya mengubah keadaan hidup penduduk di Sarawak. Daripada keadaan kekacauan, penindasan dan pemberontakan sebelum ketibaannya kepada keadaan yang lebih tenteram dan makmur. Walaupun pentadbirannya tidak berapa menguntungkan tetapi dia bolehlah dikatakan sebagai seorang yang berperikemanusiaan dan bertimbang rasa. Dia banyak berhutang kepada *Syarikat Borneo Utara Sarawak* untuk membiayai pentadbirannya dan menentang pemberontakan orang Cina dalam tahun 1856.

Semasa menjadi Raja Sarawak, James Brooke pernah balik berehat ke England pada tahun 1847. Dia telah disambut dengan meriahnya oleh Queen Victoria serta dianugerahkan gelaran 'Sir' kepadanya kerana jasa-jasa dan perkhidmatannya di Sarawak. Tetapi bila balik semula ke Sarawak empat bulan kemudiannya, pada tahun 1856, meletus satu pemberontakan oleh pelombong-pelombong China menentang pemerintahannya. Pemberontakan itu hampir-hampir berjaya menjatuhkan pemerintahan James Brooke dan mereka telah memusnahkan bandar Kucing. Tetapi telah dipadamkan dengan bantuan angkatan laut Inggeris.

Pendudukan Sarawak oleh James Brooke mendapat tentangan daripada pihak Belanda di Borneo. Orang Belanda berpendapat bahawa Borneo berada di bawah kawasan pengaruh mereka mengikut Perjanjian Inggeris-Belanda 1824. Tetapi pihak Inggeris juga mempertahankan pendapatnya dengan mengatakan Sarawak berada di utara Selat Singapura dan dengan demikian di bawah pengaruhnya. Akhirnya, pada tahun 1850, Belanda mengakui kedaulatan Inggeris di Utara Borneo.

Pada tahun 1863, Kerajaan Inggeris menghantar seorang 'Konsul' ke Kucing sebagai wakil Kerajaan Inggeris kepada James Brooke. Peristiwa itu menunjukkan bahawa James Brooke diakui sebagai Raja yang berdaulat. James Brooke meninggalkan Sarawak untuk kali yang terakhir pada tahun 1863 dan hidup aman damai di England. Pemerin-

## SEJARAH MALAYSIA TIMUR

tahan negeri Sarawak diserahkan kepada anak saudaranya, *Charles Johnston Brooke* yang dilantik sebagai *Pemangku Raja*. James Brooke meninggal dunia pada 11hb. Jun 1868 dan Charles Johnston Brooke menjadi Raja II di Sarawak.

### PENJAJAHAN BRITAIN KE ATAS LABUAN, 1846

Labuan ialah sebahagian daripada wilayah Kesultanan Brunei. Perkataan Labuan berasal dari perkataan 'Laboh-an' iaitu merupakan sebuah tempat berlabuh yang elok. Labuan, yang luasnya kira-kira tiga puluh lima batu persegi ialah sebuah pulau kecil yang terletak berhampiran dengan bandar Berunai.

Labuan memainkan peranan penting dalam sejarah Malaysia Timur. Penjajahan Labuan melibatkan tiga golongan manusia iaitu pertama, Kerajaan Inggeris serta kakitangan-kakitangan dan pegawai-pegawaiannya di Singapura, Pulau Pinang, Calcutta dan London; kedua, golongan saudagar-saudagar dan pihak swasta; ketiga, usaha-usaha dari James Brooke di Sarawak.

Masa pengambilan Labuan adalah zaman imperialisme barat sedang meluas di Asia Tenggara. Ini adalah akibat daripada Revolusi Perusahaan di Eropah di mana kuasa-kuasa barat berlumba-lumba mencari tanah-tanah jajahan di seberang laut.

Pengambilan Labuan juga adalah lanjutan daripada aktiviti-aktiviti imperialisme Inggeris di Asia. Beberapa buah negeri di Asia berada di bawah pemerintahan atau naungan Inggeris di sepanjang-panjang abad ke 18 dan 19. India diduduki pada tahun 1757, Pulau Pinang 1786, Ceylon 1802, Singapura 1819, Burma 1824, Melaka 1824, Hong Kong 1842, Sarawak 1842, Labuan 1846, Hilir Burma 1852, Negeri-negeri Melayu di Tanah Melayu 1874 dan Burma Hulu pada tahun 1885. Penjajah Inggeris mempunyai tanah-tanah jajahan di sepanjang-panjang jalan perdagangan dari Barat ke Timur.

Persaingan Inggeris dengan kuasa-kuasa barat yang lain mengenai tanah jajahan bermula. Zaman itu merupakan zaman perlumbaan di antara penjajah tersebut untuk mendapatkan seberapa banyak tanah jajahan yang boleh. Penjajah lain seperti Perancis, Amerika Syarikat, Itali, Jerman, Belanda dan Sepanyol mungkin mengambil Labuan

sekiranya British tidak mengambilnya. Belanda sudah berada di bahagian selatan Borneo. Lagi pula Inggeris sudahpun berada di Sarawak dan berhampiran dengan Labuan. Jika Labuan jatuh ke tangan penjajah lain, mungkin akan timbul konflik di antaranya dengan Inggeris. Itali juga sedang mencari suatu kawasan di Borneo untuk dijadikan penempatan bagi orang salah seperti yang telah dibuat oleh Inggeris di Australia. Amerika Syarikat dalam tahun 1845 dengan sebuah kapalnya, *U.S.S. Constitution* telah singgah di Brunei dan menawarkan pertahanan serta perjanjian persahabatan dan perdagangan kepada Sultan Brunei.

Semenjak pengambilan Sarawak, usaha-usaha untuk meluaskan pengaruh Inggeris ke wilayah-wilayah Kesultanan Brunei yang lain telah dijalankan, terutamanya oleh James Brooke. Beliau mendapati bahawa dia seorang diri akan menghadapi kesukaran-kesukaran yang besar sekiranya Kerajaan Inggeris tidak campurtangan dalam membantunya untuk menjaga Sarawak. Oleh itu dengan seberapa daya usahanya telah cuba mempengaruhi Inggeris supaya mengambil Labuan.

James Brooke dalam usahanya untuk menghapuskan lanun yang bermaharajeleta di perairan Borneo terpaksa meminta bantuan dari angkatan laut Inggeris kerana dia sendiri tidak mempunyai tenaga dan alat kelengkapan yang cukup untuk membasmi lanun itu. Perairan Borneo mesti dijadikan kawasan yang selamat bagi kapal-kapal perdagangan yang pergi ke negara Cina. Pertahanan bagi Sarawak juga berkehendakkan bantuan dari luar. Apabila James Brooke meminta bantuan kepada Kerajaan Inggeris supaya membantunya dalam usaha-usaha tersebut, dia menghadapi kegagalan. Kerajaan Inggeris tidak mahu campurtangan kerana ia menganggap Sarawak adalah hak milik dan kepunyaan keluarga Brooke.

Oleh itu James Brooke dalam usahanya mempengaruhi Inggeris untuk menjaga kepentingan-kepentingannya dan mempertahankan Sarawak telah mengesyorkan kepada Kerajaan Inggeris mengenai pulau Labuan. Penulis barat, *M. Hall* dalam bukunya, "Labuan Story" menyatakan bahawa penawaran Labuan oleh Sultan Brunei adalah disebabkan oleh usaha James Brooke untuk mendapatkan arang batu dan pengkalan untuk melawan lanun.

James Brooke mendapati wujudnya kegiatan-kegiatan daripada penjajah-penjajah barat yang lain di Borneo dan kegiatan-kegiatan itu membahayakan rancangan-rancangannya untuk membawa Inggeris

bertapak di bahagian utara pulau Borneo. Kerajaan Inggeris terpaksa mengambil Labuan untuk menyekat kuasa-kuasa asing dan untuk meluaskan pengaruhnya ke tanah Borneo, serta melindungi Kesultanan Brunei yang lemah itu.

James Brooke berharap dengan irungan atau penempatan kapal-kapal perang Inggeris di Labuan dan pengambilan Labuan, penduduk tempatan dan buru-putera yang diperintahnya akan sentiasa tunduk dan taat setia kepadanya. Dengan demikian akan senanglah dia merintah Sarawak.

Golongan saudagar dan kaum pedagang Inggeris turut mendesak kerajaan untuk menjajah Labuan. Perniagaan mereka dengan negara Cina semakin maju dan pesat. Mereka ingin kapal-kapal dan barang-barang dagangan mereka dilindungi daripada lanun dan lain-lain marabahaya di laut. Juga perniagaan mereka dengan penduduk Borneo dapat dijalankan dengan aman, tanpa gangguan dan takut kepada kerugian.

Faktor ekonomi juga memainkan peranan penting. Dengan tamatnya sistem monopoli Syarikat Hindia Timur Inggeris dengan negara Cina pada tahun 1834, bertambah banyak perdagangan yang dijalankan oleh saudagar-saudagar swasta Inggeris. Lebih-lebih lagi apabila Cina membuka lima buah pelabuhan perjanjian selepas tamatnya Perang Candu Pertama pada tahun 1842. Ini menyebabkan bertambah beratnya tugas-tugas yang terpaksa dipikul oleh Jabatan Laksamana (Admiralty) Inggeris untuk melindungi perkapalan yang semakin banyak di perairan dalam perniagaan dengan Cina. Jauhnya di antara Singapura dengan negara Cina ialah kira-kira 1,500 batu. Perjalanan yang panjang ini adalah merbahaya kerana terdapatnya batu karang perompak, tiadanya pelabuhan sahabat dan tiadanya pelabuhan yang dapat dilindungi daripada ribut dan taufan. Juga dengan terciptanya kapal-kapal wap dengan jentera-jenteranya yang besar pada masa awal-awalnya memerlukan bahan api tambahan semasa belayar ke Cina. Oleh itu sebuah pulau yang letaknya hampir di tengah-tengah di antara Singapura dan Cina itu amat penting. Labuan disebabkan kedudukannya dan wujudnya longgokan-longgokan arang batu yang baik mutunya adalah sesuai.

Pulau Labuan mempunyai beberapa keistimewaan. Kedudukannya yang elok sebagai sebuah pelabuhan kerana airnya yang dalam, tempat berlabuh yang baik dan terlindung daripada angin

monsun timur laut adalah penting kepada usaha-usaha untuk tujuan di atas. Letaknya di jalan perdagangan di antara Singapura dan Cina menyebabkan ia sesuai dijadikan penempatan.

Kerajaan Inggeris berharap Labuan dapat menjadi sebuah emporium dan pelabuhan entreport yang agung seperti Singapura. Emporium agung Singapura adalah terlalu jauh daripada Borneo. Oleh itu Labuan diharapkan dapat mengumpulkan barang-barang keluaran daripada Borneo dan pulau-pulau di sekitarnya. Borneo dipercayai kaya dengan logam-logam dan barang-barang pertanian dan hutan.

Kerajaan Inggeris juga berharap dengan bertapaknya kuasa mereka di Labuan, mereka akan dapat menyibarkan serta meluaskan pengaruh mereka ke tempat-tempat lain. Cita-cita Inggeris ialah untuk meluaskan pengaruh ke Sulu, New Guinea, Sulawesi dan lain-lain pulau di bahagian timur Pulau-pulau Hindia Timur.

Labuan dapat dijadikan pangkalan laut di mana kapal-kapal angkatan laut Inggeris dapat dilengkappan dengan alat-alat senjata dan diperbaiki bila rosak dan pusat menentang lanun di utara Borneo. Untuk memajukan perniagaan dan mententeramkan jalan perdagangan laut, lanun mesti dihapuskan, terutama lanun Lanun yang sentiasa mengganas di perairan Borneo. Lanun-lanun Saribas dan Sekrang juga patut dihapuskan untuk memajukan perniagaan di Sarawak.

Sikap pejabat Tanah Jajahan Inggeris di London selepas William Ewart Gladstone meninggalkan jawatannya sebagai Setiausaha Tanah Jajahan adalah berbeza daripada sebelumnya. W.E. Gladstone enggan melibatkan diri dalam politik Borneo. Tetapi selepasnya, sikap London itu adalah sama seperti sikap Pejabat India terhadap Singapura. Labuan dan Singapura adalah baik kerana kedua-duanya ialah pulau dan terpisah dari tanah besar jirannya. Sudah menjadi dasar Kerajaan Inggeris untuk mengambil pulau sebagai strategi pertahanan mereka kerana pulau senang dikawal oleh kuasa laut yang kecil dan tidak memerlukan kubu-kubu pertahanan yang mahal. Juga dengan pengambilan pulau, Kerajaan Inggeris dapat memisahkan dirinya dari terlibat dengan politik di tanah besar. Dasar ini menjimatkan belanja dan telah pun diamalkan di Pulau-pulau Falkland dan Hong Kong.

Kerajaan Inggeris berharap Labuan akan menjadi tempat hamba abdi melepaskan diri dari tuan-tuan mereka. Hamba abdi dapat membebaskan diri mereka dari belenggu perhambaan dan di Labuan, mereka dapat dilindungi oleh Kerajaan Inggeris.

tentera laut British. Pada tahun 1852, dia menyandang jawatan Leftenan.

Pada tahun 1852 juga dia bercuti selama dua tahun di Sarawak. Dia tertarik hati kepada Sarawak setelah melawat di sekitar wilayah tersebut, lalu mengambil keputusan untuk berkhidmat dengan bapa saudaranya, James Brooke. Oleh itu dia telah meletakkan jawatannya dalam angkatan laut Inggeris dan terus berkhidmat sebagai seorang pegawai pentadbir di Sarawak. Jawatan yang pertama dipegangnya ialah Pegawai Daerah. Pada tahun 1854, dia menjadi Pegawai Residen di Bahagian II yang berpusat di Simanggang, Sarawak. Seorang Pegawai Residen di Sarawak tidak sama kuasa dan kedudukannya seperti seorang Residen di Tanah Melayu. Residen-residen di Tanah Melayu bukan sahaja menjadi pentadbir-pentadbir Inggeris tetapi juga terlibat dalam soal-soal politik negeri-negeri yang dinasihatinya serta menjadi diplomat bagi Kerajaan Inggeris. Tetapi Pegawai-pegawai Residen di Sarawak cuma pentadbir-pentadbir kanan sahaja.

Kemudian Charles Johnston Brooke dipanggil ke Kuching dan dijadikan Setiausaha Kanan James Brooke. Dia menjadi orang kanan bapa saudaranya itu sehingga beliau menggantikan James Brooke pada tahun 1863 sebagai Pemangku Raja. Apabila James Brooke meninggal dunia di England, Charles Johnston yang bergelar 'Tuan Muda' menjadi Raja Putih II di Sarawak pada 3 Ogos 1868.

Sebelum menjadi Raja, Charles Johnston Brooke telah bertugas selama enam belas tahun sebagai pentadbir. Dia menjadi Raja selama hampir-hampir 50 tahun sehingga meninggal dunia pada 17 Mei 1917 di England. Oleh yang demikian, Charles Johnston Brooke telah memperolehi banyak pengalaman dalam bidang pentadbiran.

Semasa menjadi pegawai pentadbir, beliau pernah turut serta dengan James Brooke ketika memusnahkan lanun dan perompak di sungai-sungai di Sarawak. Lain-lain aktiviti yang dijalankan oleh James Brooke telah disertai oleh Charles Johnston Brooke. Oleh itu Charles Johnston Brooke mendapat pengalaman yang luas dan berpeluang melihat kehidupan penduduk Sarawak, terutamanya kaum-kaur bumiputera. Oleh kerana lamanya berada di daerah-daerah pendalam, telah menyebabkan dia menjadi seorang yang agak sensitif. Dia juga pernah bekerja rapat dengan penduduk bumiputera Sarawak.

Charles Johnston Brooke meneruskan dasar-dasar yang telah dijalankan oleh James Brooke iaitu dasar melindungi penduduk bumi

putera yang terdiri daripada suku-suku Iban, Bidayuh, Dayak, Melanau dan sebagainya daripada dieksplotasi oleh bangsa asing. Saudagar-saudagar dan Syarikat-syarikat barat diberi perhatian berat dan dikawal supaya mereka tidak menjalankan dasar menindas penduduk bumiputera. Oleh yang demikian, suku-suku bumiputera menaruh kepercayaan kepadanya. Sokongan daripada suku-suku bumiputera jelas kelihatan pada tahun 1856, ketika James Brooke menghadapi satu pemberontakan yang dijalankan oleh pelombong-pelombong China di Kucing. Pemberontakan itu hampir-hampir menjatuhkan James Brooke dan dengan bantuan orang Melayu dan suku-suku bumiputera yang lain dari Bahagian II Sarawak yang dibawa oleh Charles Johnston Brooke, pemberontakan itu dapat dipadamkan dengan mudahnya.

Satu perkara yang nyata ialah sokongan suku-suku bumiputera kepada Raja-raja Brooke bukanlah disebabkan oleh cinta dan kasih sayang mereka kepada keluarga Brooke tetapi disebabkan keluarga Brooke dapat mempertahankan serta menjamin kedudukan dan kepentingan mereka daripada dieksplotasi dan ditindas oleh bangsa asing. Mereka mendapati dasar Brooke itu membawa kebaikan kepada mereka.

Pada keseluruhannya, Charles Johnston Brooke meneruskan dan memperkuuh kerja-kerja yang telah dijalankan oleh James Brooke. Di samping itu dia juga telah mengadakan beberapa perubahan baru kepada Sarawak seperti memperkenalkan sistem birokrasi dan perlenggaraan serta memperkuuhkan sistem keadilan yang telahpun wujud di masi itu. Usaha-usaha imperialismenya juga adalah jelas.

Pada tahun 1863, ketika Charles Johnston Brooke mengambil alih pemerintahan sebagai Pemangku Raja Sarawak, wilayah Sarawak ialah dari Tanjung Datu hingga ke Tanjung Kidurong, tujuh batu ke utara daripada kuala Sungai Bintulu. Dia membentuk tiga kawasan pentadbiran daripada wilayah tersebut. Bahagian I berpusat di Kucing, Bahagian II berpusat di Simanggang, dan Bahagian III berpusat di Sibu. Ibu negeri ialah Kucing. Tiap-tiap Bahagian ditadbirkan oleh seorang Pegawai Residen yang bertanggungjawab kepada Raja. Pegawai Residen pun dibantu oleh seorang Penolong Residen dan beberapa orang pegawai pentadbir yang bergelar Pegawai Daerah. Tiap-tiap Bahagian dan Daerah mempunyai pejabat-pejabat yang lengkap dengan pegawai-pegawai, kerani-kerani dan pekerja-pekerja. Sistem birokrasi yang diwujudkan oleh Charles Johnston Brooke adalah lengkap dan ia meliputi

tiga peringkat iaitu dari peringkat Kampung, Daerah dan Bahagian. Ketiga-tiga Bahagian yang wujud itu tidak berubah sehingga sekarang. Kalau dibandingkan sistem pentadbiran yang dijalankan di antara James Brooke dan Charles Johnston Brooke, kita akan melihat perbedaan-perbedaannya. James Brooke menjalankan pentadbiran dan urusan-urusan kerajaan hampir-hampir berseorangan ataupun mempunyai pembantu-pembantunya yang amat sedikit sekali, terutama pada tahun 1840an. Charles Johnston Brooke pula telah mewujudkan satu sistem birokrasi yang lebih lengkap dan sempurna. Dia juga tidak pernah kekurangan kakitangan-kakitangan yang setia.

Dalam bidang pentadbiran yang lain pula, Charles Johnston Brooke telah mewujudkan *Dewan Bahagian* (Divisional Council) di tiap-tiap Bahagian di Sarawak. Tujuan ditubuhkan Dewan Bahagian ini ialah untuk melatih rakyat mengambil bahagian dalam pentadbiran negeri. Dewan ini dianggotai oleh pemimpin-pemimpin tempatan dan penghulu-penghulu yang dilantik oleh kerajaan. Walaupun ahli-ahli Dewan tersebut dilantik dan bukannya dipilih oleh rakyat dalam pilihanraya tetapi atas pemerintahan secara demokrasi telahpun wujud.

Puncak daripada Dewan Bahagian tersebut, di peringkat pusatnya Charles Johnston Brooke membentuk *Dewan Negeri Sarawak* pada tahun 1865. Pembentukan Dewan Negeri dibuat oleh Charles Johnston Brooke semasa dia memangku jawatan Raja Sarawak. Ini membuktikan bahawa dia memberi perhatian yang berat terhadap perkembangan perlembagaan dan peranan rakyat Sarawak dalam pemerintahan negeri. Wakil-wakil dari ketiga-tiga Bahagian di Sarawak dilantik untuk menganggotai Dewan Negeri. Semenjak ditubuhkan sehingga tahun 1917, Dewan Negeri telah bersidang sebanyak lapan belas kali. Charles Johnston Brooke juga menjalankan pemerintahan negeri dengan megikut nasihat-nasihat dari ahli-ahli Dewan Negeri.

Charles Johnston Brooke telah mewujudkan sistem keadilan yang lebih lengkap dan sempurna. Di dalam bidang ini, dia mendapat bantuan dari ketua-ketua Melayu dan China serta penduduk tempatan. Charles Johnston Brooke sendiri menguasai undang-undang di peringkat yang tertinggi. Di bawahnya ialah seorang Magistret Kanan yang membantu Raja. Kesalahan-kesalahan awam yang kecil-kecil diselesaikan oleh kaum-kaum yang terlibat. Ketua-ketua Melayu menyelesaikan keses yang berkaitan dengan orang Melayu sahaja, sementara itu Penghulu-penghulu Dayak dan mahkamah-mahkamah China menyelesaikan

kes-kes yang berkaitan dengan kaum masing-masing. Sekiranya sesuatu kes itu melibatkan lebih dari satu kaum, kes itu akan diselesaikan sendiri oleh Pegawai Residen, Penolong Pegawai Residen ataupun Pegawai Daerah. Tetapi semua kesalahan jenayah yang berlaku akan diselesaikan oleh Raja. Dengan hal yang demikian, Raja sendiri dapat mengetahui segala kegiatan rakyatnya dan dapat menyelesaikannya dengan adil. Sekiranya terdapat tanda-tanda yang rakyat tidak puas hati atau sebagainya, langkah-langkah yang berkesan dan tegas dapat diambil dengan segera. Walau bagaimanapun, undang-undang Sarawak masih belum begitu tersusun dengan lengkap dan terpaksa merujuk kepada sistem undang-undang dan keadilan Inggeris di India dan Negeri-Negeri Selat. Kesalahan di kalangan orang Inggeris sendiri dibicarakan oleh mahkamah khas untuk mereka.

Pada tahun 1883, Charles Johnston Brooke mengeluarkan satu perisytiharan untuk menamatkan sistem hamba abdi di Sarawak dalam masa lima tahun. Dia juga menguatkan pertahanan negeri dengan melengkapkan askar-askarnya serta menukuhkan Sarawak Regimen dan angkatan tentera laut.

Oleh kerana pemerintahannya yang cekap dan stabil, Sarawak mencapai kemajuan dan kemakmuran. Keadaan ini dapat dibuktikan daripada kemajuan ekonomi Sarawak, yang jauh berbeza daripada keadaan James Brooke dahulu. Semasa James Brooke, ekonomi Sarawak berada dalam keadaan 'deficit' James Brooke terpaksa berhutang kepada Syarikat Borneo Utara Sarawak (Sarawak North Borneo Company) untuk membiayai pentadbirannya. Tetapi semasa pemerintahan Charles Johnston Brooke, ekonomi Sarawak menunjukkan keadaan 'credit' dan kewangan Sarawak amat stabil. Malahan Charles telah berjaya membayar segala hutang James Brooke dahulu. Import dan eksport Sarawak pada masa James Brooke (1842) ialah \$122,000 tetapi pada masa Charles Johnston Brooke, telah menunjukkan perkembangan yang pesat iaitu telah meningkat kepada \$574,097 pada tahun 1870 dan \$2,284,495 pada tahun 1880. Pendapatan Sarawak pada tahun 1870 ialah \$122,842 dan meningkat kepada \$2,229,718 pada tahun 1880. Beberapa hasil bumi telah dijumpai seperti logam antimoni dan emas. Pada tahun 1902, getah mula mengeluarkan hasilnya. Pada tahun 1910, minyak tanah telah dijumpai di Miri. Disebabkan kemajuan ekonomi tersebut Sarawak menghadapi kekurangan buruh, Charles Johnston Brooke telah menggalakkan

imigrasi buruh China ke Sarawak. Kebanyakan orang China, datangnya dari selatan negara China dan menjadi buruh di Sibu. Mereka menanam padi dan lada hitam.

Dalam bidang sosial pula, Charles Johnston Brooke telah berusaha untuk memajukan pelajaran penduduk Sarawak. Pada tahun 1870 dia membina sebuah sekolah China di Paku, pada 1883, Sekolah Melayu didirikan di Kucing dan pada 1902, sebuah Sekolah Kerajaan didirikan di Kucing juga. Sebelum ini, sekolah-sekolah didirikan oleh pengembang-pengembang ugama Keristian dan juga penduduk tempatan.

Hospital Umum dibina di Kucing pada tahun 1859. Muzium Sarawak juga dibina di Kucing pada 1891. Pada tahun 1911, dia memulakan perkhidmatan keretapi di Sarawak. Lain-lain kemajuan di bidang sosial juga diperkenalkan seperti telegraf, kerjaya, pos dan sebagainya. Tetapi penduduk Sarawak tidaklah semua yang dapat menikmati faedahnya dari hasil segala kemajuan ini, hanya mereka yang tinggal di bandar-bandar sahaja.

Charles Johnston Brooke juga menunjukkan sikap imperialisnya. Dia telah memujuk Kerajaan Inggeris beberapa kali untuk menjajah Kesultanan Brunei yang lemah itu. Apabila didapatinya bahawa ada di antara warganegara British dan negara Eropah yang lain telah mendapat konsesi tanah di Sabah dari Sultan Brunei, Charles Johnston Brooke merasa tidak senang hati. Aktiviti yang dijalankan oleh Kompeni Berpiagam Sabah membimbangkannya, terutamanya apabila Kompeni itu menjalankan perluasan wilayahnya. Dia juga cuba mengcilkan wilayah Kesultanan Brunei dengan mengambil kawasan yang berhampiran dengan Brunei. Akhirnya aktiviti Charles Johnston Brooke dan Kompeni Berpiagam Sabah itu telah mengakibatkan Britain campurtangan dengan melaksanakan 'dasar perlindungannya' ke atas negeri-negeri Sarawak, Sabah dan Brunei pada tahun 1888. Dengan demikian, Britain mengawal dan mengendalikan dasar luar negeri bagi pihak negeri-negeri tersebut.

Charles Johnston Brooke telah menakluk satu demi satu kawasan yang dimiliki oleh Sultan Brunei. Pada tahun 1882, dia mengambil Baram, 1884 Trusan, 1890 Limbang dan 1905 Lawas. Keempat-empat wilayah tersebut ditambahkan ke dalam negeri Sarawak. Baram dan Limbang masing-masing dijadikan Bahagian IV dan V Sarawak. Negeri Sarawak pada tahun 1905, mengandungi lima Bahagian seperti yang ada sekarang. Setengah-setengah ahli-ahli sejarah berpendapat, pengar-

oilan Limbang adalah tidak sah dari segi undang-undang antarabangsa kerana tiada perjanjian yang telah ditandatangani.

Dalam hubungannya dengan Sultan Brunei, Charles Johnston Brooke pernah mendesak baginda supaya membuka pekan dan pelabuhan Brunei yang berhampiran dengan Sarawak kepada perdagangan Inggeris. Cukai-cukai eksport dan import di Brunei didesak supaya direndahkan. Tindakannya itu adalah semata-mata untuk kepentingan perdagangan Inggeris.

Pada keseluruhannya, pemerintahan Charles Johnston Brooke dapat dikatakan sebagai berjaya dan telah membawa beberapa kemajuan dan perubahan di Sarawak. Dia merupakan seorang *pemerintah mutlak* dan *imperialis*. Apabila dia meninggal dunia pada tahun 1917, anaknya yang bernama *Charles Vyner Brooke* dilantik sebagai Raja III Sarawak.

### CHARLES VYNER BROOKE

Charles Vyner Brooke dilahirkan di London pada tahun 1874 dan mendapat pendidikan dari Universiti Cambridge. Dia memasuki tadbiran di Sarawak dalam tahun 1897 dan bertugas bawah bapanya Charles Johnston Brooke selama 20 tahun sebelum menjadi Raja Sarawak. Dia ditabalkan sebagai Raja III Sarawak pada 13 Julai 1917 dan memerintah Sarawak sehingga tahun 1946.

Pendidikan yang diterima oleh Charles Vyner Brooke adalah cukup berbeza dengan apa yang telah diterima oleh bapa dan datuk buderanya. Sikapnya tidak begitu konservatif seperti sikap James Brooke dan Charles Johnston Brooke. Pada serba serbinya, pandangan, sikap dan tindakan Charles Vyner Brooke adalah jauh berlainan daripada Raja-raja Sarawak yang terdahulu.

Pengalaman-pengalaman yang diperolehnya sebelum menjadi Raja ialah sebagai Pegawai Daerah dan Pegawai Residen. Dia selalu hadapan dengan berbagai-bagai masalah dan telah menyelesaikan masalah-masalah tersebut, terutama di kawasan-kawasan pendalaman. Walau apabila dia bertugas sebagai Raja, dia menjadi agak statis dan tidak begitu berinsiatif. Dia banyak menghabiskan masanya dengan turun dan pengembalaan. Tugas pemerintahan diserahkan kepada bapanya, *Bertram Brooke*.

Pada keseluruhannya tiada banyak perubahan yang telah dilakukan oleh Charles Vyner Brooke. Dia cuma mengadakan tokotambah kepada kegiatan-kegiatan yang telahpun dijalankan oleh James Brooke dan Charles Johnston Brooke. Sumbangan-sumbangannya agak sederhana. Dasarnya terhadap penduduk bumiputera Sarawak tidak berbeza daripada dasar yang telahpun dijalankan terdahulu. Dia melindungi kedudukan penduduk tempatan daripada sebarang eksloitasi oleh kuasa-kuasa asing. Dia mengadakan jawatan *Setiausaha Hal Ehwal Anak Negeri* pada tahun 1929, untuk menguruskan kehendak-kehendak bumiputera. Dasarnya terhadap orang China juga jelas apabila dia menubuhkan jawatan *Setiausaha Hal Ehwal Orang China* pada tahun yang sama. Setiausaha ini boleh bertutur dalam bahasa China dan menjaga kepentingan orang China. Dalam menjalankan dasar-dasar tersebut, Charles Vyner Brooke mendapat bantuan dan sokongan daripada Kerajaan Inggeris. Tetapi dasar melindungi bumiputera yang telah dijalankan itu tidak mendatangkan faedah sepenuhnya kepada suku-suku bumiputera. Apabila pada tahun 1946, pemerintahan keluarga Brooke di Sarawak berakhir, penduduk bumiputera masih lagi buta huruf, mundur dan terbantut perkembangan politik serta nasionalisme mereka.

Beberapa perubahan dan kemajuan telah diperkenalkan oleh Charles Vyner Brooke dalam bidang-bidang sosial, ekonomi dan politik. Bidang sosial yang banyak dimajukan. Pada tahun 1924, dia menubuhkan Jabatan Pelajaran untuk menyusun dan menyelenggarakan dasar pelajaran di Sarawak. Pada tahun berikut pula iaitu 1925, jawatan ketua Setiausaha iaitu satu jawatan pentadbir yang terkenal sekali telah diwujudkan di Kuching. Jabatan Radio memulakan siarannya dari Kuching pada tahun 1922. Stesen-stesen Radio didirikan di tiap-tiap Bahagian di Sarawak kemudiannya. Pada tahun 1924, Kelab Lumba Kuda dan panggung wayang Sylvia dirasmikan. Sebuah Hospital Kusta didirikan di Kuching pada tahun 1925 untuk menampung pesakit-pesakit dari Sarawak, Sabah dan Berunei. Hospital Umum yang moden didirikan di Kuching pada 1926, dan di tiap-tiap Bahagian didirikan pun sebuah Hospital Bahagian. Perpustakaan Sarawak dibina di Kuching pada tahun 1935. Pada tahun 1939 pula ditubuhkan Maktab Perguruan Melayu di Kuching.

Dalam bidang perhubungan dan pengangkutan, beberapa kemajuan telah tercapai. Pada tahun 1930, sebatang jalanraya sejauh 20 batu yang menghubungkan Kuching dengan Simanggang telah dibina

Di samping itu pembinaan lapanganterbang di Kucing dan pengkalan-pengkalan kapal laut di Kucing dan di Sibu diperbaiki.

Sistem keadilan juga diperbaiki. Pada tahun 1930, Charles Vyner Brooke mewujudkan jawatan *Hakim Negeri Sarawak*. Hakim Negeri ini mengambil alih semua kuasa yang dipegang oleh Raja dalam bidang keadilan dan undang-undang seperti hal-hal jenayah dan awam. Ia menjalankan perbicaraan-perbicaraan dengan dibantu oleh beberapa orang hakim dan magistrate.

Satu kod undang-undang yang baharu telah dikuatkuasakan di Sarawak pada tahun 1934. Kod undang-undang ini mengambil contoh dari sistem undang-undang yang telah wujud di Tanah Melayu dan lain-lain tanah jajahan Inggeris, misalnya, dalam pengambilan 'Peraturan Am' (General Orders). Sistem pemilihan calon-calon untuk perkhidmatan pentadbiran secara lama oleh jemaah penemuduga di England digantikan dengan satu sistem baru dengan melalui peperiksaan. Sistem baru ini diwujudkan pada tahun 1934.

Dalam bidang pentadbiran pula, *Lembaga Bandaran Kucing* ditubuhkan pada tahun 1921. Tujuan penubuhan Lembaga ini ialah untuk menasihatkan Raja mengenai kemajuan-kemajuan di bandar Kucing. Beberapa buah Lembaga Bandaran kemudiannya telah dibentuk di Bau, Serikei, Binatang, Sibu dan Miri pada tahun 1934. Lembaga-lembaga tersebut memperkenalkan rakyat Sarawak kepada sistem perwakilan dalam majlis-majlis tempatan. Tetapi ahli-ahli Lembaga itu masih lagi dilantik oleh Raja.


Perkembangan perlembagaan yang terpenting ialah penganugerahan *Perlembagaan Tahun 1941* kepada rakyat Sarawak. Penganugerahan itu adalah untuk mengambil sempena genap 100 tahun pemerintahan keluarga Brooke di Sarawak. Perlembagaan yang diperkenalkan pada 24 September 1941 itu dikenali sebagai 'Sembilan Prinsip Raja-Raja Brooke'. Di antara kesembilan prinsip itu, yang terpenting sekali ialah 'Prinsip 8' iaitu mengenai *pemerintahan sendiri*. Charles Vyner Brooke berjanji untuk memberikan pemerintahan sendiri kepada Sarawak dengan secepat mungkin. Peluang yang lebih luas juga diberikan kepada rakyat Sarawak untuk mengambil bahagian dalam pemerintahan negeri. Bumiputera mendapat perhatian dan layanan yang lebih jika dibandingkan dengan penduduk yang lain. Misalnya, anggota-anggota Dewan negeri mengandungi sebelas orang ahli tidak asmi dan lima daripadanya mestilah bumiputera. Tetapi satu kekurangan yang nyata dalam Perlembagaan 1941 itu ialah tidak

wujudnya sistem pilihanraya di Sarawak. Walaupun Charles Vyner Brooke menyerahkan kuasa mutlaknya kepada Dewan Negeri tetapi sebenarnya dia tidak kehilangan kuasa kerana dia menyerahkan kuasanya itu kepada satu sistem birokrasi yang dipilihnya sendiri.

Dewan Negeri hanya bersidang sekali sahaja dan Perlembagaan 1941 itu tidak dapat diteruskan kerana meletusnya Perang Dunia II di Asia. Ia kemudiannya diteruskan oleh Kerajaan Inggeris pada tahun 1946 dan pemeritahan sendiri yang dijanjikan itu masih tidak ditunai-kan.

Dalam bidang ekonomi pula, Sarawak mempunyai kayu balak yang banyak. Pada tahun 1940, sudah ada enambelas buah kilang papan di Sarawak. Oleh itu Charles Vyner Brooke telah menujuhkan Jabatan Hutan pada tahun 1916 dan meluluskan Ordinan Pengawalan Hutan pada 1934, untuk mengawasi perusahaan membalaik di Sarawak. Ekonomi juga menunjukkan kemajuan yang pesat kerana banyak cukai boleh didapati daripada hasil-hasil Sarawak seperti lada hitam, lada sulah, sagu, rotan, damar, minyak tanah, getah dan kayu balak. Hasil negeri meningkat dari \$2.7 juta pada tahun 1921 kepada \$6.7 juta pada tahun 1929 dan seterusnya kepada \$7.5 juta pada tahun 1940.

Pemerintahan Charles Vyner Brooke di Sarawak tergендala pada masa Sarawak diduduki oleh Jepun di antara tahun-tahun 1941 hingga 1945. Selepas tamatnya Perang Dunia II, Sarawak diserahkan kepada Kerajaan Inggeris oleh Charles Vyner Brooke disebabkan oleh beberapa faktor yang akan dibincangkan kemudian. Oleh itu pemerintahan keluarga Brooke berakhir pada bulan Julai 1946 dan ketiga-tiga orang anak perempuan kepada Charles Vyner Brooke tidak dapat mewarisi takhta kerajaan ayah mereka.



Sir James Brooke.

## Bab 5

### KOMPENI BERPIAGAM DI SABAH, 1881–1941

#### LATARBELAKANG SEJARAH SABAH

Sabah sebelum T.M. 1881, sebahagian daripada wilayah Sultan Brunei. Selepas kemangkatan Sultan Bulkiah, kedaulatan Sultan Brunei ke atas Sabah semakin lemah. Sabah seperti wilayah-wilayah Kesultanan Brunei yang lain tidak banyak diketahui orang dari segi sejarahnya.

Semenjak abad ke 16 hingga abad ke 19, Sabah diperintah oleh wakil-wakil Sultan Brunei yang bergelar Pengerahan. Pengerahan-pengerahan itu telah menindas rakyat Sabah dengan memungut cukai-cukai yang tinggi dan melakukan berbagai-bagai jenis kezaliman. Oleh yang demikian, telah meletus satu pemberontakan oleh penduduk tempatan pada tahun 1663. Pemberontakan itu susah hendak dipatahkan dan Sultan Brunei terpaksa meminta bantuan daripada Sultan Sulu. Akhirnya pada tahun 1675, pemberontakan itu ditamatkan dengan mengambil masa selama duabelas tahun. Sultan Brunei telah memberikan sebahagian daripada wilayah Brunei itu kepada Sultan Sulu sebagai hadiahnya. Wilayah itu ialah di pantai barat Sabah, dari Kimanis hingga ke Teluk Marudu. Sultan Sulu mempunyai kedaulatan ke atas tanah tersebut sehingga abad kesembilan belas. Pada abad itu Sultan

Sulu telah menuntut wilayah-wilayah yang lain di selatan Teluk Marudu iaitu dari Teluk Marudu hingga ke Balikpapan.

Aktiviti awal penjajah Inggeris di Borneo telahpun dibincangkan dulu. Bernampiran dengan Sabah, Inggeris telah berada di Balambangan pada tahun 1803, tetapi penempatan di situ terpaksa ditutup dua tahun kemudiannya. Penjajah-penjajah lain juga pernah menjalankan aktiviti mereka di Sabah. Pada tahun 1865, seorang Konsul Amerika, *Charles Lee Moses* telah berjaya mendapat satu pajakan tanah selama sepuluh tahun daripada Sultan Brunai untuk kepentingan dirinya sendiri. Tanah itu kemudiannya dijualkan kepada dua orang warganegara Amerika yang lain iaitu *Joseph Torrey* dan *Thomas Harris*. Mereka mengasaskan *American Trading Company of Borneo* untuk mengusahakan tanah tersebut. Tanaman-tanaman yang diusahakan ialah tebu, tembakau dan padi. Tetapi Syarikat tersebut telah mengalami kerugian kerana tanah di situ tidak subur. Tanah itu berpindah milik, ia dijualkan kepada seorang bangsa Austria yang bertugas sebagai Konsul Jeneral Austria di Hong Kong iaitu *Baron von Overback*.

Overback cuba pula menjualkan pajakannya ke atas tanah tersebut kepada saudagar-saudagar Austria yang lain tetapi tidak berjaya. Dia kemudiannya berjaya memujuk bekas majikannya, *Alfred Dent* yang berada di London. Dengan modal sebanyak £10,000, Dent mula mengusahakan tanah tersebut. Alfred Dent dan adiknya, Edward Dent akhirnya berjaya menubuhkan satu unit politik di Sabah. Mereka memajak Sabah untuk mendapatkan seberapa banyak keuntungan yang boleh, tanpa mengira untuk meninggikan taraf hidup penduduk di situ.

Pada 29 Disember 1877, Overback berjaya mendapatkan persetujuan dan membuat perjanjian dengan Sultan Brunai. Tanah yang dipajak itu ialah dari *Teluk Brunai ke Sungai Sebuku*. Sultan Brunai yang telah memajakkan tanah itu ialah *Sultan Mohammad Jamalul Alam*. Overback mendapat tahu bahawa bukan semua tanah itu kepunyaan Sultan Brunai tetapi sebahagiannya ditutut oleh Sultan Sulu. Overback dengan diiringi oleh W.H. Treacher (Gabenor Labuan) dan *William Cowie* (seorang pengembara) telah mengadap Sultan Sulu dan berjaya menandatangani satu perjanjian pada 22 Januari 1878 di *Jolo*, ibu negeri Kepulauan Sulu di mana Sultan Sulu bersetuju untuk memajakkan tanahnya dari Kimanis hingga ke Sungai Sebuku. Ada beberapa sebab yang mendorongkan Sultan Sulu menyerahkan kawasan tersebut. Pertama Sultan Sulu merasa lebih selamat menanda-

tangani perjanjian dengan Inggeris kerana seorang daripada Datuk-datuknya, *Haroun al Rassyid* dengan bantuan Sepanyol telah menentang Sultan. Kedua, Sultan ingin mendapatkan bantuan Inggeris untuk menentang kekuasaan Sepanyol. Ketiga pula, Sultan Sulu telah menerima sangat sedikit keuntungan dari tuntutan kekuasaannya di Borneo Utara.

Kedua-dua perjanjian di antara Overback dan Dent dua-beradik dengan Sultan Brunei dan Sultan Sulu telah memberikan keizinan kepada mereka untuk membuka penempatan di kawasan yang dinyatakan di atas. Hasil daripada perjanjian-perjanjian itu, Sultan Brunei menerima \$15,000 dan Sultan Sulu \$5,000 sebagai bayaran tahunan.

Wilayah yang diperolehi itu perlu dimajukan dan Residen-residen pun ditempatkan di tiga tempat sepanjang pantai Borneo Utara. *William Pryer* telah ditempatkan di Sandakan, *William Pretyman* di Tempasuk dan *H.L. Leicester* di Papar sekitar Teluk Kimanis.

Orang Sepanyol yang berkuasa di Filipina telah berjaya menundukkan Sultan Sulu dan memaksa baginda menyerahkan kedaulatan Sulu kepada Sepanyol. Oleh yang demikian, Sepanyol telah menuntut kawasan yang dipajak oleh Inggeris di Sabah itu sebagai tidak sah dan berlakulah perselisihan dan surat-menyurat di antara kedua-dua Kerajaan Sepanyol dan Inggeris di Eropah.

Akhirnya, Overback menjualkan saham-sahamnya kepada Dent dan Dent menjadi orang yang paling berkuasa di Sabah. Dent pula telah memujuk sekumpulan saudagar-saudagar di London untuk membentuk sebuah pertubuhan sementara. Dent berjaya menjualkan sahamnya kepada pertubuhan itu dengan harga £120,000; Pertubuhan sementara itu akhirnya berjaya mendapatkan perlindungan daripada Kerajaan Inggeris. Pada tahun 1881, Kerajaan Inggeris memberikan sebuah *Piagam* dan pertubuhan tersebut menjadi *Kompeni Berpiagam Sabah* (British North Borneo Company). Kompeni itu merupakan sebuah syarikat perdagangan dan juga badan pentadbir di Sabah. Dari tahun 1881 sehingga 1946, Kompeni Berpiagam Sabah menjadi pemerintah Sabah yang berkuasa penuh, kecuali di antara tahun-tahun 1942 dan 1945 di masa pendudukan Jepun di Sabah. Walaupun Kompeni itu ialah pemerintah tunggal di Sabah tetapi ia terpaksa mengikuti arahan-arahan dari Kerajaan Inggeris. Di antara syarat-syarat di dalam Piagam tahun 1881 itu ialah sekiranya pihak Kompeni tidak mahu lagi mendatbirkan Sabah, ia tidak boleh menyerahkannya kepada sebarang

kuasa asing tanpa persetujuan daripada Kerajaan Inggeris. Pada tahun 1888, Sabah menjadi negeri naungan Inggeris di mana Kerajaan Inggeris mengawal hal ehwal luar negeri Sabah.

## PENTADBIRAN KOMPENI BERPIAGAM DI SABAH

Kompeni Berpiagam Sabah mula mentadbirkan Sabah pada tahun 1881 dan pemerintahan itu diteruskan sehingga tahun 1946. Sebelum Kompeni Berpiagam Sabah diwujudkan, Persatuan Sementara Berhad (Limited Provisional Company) telah ditubuhkan pada tahun 1878.

Pada 1 November 1881, Kerajaan Inggeris mengurniakan sebuah Piagam dan Persatuan ini menjadi Kompeni Berpiagam Borneo Utara (Borneo Utara sekarang dikenali dengan nama Sabah). Di antara syarat-syarat yang terkandung di dalam Piagam tahun 1881 itu ialah perhubungan di antara Kompeni itu dengan kuasa-kuasa asing dikelolakan oleh Kerajaan Inggeris, Kompeni hendaklah menerima nasihat-nasihat daripada Kerajaan Inggeris, Kompeni hendaklah membenarkan pelabuhan-pelabuhan di Sabah digunakan oleh kapal-kapal perang Inggeris, perlantikan Gabenor Sabah hendaklah dipersetujui oleh Kerajaan Inggeris, Kompeni tidak boleh menyerahkan wilayah yang diperintahnya kepada sebarang kuasa asing tanpa persetujuan daripada Kerajaan Inggeris dan Kompeni bertanggungjawab menamatkan hamba abdi dalam jajahannya dan memerintah dengan adil dengan mengikut adat resam tempatan.

Kompeni ini ialah sebuah syarikat perdagangan yang tertarik kepada soal-soal ekonomi dan keuntungan. Kompeni dipunyai oleh pemegang-pemegang saham di Britain. Di samping berfungsi sebagai badan perniagaan, Kompeni ini mengendalikan hal-hal pentadbiran dan memerintah seperti sebuah kerajaan.

Sepanjang-panjang masa pemerintahannya selama kira-kira 60 tahun di Sabah, Kompeni Berpiagam Sabah telah mewujudkan sistem pemerintahannya sendiri yang tidak berapa berbeza dengan sistem pemerintahan Raja-raja Brooke di Sarawak. Pusat pentadbiran yang ialah terletak di *Kudat* di bahagian utara Sabah. Pada tahun 1883, *Kudat* dituduh tidak sesuai lagi dan *Sandakan* yang terletak di timur Sabah pula dijadikan pusat pentadbiran sehingga tahun 1946. Semen-

jak tahun 1946, *Jesselton* atau lebih dikenali sebagai *Kota Kinabalu* yang terletak di pantai barat dijadikan ibu negeri Sabah.

Zaman awalnya, Sabah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian Pantai Barat dan Bahagian Pantai Timur untuk menyenangkan pentadbiran. Tetapi semenjak tahun 1935, Sabah dibahagikan kepada empat wilayah yang dikenali sebagai *Residensi* iaitu *Residensi Tawau*, *Residensi Sandakan*, *Residensi Pantai Barat* dan *Residensi Perdalam*. Tiap-tiap Residensi ditadbirkan oleh seorang pegawai Residen yang bertanggungjawab kepada Setiausaha Kerajaan dan seterusnya kepada Gabenor Kompeni di Sabah. Tiap-tiap Residensi dibahagikan kepada beberapa daerah yang ditadbirkan oleh Pegawai-pejawai Daerah. Pada tahun 1875 terdapat tujuh belas daerah dalam empat Residensi di Sabah. Pentadbiran di peringkat kampung dijalankan oleh Ketua Anak Negeri dengan dibantu oleh ketua kampung. Di peringkat pusat pula, Gabenor bertanggungjawab kepada *Lembaga Pengarah* di London. Gabenor dibantu oleh beberapa orang pegawai kerajaan yang mempunyai jabatan masing-masing di ibu negeri. Dasar-dasar Kompeni dibincangkan dan diputuskan oleh Lembaga Pengarah yang kemudian memberi arahan-arahan kepada Gabenor supaya dilaksanakan dasar-dasar tersebut.

Sistem pentadbiran yang diasaskan oleh Kompeni Berpiagam di Sabah ini diteruskan selepas tahun 1946, apabila Kerajaan Inggeris mengambil alih pemerintahan negeri dari Kompeni Berpiagam Sabah. Selepas Sabah memasuki Malaysia pada tahun 1963, sistem pentadbiran ini tidak banyak mengalami perubahan kerana sebahagian besar daripada sistem pentadbiran itu dikekalkan terus.

Sistem pentadbiran di Sabah juga hampir-hampir serupa dengan sistem pentadbiran di Sarawak. Hanya perbezaan yang terdapat ialah kekuasaan Gabenor di Sabah dan Raja-raja Brooke di Sarawak. Gabenor Sabah terpaksa menurut dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Kompeni di London dan ia tidak bebas menjalankan pentadbirannya. Sebaliknya, Raja-raja Brooke mempunyai kuasa mutlak dan dapat menjalankan pemerintahannya dengan sesuka hati sendiri, tanpa diganggu atau disejat oleh sebarang kuasa lain.

Bilangan pegawai-pejawai pentadbir Kompeni tidak berapa ramai iaitu di antara limapuluhan dan enampuluhan orang sahaja. Ramai di antaranya ialah siswazah-siswazah dari universiti-universiti di Britain. Pihak Kompeni merasakan bilangan pegawai-pejawainya itu adalah mencukupi, selagi mereka dapat melaksanakan tujuan dan dasar Kompeni

dengan jayanya. Sabah telah dikendalikan oleh mereka yang berpengalaman dalam hal-hal pentadbiran kerana ada di antaranya pernah berkhidmat di tanah-tanah jajahan British sebelum bertugas di Sabah.

Perkembangan pentadbiran Sabah mengalami tiga peringkat yang penting. Di antara tahun 1881–1894, Sabah berada dalam peringkat pentadbiran Kompeni. Tahun-tahun itu merupakan tahun yang kritis dan sukar bagi Kompeni. Berbagai-bagai usaha telah dijalankan iaitu seperti membentuk daerah-daerah dan Residensi-residensi untuk memudahkan pentadbiran, menjinakkan penduduk bumiputera dengan sistem pemerintahan Kompeni, meminjam pegawai-pegawai pentadbir yang berpengalaman dari Negeri-Negeri Selat, Ceylon dan lain-lain lagi.

*Sir Alfred Dent* dan pemegang-pemegang saham yang lain di Britain adalah bijak dalam memilih Gabenor yang pertama untuk memerintah Sabah. *W.H. Treacher*, seorang pegawai kerajaan Inggeris telah dipilih dan pemilihan ini memang tepat kerana Treacher yang pernah berkhidmat sebagai Gabenor Labuan mempunyai pengalaman mengenai Sabah secara mendalam. Treacher telah diberi kuasa untuk memerintah Sabah dengan tidak banyak diganggu oleh Lembaga Pengarah di London.

Pada tahun 1883, Treacher mengadakan sebuah *Konsul Penasihat* yang mengandungi lima orang pegawai dan seorang ahli tidak rasmi. Cukai import sebanyak 10% dikenakan dan pemungutan cukai ke atas cандu dan tembakau dijualkan kepada orang Cina yang lebih berpengalaman mengenai barang-barang tersebut. Treacher telah menggunakan terlalu ramai pegawai dan terpaksa mengeluarkan wang yang banyak untuk membayar gaji pegawai-pegawai tersebut. Keadaan kewangan Sabah menjadi hampir-hampir muflis dan Treacher terpaksa dilucutkan jawatannya.

Dengan perlantikan *William Cowie* sebagai Pengurus Lembaga Pengarah yang baru menandakan peringkat kedua dalam perkembangan pentadbiran Kompeni di Sabah. Peringkat ini bermula dari tahun 1894 sehingga 1910. William Cowie ialah bekas seorang pengembara dan dia telah mengetuai Lembaga Pengarah sehingga dia meninggal dunia pada tahun 1910. Lembaga Pengarah telah menganggap William Cowie mempunyai pengalaman yang luas dalam hal ehwal mengenai Sabah. Anggapan tersebut ternyata salah sama sekali kerana William Cowie tidak pernah menjakkan kakinya di daerah-daerah pendalaman dan oleh itu dia tidak mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai Sabah.

William Cowie menukarkan segala kerja yang telah diasaskan oleh Treacher. Dia menguasai sepenuhnya tindakan-tindakan yang dijalankan oleh Gabenor Sabah. Dia mengeluarkan arahan-arahan yang mesti diikuti oleh Gabenor dan oleh hal yang demikian Gabenor yang tidak menyetujui dasar Cowie terpaksa meletakkan jawatannya. Cowie menganggap dirinya tahu serba-serbinya tentang Sabah dan telah memecat pegawai-pegawai yang berkelayakan seperti Gabenor E.W. Birch atau pegawai-pegawai itu sendiri berhenti dari jawatannya seperti Gabenor Hugh Clifford. Dia menggantikannya dengan pegawai-pegawai yang tidak berpengalaman supaya mereka mudah menurut arahan-arahan daripadanya. Oleh itu Sabah di bawah pemerintahannya tidak banyak mengalami pembaharuan dalam sistem pentadbiran.

William Cowie telah melancarkan pembinaan telegraf dari Sandakan ke Labuan untuk tujuan-tujuan ekonomi. Projek itu menelan belanja yang terlalu banyak dan terpaksa dibiayai dengan mengenakan cukai yang tinggi. Beras dikenakan cukai 6% dan ini menyebabkan ramai orang asing, terutamanya orang Cina meninggalkan Sabah dan meletusnya pemberontakan daripada orang Cina. Dia telah melantik *L.P. Beaufort* yang tidak berpengalaman dalam hal Sabah sebagai Gabenor. Apabila projek pembinaan telegraf ini siap tiga tahun kemudian, ia tidak dapat digunakan kerana dawai-dawainya dicuri orang.

Untuk melaksanakan projek pembinaan jalan keretapi dari Teluk Brunei ke Sandakan, dia telah melantik *A.J. West*, seorang rakannya yang tidak mempunyai pengalaman dalam perkara itu, sebagai jurutera-nya. Jalan keretapi itu menelan belanja yang besar daripada yang dijangkakan. Walau bagaimanapun projek itu dapat memberi faedah kepada Kompeni kerana ia telah dapat membuka tempat-tempat baru untuk penempatan dan perusahaan serta memudahkan pengeluaran barang-barang daripada pantai barat Sabah.

Dalam bidang pentadbiran di peringkat kampung, William Cowie telah meluluskan *Undang-undang Pentadbiran Kampung* (Village Administration Act) pada tahun 1891. Undang-undang ini memberangkan ketua-ketua kampung penyelesaikan perkara-perkara kecil yang bersangkutan dengan orang-orang kampung kecuali perkara-perkara jenayah yang besar. Ketua-ketua kampung yang dilantik itu kebanyakannya menyokong dasar William Cowie dan ini memberi peluang

kepada Kompeni untuk mengeksplotasi rakyat.

Peringkat yang ketiga dalam perkembangan pentadbiran di Sabah bermula dari tahun 1910 sehingga tahun 1941. Dalam peringkat ini pemerintahan Sabah berjalan dengan tenang dan tenteram, kecuali pada tahun 1915 apabila meletusnya pemberontakan orang Murut. *Sir West Ridgeway* telah dilantik bagi menggantikan tempat William Cowie sebagai Pengurus Lembaga Pengarah Kompeni Berpiagam Sabah di London. Segala dasar William Cowie diubah kerana Ridgeway ialah seorang yang berfikiran dan berpengetahuan luas. Dia lebih mementingkan peranan rakyat tempatan dalam pentadbiran negeri. Ketua-ketua kampung diberi kuasa yang lebih serta dinaikkan gaji mereka.

Dia telah membentuk sebuah Majlis Mesyuarat Undangan yang mengandungi tujuh orang pegawai rasmi dan empat orang pegawai tidak rasmi yang mewakili golongan perniagaan pada tahun 1912. Pada tahun 1913 pula, dia telah menubuhkan mahkamah-mahkamah tempatan (mahkamah-mahkamah anak negeri) di tiap-tiap daerah dan ketua-ketua kampung serta pemimpin-pemimpin tempatan diberi kuasa untuk menyelesaikan hal-hal tempatan. Pada tahun 1915, dia menubuhkan Majlis-majlis Tempatan (Daerah) untuk memberi peluang kepada penduduk tempatan dalam menjalankan pentadbiran negeri tetapi tidak berapa berjaya. Pada tahun 1917 pula, dia cuba menggantikan Majlis-majlis Tempatan itu dengan Majlis-majlis Residen tetapi gagal juga. Didgeway telah melantik penduduk tempatan supaya mereka boleh mengambil bahagian dalam pemerintahan. Bumiputera yang pertama memegang jawatan Penolong Pegawai Daerah ialah *Pengeran Osman* yang ditugaskan mengawal Sungai Sungut dan Sungai Labuk. Kemudiannya pada tahun 1923, dua orang lagi Penolong Pegawai Daerah dari penduduk tempatan telah diadakan untuk mentadbirkan daerah-daerah di Sungai Kinabatangan dan di Pensiangan dan seorang Penolong Pegawai Daerah bangsa China ditempatkan di Kudat.

Dalam lapangan ekonomi, Ridgeway telah menubuhkan Syarikat Perdagangan Borneo Utara (North Borneo Trading Company) yang diberi kuasa untuk mengusaha kayu balak di Sabah. Dia juga mengambil berat tentang penanaman tembakau, kelapa, manila hemp dan lain-lain hasil pertanian. Tidak ketinggalan juga dalam bidang sosial, dia telah mengambil langkah-langkah untuk memberi pelajaran kepada

rakyat dengan menggalakkan pembinaan sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah-sekolah Melayu, di samping sekolah-sekolah mualigh yang sudahpun wujud sebelumnya.

Ridgeway telah didapati memborsukan wang Kompeni terlalu banyak dalam membiayai pentadbiran dan dia terpaksa meletakkan jawatannya. Pada tahun 1935, seorang Gabenor yang baharu telah dilantik di Sabah. Gabenor *Douglas J. Jardine* yang pernah berkhidmat di Tanganyika, Afrika, telah membuat beberapa perubahan dalam bidang pentadbiran. Dia membuat percubaan untuk mencantumkan empat Residensi di Sabah kepada dua Residensi yang besar iaitu Tawau disatukan dengan Sandakan dan Pantai Barat dengan Residensi Pendalaman. Rancangan itu ditentang oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan dan terpaksa dibatalkan. Dia telah menghidupkan kembali Majlis-majlis Residen dan memberikan kuasa pentadbiran yang lebih luas kepada rakyat Sabah. Majlis Penasihat Ketua-ketua Kampung ditubuhkan untuk mendapatkan nasihat-nasihat dari ketua-ketua kampung dalam urusan pemerintahan. Pada tahun 1936, Kompeni telah mengadakan percubaan dalam mewujudkan Lembaga Luar Bandar di Bingkor dalam Residensi Pendalaman. Percubaan itu gagal disebabkan kekurangan hasil untuk mentadbirkan Lembaga tersebut.

Pada tahun 1937, Gabenor *C.R. Smith* menggantikan Jardine. Dia meneruskan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Jardine. Begitulah keadaannya di Sabah sebelum Jepun menaklukinya pada tahun 1941. Sabah berada di bawah pemerintahan Jepun sehingga tahun 1945.

Pegawai-pegawai berpengalaman yang mentadbirkan Sabah telah berjaya memajukan negeri itu. Sir Hugh Clifford yang pernah menjadi Residen Pahang dilantik sebagai Gabenor Sabah (1900–1901). Dia telah berjaya menamatkan *Pemberontakan Mat Salleh* (1894–1900) yang menentang penjajahan Kompeni di Sabah. W.W. Birch pula ialah bekas Residen Negeri Sembilan dan terkenal sebagai Gabenor Sabah (1901–1904) yang telah menghapuskan cukai ke atas beras, menghapuskan sistem hamba abdi dan membina jalan-jalan kecil yang menghubungkan tempat-tempat terpencil untuk memudahkan pengeluaran hasil-hasil daripada daerah-daerah pendalaman.

Di dalam menjalankan sistem undang-undang dan keadilan, Kompeni Berpiagam Sabah telah meminjam dan mengamalkan Kod Undang-undang Inggeris daripada India, Ceylon dan Negeri-negeri Selat. Ini menyebabkan Sabah mempunyai banyak persamaannya dengan Sarawak dan lain-lain tanah jajahan Inggeris.

Penilaian ke atas usaha-usaha Kompeni Berpiagam Sabah dalam bidang sosial dapat dikatakan berjaya. Tempat-tempat baru telah dibuka, pelajaran dimajukan, hamba abdi dihapuskan, penyakit-penyakit seperti malaria dan biri-biri dapat dikawal dan kesihatan rakyat semakin baik dengan terdirinya hospital dan klinik (9 buah hospital dan 10 buah klinik telah didirikan sebelum menjelangnya tahun 1941), dan perhubungan menjadi mudah dengan terbinanya jalanraya, keretapi, lapanganterbang dan pelabuhan. Landasan keretapi mula dibina pada tahun 1900 di antara Weston dan Beaufort dan pada tahun 1905 dari Weston ke Melalap melalui Jesselton.

Dalam bidang ekonomi, Sabah menghasilkan barang-barang eksport seperti getah perca, getah asli, rotan, kapur barus, gading gajah, kayu-balak, tiram, kayu manis, hasil-hasil laut, tembakau, sarang-sarang burung, sagu, buah pala, mutiara, minyak dan tali manila. Barang-barang yang diimport pula ialah seperti beras, barang-barang kilang, jentera-jentera dan sebagainya. Sabah mempunyai kayu balak yang banyak. Pada tahun 1913, Jabatan Hutan ditubuhkan untuk mengawal perusahaan kayu balak dan 'hutan simpan'. Pada tahun 1933, terdapat dua puluh satu buah kilang papan di Sabah. Pada tahun 1890, eksport kayu balak berjumlah \$44,584 dan pendapatannya semakin meningkat setiap tahun. Pada tahun 1902, hasil eksport kayu balak ialah \$374911. Jabatan Pertanian ditubuhkan dalam tahun 1892 untuk mengendalikan hal-hal yang berkaitan dengan pertanian. Untuk memajukan ekonomi, buruh-buruh terpaksa diimport daripada Hong Kong, Singapura, Jawa dan Kalimantan.

Sabah semenjak tahun 1881, semakin bertambah luas dengan pengambilan kawasan-kawasan baru daripada Sultan Brunei seperti Putatan (1884), Padas-Klias (1884), Kawang dan Pulau-pulau Mantanai (1885), Kinarut (1897) dan Padas Damit (1895). Dengan pengambilan kawasan-kawasan tersebut, Sabah menjadi seluas kira-kira 30,000 batu persegi.

Pada keseluruhannya Kompeni Berpiagam Sabah telah meletakkan batu asas kepada rakyat Sabah dalam bidang pemerintahan dan juga ekonomi dan sosial. Walaupun ia hanya merupakan sebuah Kompeni perniagaan yang motif utamanya ialah keuntungan, tetapi ia telah memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk turut serta dalam pemerintahan negeri dan di samping itu mengadakan kemajuan-kemajuan dalam pelbagai bidang yang telah dibincangkan di atas.

## Bab 6

### ZAMAN PEMERINTAHAN JEPUN, 1941—1945

Keadaan di Sabah dan Sarawak pada tahun 1941 adalah tenang dan aman. Kedua-dua buah negeri ini telah menikmati perkembangan-perkembangan ekonomi, sosial dan politik yang sederhana. Sarawak diperintah oleh Charles Vyner Brooke dan Sabah pula diperintah oleh Kompeni Berpiagam Sabah.

Askar-askar Jepun mula memasuki Sarawak pada 16 Disember 1941. Pekan Miri yang letaknya di utara Sarawak telah dibom kerana Jepun ingin menguasai lombong-lombong minyak di situ. Jepun mula mendarat dengan kira-kira 10,000 orang askarnya. Penyerangan Sarawak adalah lanjutan daripada dasar perperangan Jepun untuk menakluki Asia. Jepun telahpun mengebom pengkalan tentera Amerika yang bertempat di Pelabuhan Pearl, Hawaii pada bulan Disember. Serentak dengan peristiwa itu Jepun menghantar pasukan askarnya ke beberapa buah negeri di Asia Tenggara. Dengan ini juga Perang Dunia Kedua pun meletus di Asia, setelah dua tahun berlaku di Eropah.

Di Sarawak, sebelum pegawai-pegawai pentadbir Inggeris meninggalkan pekan Miri, mereka telah sempat membinasakan lombong-lombong minyak supaya lombong-lombong itu tidak dapat digunakan oleh Jepun. Bandar Kucing dibom pada 19 Disember 1941 dan jatuh ke tangan Jepun pada 25 Disember 1941. Beberapa buah pekan dan kampung di tepi laut juga menerima serangan dari askar-askar Jepun. Dengan penawanan Kucing, Sarawak jatuh ke tangan Jepun dan mula

dijajah oleh Jepun sehingga tahun 1945. Semasa penyerangan Jepun ke atas Sarawak, Charles Vyner Brooke berada di Australia dan adiknya, Bertram Brooke pula berada di England. Charles Vyner Brooke cuba balik ke Sarawak tetapi tidak berjaya. Sarawak berada di bawah pentadbir-pentadbir kanan dan pegawai-pegawai yang lain. Ada di antara mereka menyerah diri dan dipenjarakan oleh Jepun tetapi ada juga yang melarikan diri ke Kalimantan.

Sabah seperti juga Sarawak berada dalam keadaan yang tenang di bawah pemerintahan Kompeni Berpiagam Sabah. Pada 1 Januari 1942, apabila Jesselton ditawan. Bilangan askar Jepun di Sabah ialah kira-kira 25,000 orang. Semenjak tarikh itu sehingga tahun 1945 Sabah dijajah oleh Jepun.

Jepun mendirikan markas dan pusat pemerintahan mereka di pekan-pekan di tepi laut iaitu seperti Miri, Sibu, Kucing, Oya, Mukah, Bintulu dan lain-lain lagi. Kawasan-kawasan pendalaman Sarawak dibiarakan oleh Jepun kerana sukarnya perhubungan dengan kawasan-kawasan tersebut. Oleh itu penduduk di situ tidak terasa begitu tertindas jika dibandingkan dengan penduduk yang tinggal di pekan-pekan. Di Sabah pula, Jepun mendirikan markas mereka hampir di semua kawasan pendalaman seperti di Ranau, Keningau, Pensiangan, Penungah, Tenom, Lamag dan sebagainya.

Dakyah yang dilaung-laungkan oleh Jepun iaitu untuk membentuk 'Kawasan Persekemakmuran Asia Timur Yang Lebih Luas' hanya menjadi jeritan kosong dan tidak bererti sama sekali. Dakyah Jepun untuk membebaskan negeri-negeri Asia Tenggara daripada cengkaman imperialis Barat supaya negeri-negeri itu dapat mencapai kemerdekaan, kemakmuran dan kesejahteraan. Sebenarnya Jepun hanya menukar imperialisme barat dengan imperiasmenya sendiri dan negeri-negeri Asia Tenggara digunakan untuk menyumbangkan bahan-bahan mentah kepada industri-industri Jepun. Negeri-negeri Asia Tenggara juga digunakan untuk menampung penduduk Jepun yang semakin bertambah dan menjadi pasaran bagi barang-barang kilang Jepun. Apabila Jepun menghadapi haluan menuju kepada kekalahan, negeri-negeri Asia Tenggara yang dijajahnya itu dijanjikan kemerdekaan. Tetapi di Sabah dan Sarawak serta juga Berunei, tiada janji serupa itu yang telah dibuat.

Pada keseluruhannya, Jepun mentadbirkan Sabah dan Sarawak dengan buruknya. Pemerintahan secara tentera diwujudkan di kedua-dua buah negeri itu. Anak-anak negeri yang setia kepada Jepun telah

digunakan dalam bidang pentadbiran, di samping pegawai-pegawai Jepun. Penjajahan Jepun penuh dengan cerita-cerita penindasan dan pembinasan. Rakyat hidup dalam keadaan ketakutan dan kebimbangan. Soal perikemanusiaan tidak timbul kerana manusia dilayani dengan kejamnya. Hasil-hasil negeri diperas untuk kepentingan pihak pemerintah. Kebuluran dan penyakit merebak dengan senangnya. Walaupun suku-suku bumiputera tidak begitu dianiyai oleh Jepun tetapi mereka masih menerima layanan yang buruk, tidak seperti yang pernah mereka terima semasa berada di bawah pemerintahan Raja-raja Brooke atau Kompeni Berpiagam Sabah.

Disebabkan kezaliman dan keganasan Jepun, penduduk tempatan tidak mendiamkan diri begitu sahaja. Mereka mengambil tindak balas untuk membajas dendam terhadap kekejaman yang telah dilakukan ke atas kaum kerabat atau saudara mara mereka. Di Sarawak, orang-orang Melayu dan China di Sibu dan Rajang bangun menentang Jepun. Di Sabah pula, kaum-kaum bumiputera seperti Kadazan dan Bajau bersama-sama dengan orang China telah menyerang askar-askar Jepun di Residensi Pantai Barat pada 10 Oktober 1943. Gerakan menentang Jepun itu kekal sehingga Jepun menyerah diri dan mereka bergerak di hutan-hutan, di kampung-kampung dan juga di pekan-pekan. Bantuan-bantuan juga diterima daripada orang perseorangan, pertubuhan-pertubuhan dan Kerajaan Inggeris.

Apabila Jepun menyerah diri pada tahun 1945, tentera-tentera Pihak Berikat mula mendarat di Borneo. Walaupun pemerintahan Jepun tidak membawa apa-apa kemajuan tetapi satu kesan yang nyata telah kelihatan iaitu pendudukan Jepun telah menyebabkan wujudnya semangat kebangsaan yang meluap-luap di Asia Tenggara dan juga Asia untuk menentang penjajah-penjajah barat. Semangat kebangsaan inilah yang akhirnya membawa negeri-negeri Asia ke arah kemerdekaan. Di Sabah dan Sarawak, semangat kebangsaan timbul agak terlewat iaitu dalam tahun-tahun 1960an. Walau bagaimanapun, ramai penduduk tempatan yang pernah memegang kuasa dan jawatan di bawah Jepun telah mendapat pengalaman yang luas dalam bidang pemerintahan negeri. Merekalah yang kemudian mengambil-alih jawatan-jawatan pentadbiran daripada penjajah-penjajah Eropah.

## Bab 7

### SARAWAK DI BAWAH KERAJAAN INGGERIS, 1946—1963

#### PENYERAHAN SARAWAK KEPADA BRITAIN

Sarawak dibebaskan oleh tentera-tentera Australia iaitu sebahagian daripada tentera-tentera Pihak Berikat pada tahun 1945. Mulai bulan November 1945, Sarawak diperintah oleh *Pemerintahan Tentera Inggeris* (British Military Administration). Pemerintahan tentera tamat pada bulan April 1946 setelah Raja Charles Vyner Brooke kembali semula ke Sarawak. Charles Vyner Brooke meneruskan pemerintahannya sehingga 1 Julai 1946 apabila Sarawak diserahkan secara rasminya kepada Kerajaan Inggeris dan menjadi Tanah Jajahan Inggeris.

Sebelum Charles Vyner Brooke kembali ke Sarawak, ia telah mengadakan perundingan-perundingan dengan Kerajaan Inggeris dan juga telah mengambil keputusan untuk menyerahkan negerinya kepada Britain. Tahun 1946 merupakan permulaan penjajahan rasmi Kerajaan Inggeris ke atas Sarawak sehingga penjajahan itu berakhir pada 16hb September 1963 apabila Sarawak merdeka dan memasuki Malaysia. Keputusan untuk menyerahkan Sarawak adalah disebabkan oleh beberapa faktor penting yang akan dibincangkan kemudian. Faktor-faktor itu dapat digolongkan ke dalam tiga faktor: *pertama*, berkaitan dengan masalah dalam keluarga Brooke; *kedua*, berkaitan dengan

sejarah hubungan diplomatik di antara Sarawak dengan Britain; dan ketiga, berkaitan dengan keadaan Sarawak selepas pendudukar Jepun.

Semasa Raja Charles Johnston Brooke mewariskan takhtanya kepada anaknya, Charles Vyner Brooke, ia telah mewasiatkan Charles Vyner Brooke supaya selalu berunding dengan adiknya, Bertram Brooke, dalam menjalankan pentadbiran negeri. Tetapi Charles Vyner Brooke selalunya tidak mahu berunding dengan adiknya dan membuat keputusan bersendirian. Pada tahun 1941, Charles Vyner Brooke telah menggubal dan mengisyiharkan Perlembagaan 1941 kepada rakyat Sarawak tanpa berunding dan mendapatkan persetujuan daripada adiknya. Dalam tahun 1946 pula, Charles Vyner Brooke telah mengambil keputusan untuk menyerahkan Sarawak kepada Britain tanpa memberitahu adiknya. Bertram Brooke hanya mengetahui mengenai penyerahan itu melalui satu siaran yang dipancarkan oleh B.B.C. London. Keadaan seperti itu selalu menimbulkan perselisihan di antara keduanya. Charles Vyner Brooke berpendapat bahawa ia tidak perlu mengikut nasihat daripada sesiapapun kerana ia mempunyai kuasa mutlak.

Charles Vyner Brooke tidak meninggalkan anak lelaki, cuma tiga orang anak perempuan sahaja. Oleh itu takhta Kerajaan Sarawak tidak mungkin diwariskan kepada salah seorang daripada anak perempuannya. Ia sudahpun berada dalam lengkongan umur tua iaitu dalam usia 70an dan kesihatannya selalu terganggu dan semakin uzur. Bertram Brooke juga sudah tua. Anak lelaki Betram Brooke iaitu Anthony tidak sesuai dengan sikap dan pendirian Charles Vyner Brooke. Anthony Brooke ialah anak muda yang berkelakuan kasar dan didapati berlaku curang. Pada bulan Mac 1939, Anthony Brooke dilantik sebagai Raja Muda Sarawak dan bakal pengganti Charles Vyner Brooke. Tetapi disebabkan kelakuannya yang curang dan kasar itu, ia telah dipecat dalam tahun 1940. Pada tahun 1944, sekali lagi Anthony Brooke dilantik sebagai Raja Muda tetapi disingkirkan kemudiannya. Pertelingkatan dalam keluargalah yang mendorongkan Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada Britain.

Berkenaan dengan sejarah hubungan diplomatik, Sarawak sudah mempunyai perhubungan dengan Britain semenjak tahun 1888. Pada tahun itu Britain melaksanakan 'dasar perlindungannya' ke atas Sarawak dan juga Sabah serta Berunai. Keraian Inggeris berkuasa penuh ke atas pertahanan dan hal ehwal luar negeri Sarawak. Semenjara itu pemerintahan dalam negeri dijalankan oleh Raja-raja Brooke.

Menurut dasar itu juga, sebarang bahagian atau wilayah Sarawak tidak boleh digadai atau diserahkan kepada sebarang kuasa asing tanpa persetujuan dari Kerajaan Inggeris. Warganegara, perkапalan dan perdагangan Inggeris diberi layanan yang istimewa di Sarawak. Dasar itu telah merapatkan hubungan Sarawak dengan Britain. Pada bulan November 1941, iaitu beberapa minggu sebelum serangan Jepun dilancarkan ke atas Sarawak, satu perjanjian tambahan telah dibuat di antara Sarawak dengan Britain di mana Kerajaan Inggeris akan menempatkan seorang wakilnya di Kuching yang bertugas sebagai penasihat kepada Raja Sarawak. Tetapi perlantikan itu tidak sempat dilakukan kerana perperangan meletus di Sarawak. Semasa Sarawak dijajah oleh Jepun, perundingan-perundingan telah diadakan di London untuk menyerahkan Sarawak kepada Britain. Charles Vyner Brooke berpendapat bahawa pemerintahan keluarga Brooke sudah lapuk dan tidak sesuai lagi diteruskan di Sarawak. Sebenarnya, Charles Vyner Brooke telah mengambil keputusan untuk menjualkan Sarawak kepada Kerajaan Inggeris. Walaupun rancangan tersebut mendapat tentangan daripada rakyat, ketua-ketua Melayu, ketua-ketua suku bumiputera dan ahli-ahli Dewan Negeri Sarawak tetapi ia telah dijalankan juga. Keputusan pengundian yang terakhir dalam Dewan Negeri Sarawak ialah 19 ahli bersetuju sementara 16 ahli menentang penyerahan tersebut, dan oleh itu cadangan tersebut telah diluluskan.

Charles Vyner Brooke telah menandatangani dokumen penyerahan pada 20hb. Mei 1946 dan pada 1hb. Julai 1946, Sarawak diambil dengan rasminya oleh Kerajaan Inggeris dan dijadikan Tanah Jajahan Inggeris. Wang simpanan negeri Sarawak sejumlah \$1,000,000 telah dibayarkan faedahnya kepada keluarga Brooke.

Faktor yang terakhir yang menyebabkan penyerahan Sarawak ialah keadaan buruk yang dialami oleh negeri itu selepas perang. Kerja-kerja pemulihan terpaksa dijalankan dengan segera dan ini memerlukan perbelanjaan yang besar. Keluarga Brooke tidak mampu membiayai kerja-kerja pemulihan tersebut dan oleh yang demikian adalah elok tugas tersebut dipikul oleh Kerajaan Inggeris.

Penyerahan Sarawak pada tahun 1946 itu menamatkan pemerintahan Raja-raja Brooke selama kira-kira 100 tahun di Sarawak. Sarawak daripada dikuasai oleh orang perseorangan ditukarkan kepada pemerintahan Kerajaan Inggeris. Kemajuan-kemajuan yang telah tercapai di Sarawak diteruskan oleh Kerajaan Inggeris dengan beberapa tokok tambah yang perlu.

## USAHA-USAHA PEMULIHAN SELEPAS PERANG DUNIA II

Sarawak mengalami banyak kerosakan akibat Perang Dunia II. Selama kira-kira 3½ tahun ia berada di bawah pemerintahan Jepun. Hampir-hampir kesemua aktiviti yang dijalankan di dalam negeri terhenti dan tergendala. Sarawak tidak begitu teruk mengalami kerosakan jika dibandingkan dengan Sabah. Kebanyakan pekan-pekan di Sarawak telah binasa akibat penyerangan Jepun pada tahun 1941 itu.

Jabatan-jabatan penting seperti Jabatan-jabatan Pos, Letrik, Air, Kesihatan, Pelajaran, Kerjaya dan lain-lain lagi semuanya tergendala. Dasar-dasar yang dijalankan oleh Raja-raja Brooke dahulu terpaksa dihentikan. Jabatan-jabatan itu dibuka semula oleh Jepun tetapi menjalankan dasar-dasar yang ditentukan oleh Jepun.

Sarawak mengalami kerosakan yang lebih teruk dengan ketibaan askar-askar Pihak Berikat. Askar-askar Australia dari Regimen Kesembilan telah membebaskan Sarawak, Sabah dan Berunei dari tangan tentera-tentera Jepun. Dalam usaha mereka untuk menawan semula Sarawak, tentera-tentera itu telah menggunakan senjata-senjata dan alat-alat perperangan moden. Banyak bangunan, jalanraya, pejabat kerajaan, kilang dan lain-lain peralatan telah musnah. Kerosakan yang besar telah berlaku di Bahagian III Sarawak kerana di situ lah berlakunya penentangan yang hebat di antara askar-askar Pihak Berikat dengan tentera-tentera Jepun.

Oleh itu, usaha-usaha pemulihan terpaksa menelan belanja yang terlalu banyak. Keluarga Brooke tidak mampu membiayai perbelanjaan yang terlalu besar itu kerana Raja Brooke kekurangan wang. Faktor ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan Raja Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada Kerajaan Inggeris. Usaha-usaha pemulihan terpaksa dipikul oleh Kerajaan Inggeris semenjak tahun 1946.

Di antara tahun 1946 dengan 1948, Kerajaan Kolonial Inggeris telah memberikan perhatian yang berat dalam soal pentadbiran. Pegawai-pegawai Inggeris yang berpengalaman dan berkebolehan dari lain-lain tanah jajahan Inggeris dihantar ke Sarawak untuk memulihkan pentadbiran dengan lebih teratur dan licin. Jentera-jentera kerajaan digerakkan supaya matlamatnya tercapai dengan berkesan dan berjaya.

Jabatan yang penting ialah Jabatan Kerja Raya. Ia dimulakan untuk memulihkan keadaan perhubungan di dalam negeri. Jabatan ini mengalami kekurangan jurutera-jurutera dan jurukur-jurukur yang mahir dan cekap. Oleh itu, usaha-usaha pemulihan telah berjalan dengan agak lambat dan hanya dapat dipesatkan selepas tahun 1948. Bangunan-bangunan sementara, jambatan-jambatan, jalan-jalan raya dan kolam-kolam air diperbaiki.

Jabatan Kastam diperkemaskan. Jabatan Kesihatan pula telah memainkan peranan yang penting untuk memulihkan kesihatan rakyat yang semakin merosot selepas perang itu. Jabatan ini mula dipulihkan pada tahun 1947. Sementara itu, Jabatan Perubatan telah diatur semula. Wang sejumlah \$670,000 telah disumbangkan untuk membina dan memperbaiki 18 buah hospital dan dispensari-dispensari.

Dalam lapangan pelajaran pula, sekolah-sekolah rendah, menengah dan maktab-maktab didirikan untuk memberi pelajaran kepada rakyat yang masih buta huruf itu. Sekolah-sekolah rendah Melayu, Melanau, Dayak, Iban dan suku-suku bumiputera yang lain telah dibina. Pada tahun 1947, sebuah perbandaran Inggeris yang bernama *Majlis Kebajikan dan Kemajuan Kolonial* (Colonial Development and Welfare Council) telah menderma sebanyak \$1,000,000. Wang itu telah digunakan untuk membina Maktab Perguruan Batu Lintang di Kuching dan sebuah sekolah menengah. Penuntut-penuntut yang lulus daripada sekolah menengah diterima masuk ke Maktab Perguruan itu.

Dalam bidang pertanian, usaha-usaha telah dijalankan untuk mengatasi kekurangan barang-barang makanan seperti beras, daging dan sebagainya. Beras terpaksa dicatu dan diimpor dari luar negeri seperti dari Burma dan Thailand. Galakan-galakan telah diberikan untuk menanam lebih banyak barang-barang makanan. Cara-cara bercucuk-tanam yang baik juga diberikan perhatian. Kain baju juga berkurangan dan terpaksa diimpor dari luar negeri.

Pada keseluruhannya Kerajaan Kolonial Inggeris telah dapat menjalankan usaha-usaha pemulihan itu dengan jayanya. Kehidupan yang aman dan tenteram telah diwujudkan di Sarawak. Sarawak mengalami perkembangan-perkembangan yang pesat di bawah pemerintahan Kerajaan Inggeris.

## PERKEMBANGAN SOSIAL DAN KEBAJIKAN

Kerajaan Inggeris di samping mementingkan dasar ekonominya di Sarawak, juga melaksanakan langkah-langkah dalam bidang sosial dan kebajikan. Kerajaan Inggeris berpendapat, kiranya ia tidak melaksanakan dasar-dasar sosialnya, ia akan dikecam oleh rakyat Sarawak sebagai penjajah yang kejam apabila munculnya nasionalisma kelak. Oleh yang demikian, imej dan maruahnya tidak jatuh di mata rakyat yang dijajahnya.

Kerajaan Inggeris meneruskan dasar-dasar sosial yang telahpun dijalankan oleh Raja-raja Brooke, terutama sekali dalam bidang pelajaran. Pada tahun 1956, barulah diadakan perubahan yang nyata. Buta huruf dan pengabaian pelajaran mesti diatasi dan tidak dapat lagi dibiarkan begitu sahaja. Sekolah-sekolah rendah kerajaan makin banyak dibina di seluruh Sarawak sehingga sekolah-sekolah rendah itu melebihi bilangan sekolah-sekolah yang didirikan oleh gereja-gereja Kristian dan orang-orang Cina. Menjelang tahun 1960, beberapa buah sekolah menengah kerajaan telah dibina. Bahasa Inggeris telah dijadikan bahasa pengantar yang penting di sekolah-sekolah dan juga digunakan dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran negeri. Oleh itu, penggunaan bahasa penjajah semakin luas dan penting serta dapat mengatasi penggunaan bahasa-bahasa tempatan seperti Melayu, Cina dan bahasa-bahasa suku bumiputera yang lain.

Dalam tahun 1946, Pejabat Pelajaran Sarawak telah disusun semula dengan dikelolakan oleh seorang Pengarah Pelajaran. Sekolah-sekolah mission dan sekolah-sekolah Cina dimajukan dengan pesatnya. Pelajaran Melayu jauh ketinggalan kerana sekolah-sekolah Melayu yang dibina tidak banyak. Perkembangan pelajaran pada keseluruhannya tidak mengalami perubahan-perubahan yang begitu pesat.

Sebelum tahun 1956, sekolah-sekolah rendah dikelolakan oleh Lembaga Pentadbiran Tempatan dan tidak dimiliki oleh Kerajaan. Oleh itu, sukatan pelajaran yang dijalankan tidak sama di antara satu dengan lain dan juga lain-lain masalah yang dihadapi oleh sesebuah sekolah itu sukar diatasi seperti kekurangan guru-guru dan sebagainya. Pada tahun 1956, Kerajaan mula memberi bantuan 'grant-in-adi' kepada sekolah-sekolah swasta dan sekolah-sekolah Cina yang bukan kerajaan dengan syarat sekolah-sekolah itu menggunakan sukatan pelajaran kerajaan.

Beberapa buah Maktab-maktab Perguruan telah didirikan. Maktab Perguruan Batu Lintang di Kuching melatih guru-guru sekolah rendah dan menengah dengan menggunakan bahasa pengantar Inggeris. Kursus-kursus yang diberikan termasuklah pertukangan dan sains rumah tangga. Penuntut-penuntut yang mempunyai kelulusan tingkatan tiga diberi latihan sebagai guru-guru sekolah rendah dan yang berkelulusan tingkatan lima untuk sekolah-sekolah menengah. Pada tahun 1957, Maktab Perguruan Sibu telah didirikan untuk melatih guru-guru sekolah Cina dengan menggunakan bahasa pengantar Cina. Pada tahun 1956, sebuah Lembaga Pelajaran telah dibentuk yang mengandungi ahli-ahli rasmi, ketua-ketua kaum dan lain-lain lagi. Tugas Lembaga ini ialah untuk mengesyorkan kepada Kerajaan Inggeris mengenai apa-apa perubahan yang patut diadakan dalam bidang pelajaran. Menjelang tahun 1961 cuma ada 5 buah sekolah menengah sahaja dan bilangan itu terus meningkat sebanyak 3 buah lagi pada tahun 1962. Hanya pada tahun 1960 baharu dilaksanakan sukanan pelajaran yang sama untuk semua sekolah di Sarawak.

Perubahan-perubahan juga berlaku dalam bidang kesihatan. Pada tahun 1947, Jabatan Kesihatan hanya mempunyai seorang Pengarah, tiga orang pegawai kesihatan dan seorang matron. Tetapi pada tahun 1962, Jabatan itu mempunyai Pemangku Pengarah dan Penolong Pengarah, 6 orang pegawai ikhtisas kesihatan, 25 orang pegawai kesihatan, seorang ketua matron dan 2 orang 'sister tutors', 22 orang jururawat dan beberapa orang pekerja lain. Penyakit-penyakit yang merbahaya seperti batuk kering, malaria, kusta dan lain-lain lagi telah dapat dikawal. Hospital-hospital didirikan di Kuching, Sibu, Miri dan lain-lain bandar yang penting. Klinik-klinik dan pusat-pusat bidan juga dibina di kawasan-kawasan yang jauh dari bandar. Sebuah pusat X-ray batuk kering didirikan di Kuching pada tahun 1953. Hospital-hospital dan wad-wad batuk kering telah diadakan di Simanggang, Sibu, Miri dan lain-lain lagi. Bantuan dari Rancangan Colombo telah juga diterima seperti alat-alat perubatan dan pakar-pakar kesihatan. Kaki-tangan-kakitangan tempatan telah dilatih untuk mengendalikan X-ray di kalangan penduduk-penduduk Sarawak. *Pertubuhan Anti-Tibi Sarawak* (Sarawak Anti-Tuberculosis Association) telah juga ditubuhkan. Gerakan mencegah penyakit malaria bermula semenjak tahun 1952 dengan dibantu oleh *Pertubuhan Kesihatan Sedunia* (WHO).

Dalam bidang pengangkutan, beberapa kemajuan telah dicapai. Pada tahun 1949, perhubungan udara dengan kapalterbang telah

diwujudkan oleh Malayan Airways Limited yang menghubungkan Kucing dengan Singapura, Jesselton dan Sandakan. Pada tahun 1955, sebuah syarikat penerbangan kecil iaitu Borneo Airways memulakan perkhidmatannya untuk wilayah-wilayah Borneo sahaja. Ia menghubungkan kawasan-kawasan pendalaman yang terpencil dengan pekan-pekan Borneo. Pengangkutan dan perhubungan air yang menghubungkan beberapa bahagian Sarawak terus diperbaiki dan dimajukan. Pelabuhan-pelabuhan Kucing, Sibu dan Miri diperbaiki dalam tahun-tahun 1950an. Syarikat-syarikat perkapalan memulakan perkhidmatan mereka masing-masing. Syarikat perkapalan yang terbesar dalam perhubungan laut di antara Borneo dengan Singapura, Australia Barat, Hong Kong dan lain-lain kawasan Asia Tenggara ialah *The Straits Steamship Company* yang dimiliki oleh kapitalis-kapitalis Inggeris. Jalan-jalanraya telah juga diperbaiki, terutamanya dari Kucing ke Bau. Langkah-langkah untuk menambahkan panjang jalan-jalanraya telah dijalankan dengan pesatnya. Cuma terdapat kira-kira 200 batu sahaja jalan-jalanraya yang dibina. Jalanraya yang terpanjang ialah dari Kucing ke Sibu sepanjang 200 batu dan dibina selepas Sarawak memasuki Malaysia. Ini disebabkan masih ramai penduduk-penduduk Sarawak yang menggunakan sungai sebagai alat perhubungan yang penting. Syarikat-syarikat perahu diwujudkan di Kucing, Simanggang, Serekei, Sibu dan Limbang seperti Sibu Express, Kapit Express dan lain-lain lagi. Tiada landasan keretapi di Sarawak.

Dalam bidang perhubungan pula, telegraf dan telefon dimajukan. Perhubungan memainkan peranan yang penting untuk kemajuan ekonomi penjajah. Di samping itu rakyat juga telah menikmati faedah-faedah daripadanya.

Perkembangan-perkembangan dalam sibaran am (masa media) juga jelas kelihatan. Terdapat 16 buah akhbar dan majalah yang diterbitkan di Sarawak. Daripada bilangan itu terdapat 6 buah akhbar yang diterbitkan dalam bahasa-bahasa bumiputera iaitu 3 dalam bahasa Iban dan 3 lagi dalam bahasa Melayu. Kemajuan dalam mutu dan masa penyiaran telah dilakukan oleh radio Sarawak. Siaran-siaran dipancarkan dalam bahasa-bahasa Iban, Melayu dan Inggeris.

Kesimpulan yang dapat diambil ialah kemajuan memang wujud dalam bidang sosial. Rakyat Sarawak semakin maju tetapi tidak terlalu maju sehingga mereka boleh membahayakan kedudukan penjajah Inggeris. Penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan bandar

dapat menikmati faedah sepenuhnya, tetapi mereka yang tinggal di kawasan-kawasan pendalaman, peluang-peluang yang dapat digunakan adalah terbatas sekali.

### PERKEMBANGAN POLITIK

Sarawak selama kira-kira 100 tahun di bawah pemerintahan keluarga Brooke telah dipengaruhi oleh unsur-unsur pentadbiran barat. Kerajaan Inggeris kemudiannya memperbaiki dan memperluaskan sistem yang telah diasaskan oleh Raja-raja Brooke itu. Raja-raja Brooke dan juga Kerajaan Kolonial Inggeris kurang sekali memberi perhatian yang serius mengenai perkembangan politik Sarawak.

Kerajaan Inggeris sudah masak benar dengan pengalamannya di masa-masa lepas mengenai kemerdekaan tanah jajahan. Oleh itu Kerajaan Kolonial Inggeris memang sengaja melambat-lambatkan dalam bidang politik supaya rakyat yang dijajahnya tidak cepat menuntut kemerdekaan. Tetapi Inggeris sedar bahawa ia tidak akan berada lama di Sarawak kerana pada suatu masa nanti mereka terpaksa mengundurkan diri dari situ. Perkembangan dalam bidang politik terpaksa dilaksanakan juga untuk memberi peluang kepada anak negeri supaya dapat melatihkan diri dalam pemerintahan negeri apabila Sarawak diberi kemerdekaan kelak.

Dalam bidang pemerintahan, Sarawak diperintah secara 'beraja mutlak' yang diwujudkan oleh James Brooke dan keturunannya. James Brooke telah memperkenalkan satu kod undang-undang yang terdiri daripada 8 perkara yang mengandungi hukum jenayah, sistem timbang, hak sama-rata rakyat, hamba abdi, perdagangan bebas, sistem cukai dan pembinaan jalanraya. Ia tidak mengadakan apa-apa sistem pemerintahan yang penting kerana tugas-tugas utamanya ialah untuk mengamankan negeri dan menentang lanun-lanun di perairan Borneo.

Charles Johnston Brooke pula telah mewujudkan satu sistem pentadbiran yang lebih baik. Pada tahun 1867, ia telah membentuk *Majlis Tertinggi* (Supreme Council). Majlis Tertinggi bertanggungjawab menasihati Raja dalam urusan pemerintahan tetapi nasihat-nasihatnya tidak perlu diikuti oleh Raja kerana Raja mempunyai kuasa mutlak. Tiada apa-apa perubahan penting yang berlaku di Sarawak sehingga tahun 1941 apabila Raja Charles Vyner Brooke mengisytiharkan Perlembagaan 1941 kepada rakyat Sarawak. Di dalam perlembagaan ini,

Raja Charles Vyner Brooke berjanji untuk memberikan kemajuan politik. Dewan Negeri diperbesarkan dan ia mengandungi 25 orang anggota; 14 orang pegawai-pegawai rasmi Raja Brooke dan 11 orang lagi ialah ketua-ketua kaum yang mewakili kepentingan kaum masing-masing dan merupakan ahli tidak resmi yang dilantik oleh Raja Brooke. Sungguhpun Dewan Negeri mempunyai ahli-ahli tidak resmi tetapi mereka dilantik oleh Raja dan oleh itu mereka adalah orang-orang yang menurut kehendak dan penyokong-penyokong Raja. Anggota-anggota Majlis Tertinggi yang terdiri dari 5 orang itu adalah pegawai-pegawai kanan Raja Brooke sendiri. Mereka bertugas sebagai ketua-ketua pentadbir dalam urusan pemerintahan sehari-hari. Pemberian Perlembagaan 1941 dan janji-janji Raja Brooke untuk memberi pemerintahan sendiri kepada rakyat Sarawak hanya merupakan janji-janji kosong belaka. Sistem pentadbiran yang diwujudkan oleh Perlembagaan 1941 itu adalah juga berdasarkan kuasa perseorangan iaitu kuasa yang terletak di tangan Raja dan pegawai-pegawai yang dipilih sendiri oleh Raja. Kedaulatan rakyat tiada. Raja masih mempunyai kuasa mutlak dan Kerajaan masih berbentuk *otokratik*. Menurut *S. Runciman*, "Raja telah menyerahkan kuasa mutlaknya kepada suatu birokrasi yang ia sendiri melantiknya". Menurut *J.P. Ongkili* pula, "Perlembagaan itu bukan bermakna memberi peluang kepada rakyat berpolitik dan bukan memberi hak kepada rakyat. Perlembagaan itu tidak memberi peluang kepada rakyat dalam pemerintahan". Kesimpulan yang dapat diambil ialah rakyat diberi peluang yang amat sedikit dalam pemerintahan negeri Sarawak. Tetapi dalam perkara ini Sabah lebih maju ke hadapan kerana pegawai-pegawai pentadbir Kompeni telah menitikberatkan rakyat mengambil bahagian dalam pemerintahan negeri.

Apabila perperangan meletus dan Sarawak diduduki oleh Jepun, Perlembagaan 1941 telah digantungkan dan segala urusan pemerintahan turut terhenti. Jepun menjalankan dasar pemerintahannya sendiri. Kiranya Jepun tidak menjajah Sarawak, sistem pemerintahan Raja-raja Brooke tidak juga berubah. Ini disebabkan tiada wujudnya desakan rakyat supaya mereka diberi suara yang lebih dalam pemerintahan. Perlembagaan 1941 itu juga telah diberikan tanpa desakan rakyat. Tetapi rakyat telah mengalami perubahan selepas Jepun meninggalkan Sarawak. Rakyat Sarawak yang terdiri dari berbagai kaum telah dapat hidup dalam keadaan saling mengerti dan sama-sama merasai penindasan Jepun. Ada di antara mereka telah diberi peluang dalam pemerin-

tahan negeri di bawah pemerintahan Jepun dan mereka yang turut menyumbangkan kesedaran kebangsaan yang akhirnya membawa kemerdekaan kepada Sarawak.

Sarawak di bawah penjajahan Inggeris mengalami perkembangan politik yang agak tenang juga. Kedua-dua Majlis Tertinggi dan Dewan Negeri yang diasaskan oleh Raja-raja Brooke telah diteruskan dalam tahun 1946. Bilangan ahli kedua-dua badan itu telah ditambah, Majlis Tertinggi mempunyai 10 anggota dan Dewan Negeri pula mempunyai 45 ahli di mana 24 daripadanya dipilih oleh Majlis Penasihat Bahagian (Divisional Advisory Council) daripada kelima-lima Bahagian di Sarawak. 5 daripada 10 orang anggota Majlis Tertinggi dipilih oleh Dewan Negeri. Perubahan-perubahan itu menunjukkan bahawa anggota-anggota yang dipilih merupakan bilangan majoriti dalam kedua-dua badan tersebut. Kedua-dua badan itu bertugas membantu Gabenor Sarawak dalam pentadbiran harian.

Pada tahun 1954, Majlis Bandaran Kucing diwujudkan untuk mentadbirkan bandar Kucing. Ini memberi peluang kepada penduduk-penduduk tempatan mentadbirkan daerah mereka sendiri. Pada tahun 1956 pula, Majlis Penasihat Bahagian yang dianggotai oleh ketua-ketua tempatan ditubuhkan di tiap-tiap Bahagian di Sarawak. Dalam tahun yang sama juga, Majlis-majlis Daerah ditubuhkan di beberapa daerah di Sarawak seperti di Miri, Sibu, Mukah, Bau dan lain-lain lagi.

Tahun 1959 merupakan tahun yang bersejarah di Sarawak kerana pilihanraya yang pertama telah diadakan. Pilihanraya ini ialah untuk memilih wakil-wakil Majlis Daerah dua Majlis-majlis Penasihat Bahagian. Ini merupakan kali pertama rakyat Sarawak mendapat peluang memilih wakil-wakil mereka untuk menjalankan pentadbiran Daerah dan Bahagian. Sarawak lebih maju ke hadapan kerana sudah wujud pilihanraya sementara Sabah pula belum lagi mengenali sistem pilihanraya. Tetapi kuasa kerajaan masih lagi kuat dan berkesan. Sehingga tahun 1963 dan selepas beberapa tahun Sarawak memasuki Malaysia, jawatan-jawatan kanan kerajaan Sarawak seperti Setiausaha Kanan Kerajaan, Setiausaha Kewangan, Peguam Negeri Sarawak dan Ketua-ketua Jabatan dalam perkhidmatan awam masih dipegang oleh pegawai-pegawai penjajah.

Walaupun berlakunya perubahan-perubahan dalam bidang pererintahan di Sarawak, perubahan-perubahan itu tidak membawa kesedaran politik yang luas kepada rakyat. Keadaan ini jelas kelihatan

kerana lambat munculnya parti-parti politik di Sarawak. Hanya pada bulan Jun 1959 iaitu selepas 13 tahun Sarawak dijajah oleh Inggeris, bahanalah tertubuhnya parti politik yang pertama iaitu *Sarawak United People's Party (S.U.P.P.)*. Parti politik yang kedua ialah *Party Negara Sarawak (PANAS)* yang ditubuhkan pada bulan April 1960.

Tiada wujudnya perkembangan politik yang meluas di Sarawak adalah disebabkan oleh sistem penjajahan yang tidak mahu rakyatnya lekas menuntut kemerdekaan dan tiadanya desakan yang jelas daripada rakyatnya sendiri. Faktor pelajaran tidak dapat diabaikan begitu sahaja kerana masih ramai lagi rakyat Sarawak yang tinggal dalam keadaan buta-huruf dan tidak mengenali kemajuan politik.

## Bab 8

### SABAH DI BAWAH KERAJAAN INGGERIS, 1946—1963

#### PENYERAHAN SABAH DAN USAHA-USAHA PEMULIHAN DI SABAH

Sabah berada di tangan Jepun selama kira-kira 3½ tahun. Dari 6hb. Januari 1942 sehingga bulan November 1945, Sabah berada di bawah pemerintahan tentera-tentera Jepun. Keadaan yang dialaminya tidak jauh berbeda dengan apa yang berlaku di Sarawak. Rakyat Sabah hidup dalam ketakutan dan penderitaan. Mereka yang tinggal di kawasan pendalaman juga tertindas oleh Jepun. Akhirnya Sabah dibebaskan oleh tentera-tentera Australia yang menjadi sebahagian daripada tentera-tentera Pihak Berikat. Pemerintahan Tentera Inggeris diwujudkan di Sabah selama kira-kira 8 bulan. Sabah mengalami kerusakan yang lebih banyak daripada Sarawak.

Pada 15hb. Julai 1946 Sabah menjadi Tanah Jajahan Inggeris. Dengan itu berakhirnya pemerintahan Kompeni Berpiagam di Sabah selama kira-kira 63 tahun. Penyerahan Sabah kepada Kerajaan Inggeris adalah didorongkan oleh empat sebab yang penting.

*Sebab yang pertama* ialah kerusakan yang dialami oleh Sabah akibat perang. Kerusakan-kerusakan itu adalah terlalu besar dan sukar untuk diperbaiki tanpa usaha yang bersungguh-sungguh. Seorang

ahli sejarah barat, *K.G. Tregonning* dalam bukunya, *A History of Modern Sabah: 1881–1963* menyatakan Sabah ialah negeri yang terbinasa sekali akibat Perang Dunia II daripada negeri-negeri tanah jajahan Inggeris yang lain. Oleh itu, usaha-usaha pemulihan tidak dapat dijalankan oleh Kompeni Berpiagam Sabah, sebuah badan perniagaan yang mementingkan keuntungan. Usaha-usaha itu memerlukan perbelanjaan yang terlalu besar yang tidak mungkin dipikul oleh pemegang-pemegang saham Kompeni di Britain. Kerajaan Inggeris yang mewarisi Sabah dapat menjalankan usaha-usaha pemulihan dengan lebih berkesan lagi kerana Kerajaan Inggeris mempunyai modal dan kewangan yang mencukupi.

*Sebab yang kedua* penyerahan Sabah ialah kerana sistem pentadbiran Kompeni Berpiagam Sabah telah ketinggalan zaman dan sudah menjadi usang. Walau bagaimanapun Kompeni Berpiagam Sabah telah berjaya mentadbirkan Sabah selama lebih daripada 60 tahun sehingga tahun 1946. Kompeni Inggeris yang terpenting sekali iaitu Syarikat Hindia Timur Inggeris yang diwujudkan pada tahun 1600 telah menamatkan pemerintahannya di India pada tahun 1858 selepas berlakunya Dahagi India. Di Negeri-negeri Selat pula pemerintahan Syarikat Hindia Timur Inggeris berakhir pada tahun 1867. Syarikat Hindia Timur Belanda yang disokong oleh Kerajaan Belanda iaitu yang lebih dikenali dengan nama V.O.C. yang ditubuhkan pada tahun 1602 itu telah juga menamatkan pemerintahannya di Indonesia pada tahun 1799. Pemerintahan Syarikat Hindia Timur Inggeris telah diambil alih dan diteruskan oleh Kerajaan Inggeris di India sehingga India dan Pakistan mencapai kemerdekaan masing-masing pada tahun 1947, sementara itu pemerintahan V.O.C. di Indonesia telah diteruskan oleh Kerajaan Belanda sehingga tahun 1950 apabila Indonesia dengan rasmi na mendapat kemerdekaannya.

*Sebab yang ketiga* ialah wujudnya kerjasama yang erat di antara Sabah dengan Kerajaan Inggeris. Apabila Kerajaan Inggeris mengurnikan sebuah Piagam kepada Kompeni Berpiagam Sabah pada tahun 1881, Inggeris sebenarnya sudah menguasai pentadbiran Kompeni itu. Di antara lain, Piagam itu telah mengikat Kompeni supaya memberikan hak-hak istimewa kepada warganegara Inggeris dan Kompeni tidak dibenarkan menyerah atau memajakkan sebarang tamah di Sabah kepada kuasa asing. Pada tahun 1888 pula, Sabah dijadikan 'negeri naungan' Kerajaan Inggeris. Dengan itu kedudukan Kerajaan Inggeris di Sabah semakin teguh. Ia menguasai perhubungan luar negeri dan juga

pertahanan Sabah. Kompeni Berpiagam Sabah cuma menjalankan pentadbiran dalam negeri sahaja. Perhubungan di antara Pejabat Tanah Jajahan dan Pejabat Hal Ehwal Luar Negeri dengan Kompeni Berpiagam Sabah semakin bertambah rapat. Kerjasama telahpun wujud di antara Lembaga Pengarah Kompeni dengan Kerajaan Inggeris. Ketika meletusnya Perang Dunia II, Kerajaan Inggeris telah turut membebaskan Sabah dan kemudiannya mengadakan Pemerintahan Tentera di antara tahun 1945 dengan tahun 1946. Oleh itu penyerahan Sabah kepada Kerajaan Inggeris menunjukkan pengluasan dasar imperialism Inggeris.

*Sebab yang keempat* ialah penyerahan Sabah telah dibayar dengan wang sagu-hati sebanyak £2,260,000. Kompeni Berpiagam Sabah telah menerima wang sagu-hati tersebut daripada Kerajaan Inggeris. Ini menunjukkan penyerahan Sabah tidak dilakukan dengan percuma sahaja.

Selepas penyerahan Sabah, usaha-usaha pemulihan telah giat dijalankan oleh Kerajaan Inggeris. Menurut *N. Heyward* dalam bukunya, *Sarawak, Brunei and North Borneo*, keadaan Sabah selepas perang ialah seperti keadaan Sabah pada tahun 1881 iaitu pada permulaan pemerintahan Kompeni Berpiagam Sabah. Kerajaan Inggeris mula membangunkan semula ekonomi Sabah. Barang-barang makanan dan pakaian terpaksa dicatu dan diimport dari luar negeri. Keadaan kebuluran terpaksa diatasi supaya keadaan seperti sediakala dapat diwujudkan kembali.

Perusahaan getah diwujudkan semula. Selepas perang, harga getah naik melambung. Menjelang tahun 1963, seluas 203,000 ekar tanah di Sabah ditanam dengan pokok-pokok getah. Sumber ekonomi yang lain telah juga diusahakan seperti perusahaan kayu-balak, manila hemp, abaca, koko, padi dan lain-lain lagi. Monopoli perusahaan membalaik yang dijalankan oleh British Borneo Timber Company telah dipecahkan dan beberapa buah syarikat turut bergiat dalam lapangan tersebut seperti Bombay-Burmah Trading Corporation, Kennedy Bay Timber Company dan North Borneo Timber Limited. Kelapa kering menjadi bahan eksport yang penting. Pada tahun 1949 terdapat 35,000 ekar tanah yang ditanami dengan kelapa tetapi telah meningkat kepada 80,000 ekar pada tahun 1963. Penanaman koko pula telah diperkenalkan di Tawau.

Dalam bidang pentadbiran, Kerajaan Inggeris mengendalikan dan meneruskan sistem pentadbiran Kompeni Berpiagam Sabah. Bentuk

pentadbiran Kompeni diperbaiki dan disesuaikan dengan dasar pemerintahan yang baharu. *Jabatan-jabatan Kerajaan* yang baharu dibentuk dan ditambah dari masa ke semasa untuk menampung keperluan pemerintahan.

## PERKEMBANGAN SOSIAL DAN KEBAJIKAN

Sabah mengalami kemajuan-kemajuan yang penting dalam bidang sosial dan kebajikan di bawah pemerintahan Kerajaan Inggeris. Kemajuan-kemajuan yang tercapai dalam lapangan-lapangan pelajaran, perhubungan, pengangkutan, kesihatan dan lain-lain lagi akan dibincangkan satu persatu dengan lebih mendalam lagi.

Pelajaran diberikan keutamaan oleh Kerajaan Inggeris. Ramainya bilangan orang-orang muda dan kanak-kanak telah memaksa kerajaan mendirikan sekolah-sekolah di Sabah. Di antara tahun 1946 dengan tahun 1956, sistem pentadbiran Kompeni Berpiagam Sabah diteruskan dan Kerajaan Inggeris tidak banyak melakukan perubahan-perubahan yang besar. Sekolah-sekolah dikelola dan diuruskan oleh golongan-golongan yang tertentu dengan dasar mereka sendiri, tanpa campur-tangan daripada Kerajaan Inggeris. Sekolah-sekolah Cina dengan sukanan pelajaran, guru-guru dan buku-buku teksnya sendiri, sekolah-sekolah gereja dengan sukanan pelajaran yang berasingan dan semangat keugamaannya dan sekolah-sekolah Kerajaan untuk suku-suku bumiputera pula, masing-masing wujud secara berasingan. Hanya selepas tahun 1956 baharulah sekolah-sekolah di Sabah diawasi oleh Kerajaan Inggeris dan diperhatikan perjalanannya. Pada tahun itu juga dibentuk Lembaga Pelajaran Sabah untuk membuat cadangan-cadangan dan syor-syor mengenai dasar pelajaran negeri itu. Jabatan Pelajaran disusun semula dan ia menguasai sistem pendidikan di Sabah. Pada tahun 1960 sukanan pelajaran yang tunggal untuk semula sekolah di Sabah dikuatkuasakan. Bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah dan di maktab-maktab. Pada tahun 1952 *Maktab Kent* didirikan di Tuaran. Ia mengadakan latihan-latihan perguruan untuk bakal-bakal guru sekolah rendah dalam tiga aliran iaitu Melayu, Inggeris dan Cina. Pada tahun 1963 pula, *Maktab Gaya* didirikan di Kota Kinabalu. Maktab perguruan ini melatih bakal-bakal guru

sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah (setakat tingkatan tiga sahaja) dengan menggunakan bahasa pengantar Inggeris.

Rancangan-rancangan pembinaan jalan-jalanraya hanya diadakan pada akhir tahun 1950an, terutama sekali di bahagian pantai barat Sabah iaitu dari Jesselton ke Kota Belut sejauh 47 batu. Pada tahun 1955, cuma terdapat kira-kira 300 batu sahaja jalan-jalanraya di seluruh negeri itu. Pada tahun 1958, sebatang jalanraya dibina dari Jesselton ke Ranau sejauh 70 batu. Kemudiannya, sebatang jalanraya lagi dari Sandakan ke Ranau sejauh 100 batu telah dibina. Pada tahun 1961, jalanraya ini disambungkan pembinaannya dari Kota Belut ke Kudat di utara Sabah. Panjangnya jalanraya itu, dari Jesselton ke Kudat, ialah kira-kira 200 batu. Pada tahun 1960an juga dimulakan pembinaan jalanraya yang paling panjang di Sabah, dari Jesselton ke Sandakan iaitu dari pantai barat ke pantai timur dan projek ini telah siap pada tahun 1972. Menjelang tahun 1963 bandar-bandar besar telah dapat dihubungkan melalui jalan-jalanraya. Sabah lebih diberi perhatian dalam pembinaan jalan-jalanraya ini disebabkan oleh keadaan muka bumi yang rata dan mempunyai tanah-tanah lembah.

Dalam bidang perhubungan udara pula, Syarikat Malayan Airways Limited telah memulakan penerbangannya dari Singapura ke Jesselton dan Sandakan pada tahun 1949. Pada tahun 1955, sebuah syarikat penerbangan kecil yang bernama Borneo Airways pula memulakan perkhidmatannya ke kawasan-kawasan pendalaman Sabah dan Sarawak serta Brunei. Jalan-jalan keretapi yang dibinasakan oleh Jepun yang menghubungkan estet-estet dengan bandar-bandar besar seperti Jesselton, Penampang, Papar dan Beaufort diperbaiki. Landasan-landasan keretapi yang diperbaiki ialah sepanjang 115 batu dan langkah ini telah memudahkan pengeluaran hasil-hasil seperti getah, kopi, sayur-sayuran dan lain-lain barang makanan. Pada tahun 1950an jentera-jentera disel digunakan dalam perkhidmatan keretapi. Dalam bidang perhubungan laut, pelabuhan-pelabuhan seperti Labuan, Jesselton, Kudat, Sandakan dan Tawau dipermajukan. Syarikat-syarikat perkapalan yang besar seperti The Straits Steamship Company juga menggunakan pelabuhan-pelabuhan tersebut dalam perdagangannya dengan pelabuhan-pelabuhan besar yang lain di Asia.

Kemajuan-kemajuan dalam bidang kesihatan juga tercapai. Hospital-hospital dan klinik-klinik serta dispensari-dispensari bergerai yang moden diadakan di bandar-bandar besar seperti Jesselton, Sandakan, Tawau dan Kudat dan di kawasan-kawasan terpencil. Pusat

pusat bidan juga didirikan untuk memberikan kemudahan kepada ibu-ibu yang bersalin. Penyakit-penyakit yang merbahaya seperti batuk kering dan malaria telah dapat dicegah. Perkhidmatan X-ray bergerak dan kempen-kempen mencegah penyakit dijalankan di sekolah-sekolah dan di kampung-kampung yang terpencil. Persatuan Anti-Tibi Sabah (Sabah Anti-Tuberculosis Association) ditubuhkan untuk mencegah penyakit batuk kering. Pada tahun 1955, langkah-langkah untuk mencegah malaria dimulakan dengan bantuan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (W.H.O.). Kemajuan-kemajuan tersebut membolehkan rakyat hidup dengan sihat dan lebih ramai rakyat dapat diselamatkan daripada bahaya penyakit. Bilangan penduduk bertambah dengan berkurangnya kadar kematian. Kadar penambahan penduduk di Sabah ialah 2.9% setahun.

Perkembangan dalam sibaran am juga jelas kelihatan. Pada tahun 1947, hanya terdapat sebuah akhbar harian sahaja iaitu *Jesselton Overseas Daily News*. Pada tahun 1954, terbit pula sebuah akhbar Cina yang bernama *The Jesselton Commercial Press of Sandakan*. Akhbar Inggeris hanya diterbitkan pada tahun 1948 iaitu *The North Borneo News* yang diterbitkan 2 minggu sekali. Akhbar harian Inggeris yang pertama diterbitkan pada 21hb. Januari 1953 iaitu akhbar *The Sabah Times*. Akhirnya akhbar *The North Borneo News* bercantum dengan *The Sabah Times* dan menjadi *The North Borneo News and Sabah Times*. Akhbar ini mengandungi 4 muka, tiga muka dalam bahasa Inggeris dan satu muka dalam bahasa Melayu. Perkhidmatan Radio pula mula dipancarkan pada tahun 1951. Pada mulanya siaran hanya dipancarkan pada waktu tengahari sahaja tetapi kemudiannya dipanjangkan masa penyiarannya pada tahun 1956.

Pada keseluruhannya dapat dikatakan bahawa memang wujud kemajuan dalam bidang-bidang sosial di Sabah. Tetapi perubahan-perubahan itu tidak berlaku secara seimbang dan jauh ketinggalan daripada bidang ekonomi. Tidak semua rakyat Sabah mendapat faedah daripadanya, hanya segolongan penduduk yang tinggal di bandar-bandar sahaja yang dapat menikmati sepenuhnya projek-projek kemajuan itu. Hal ini tidak susah dimengertikan. Memang menjadi dasar penjajah Inggeris untuk mengambil sebanyak-banyaknya keuntungan yang boleh daripada tanah jajahannya serta mempertahankan usia penjajahannya seberapa lama yang mungkin. Perkembangan-perkembangan dalam bidang sosial dan kebijakan itu adalah bertujuan sebagianya untuk

memberi kepuasan yang minima kepada rakyat yang dijajahnya dan dengan itu dapat mengabui mata rakyat umum. Projek-projek sosial itu merupakan beban berat yang tidak menguntungkan dan lagi projek-projek itu adalah merupakan unsur-unsur yang boleh membangkitkan semangat kebangsaan anak negeri yang menjadi musuh ketat kentalialisme. Daripada projek-projek itu kita juga dapat menyaksikan beberapa masalah sosial tidak dapat diatasi seperti perbezaan pendapatan antara kaum, kemunduran penduduk-penduduk luar bandar dan tidak wujudnya masyarakat yang bersatu padu.

Sabah dan juga Sarawak berasas baik kerana kedua-dua negeri itu telah dijajah Inggeris di zaman moden. Oleh itu, Kerajaan Inggeris terpaksa mengadakan perubahan-perubahan dan kemudahan-kemudahan sosial dan kebijakan di negeri-negeri tersebut supaya kerajaan tidak dikecam oleh rakyatnya kelak.

### PERKEMBANGAN POLITIK

Sabah diperintah oleh sebuah Kompeni perdagangan yang bermotifkan keuntungan, oleh itu, sistem pentadbirannya adalah diwujudkan semata-mata untuk mengendalikan pemerintahan yang teratur dan effisen supaya ekonomi negeri itu dapat dimajukan dengan pesatnya bagi kepentingan pemegang-pemegang saham Kompeni. Kompeni Berpiagam Sabah telah memerintah Sabah kira-kira 63 tahun lamanya. Ia dapat memberikan penghargaan kepada Kompeni Berpiagam Sabah kerana ia telah memberi peluang yang lebih luas kepada orang-orang tempatan dalam pentadbiran negeri. Di samping perkembangan-perkembangan politik dan ekonomi, Kompeni Berpiagam Sabah telah memperkenalkan perubahan-perubahan dalam lapangan sosial dan kebijakan.

Kompeni Berpiagam Sabah tiada mengurniakan apa-apa perlombongan kepada rakyat Sabah. Pemerintahan negeri dijalankan oleh Gabenor dan pegawai-pegawaiannya. Sistem pentadbiran Kompeni lengkap daripada sistem pentadbiran Raja-raja Brooke dalam abad ke-20. Kompeni Berpiagam Sabah melaksanakan pemerintahannya dengan mengikuti Piagam tahun 1881 yang dikurniakan oleh Kerajaan Inggeris. Piagam itu mengandungi 20 perkara, di antaranya ialah membasmikan

hamba abdi, menyempurnakan sistem adat istiadat orang-orang tempatan, mengadakan perdagangan bebas, mewujudkan sistem keadilan yang saksama dan sebagainya. Menurut J.P. Ongkili, "Piagam tahun 1881 ini tidak banyak memberi peluang kepada orang-orang Sabah untuk campurtangan dalam pemerintahan negeri mereka. Piagam itu memberi taraf istimewa kepada Kompeni Berpiagam Sabah dan warga-negara Inggeris di Sabah".

Pada tahun 1883, sebuah *Majlis Penasihat* dibentuk dengan mengandungi 5 anggota rasmi dan satu anggota tidak rasmi yang mewakili pekebun-pekebun bangsa Eropah. Tugas Majlis Penasihat ialah untuk menasihatkan Gabenor dalam pentadbiran harian. Majlis ini dibubarkan dalam tahun 1905. Pada tahun 1912 *Majlis Mesyuarat Undangan* dibentuk. Ia mengandungi 11 anggota iaitu 7 ahli rasmi yang terdiri daripada Gabenor, pegawai-pegawai Residen dan pegawai-pegawai Kompeni, dan 4 ahli tidak resmi yang mewakili orang-orang Cina, kaum-kaum pedagang dan orang-orang Eropah. Semua ahli Majlis dilantik oleh Gabenor. Kaum bumiputera tidak diwakili dalam Majlis ini. Tugas Majlis ialah untuk menasihatkan Gabenor tetapi ia tidak mempunyai kuasa membuat undang-undang.

*Ordinan Pentadbiran Kampung* diperkenalkan oleh Gabenor Sabah di antara tahun 1912 dengan tahun 1915. Ketua-ketua kaum diberi kuasa untuk mentadbirkan kaum dan kawasan masing-masing. Ketua-ketua kampung itu dilantik sebagai pegawai-pegawai kerajaan. Dalam tahun-tahun 1920an dan 1930an, *mahkamah-mahkamah anak negeri* atau *mahkamah-mahkamah tempatan* ditubuhkan untuk membicarakan kes-kes awam dan adat-adat resam tempatan. Pada tahun 1936, percubaan mengadakan Majlis Luar Bandar di Bingkor dalam Residensi Perdalaman mengalami kegagalan.

Perkembangan politik di Sabah terbantut semasa Sabah diduduki Jepun. Apabila Sabah diserahkan kepada Kerajaan Inggeris pada tahun 1946, sistem pemerintahan yang diwujudkan oleh Kompeni Berpiagam Sabah diteruskan oleh Inggeris. Sabah diperintah oleh seorang Gabenor Kolonial dan dibantu oleh pegawai-pegawai pentadbir. Sama seperti Sarawak, belum lagi muncul tuntutan-tuntutan dan desakan-desakan yang dikemukakan oleh rakyat Sabah dalam bidang politik. Belum lagi wujud kesedaran berpolitik di Sabah.

Hanya pada tahun 1950, Kerajaan Inggeris membentuk *Majlis Mesyuarat Kerja* dan *Majlis Mesyuarat Undangan* yang baru. Majlis-

Mesyuarat Kerja mengandungi 9 orang anggota dan 4 daripadanya ialah ahli-ahli tidak resmi. Majlis Mesyuarat Undangan pula mengandungi 19 ahli di mana 10 daripadanya ialah ahli-ahli tidak resmi. Pada tahun 1952, *Ordinan Pentadbiran Anak Negeri* (Native Administration Ordinance) diperkenalkan kembali di Kota Belut dan pada tahun 1955 di Sipitang. Majlis-majlis Kampung juga ditubuhkan. Pada tahun 1960, Kerajaan Inggeris telah mengadakan perubahan-perubahan dalam bilangan anggota-anggota tidak resmi dengan menjadikan ahli-ahli tidak resmi majoriti dalam kedua-dua Majlis Mesyuarat Kerja dan Undangan.

Sehingga tahun 1961 Sabah masih belum mengenal pilihanraya. Ini menunjukkan Sabah jauh ketinggalan daripada Sarawak. Hanya pada tahun 1962 baharulah pilihanraya peringkat Majlis-majlis Daerah diadakan. Cuma 14 daripada 17 daerah sahaja diadakan pilihanraya.

Sabah juga ketinggalan dalam pembentukan parti-parti politik. Sebelum gagasan Malaysia diumumkan pada tahun 1961, Sabah tiada mempunyai sebuah pun parti politik. Hanya wujud persatuan-persatuan yang bersifat sosio-ekonomi seperti Persatuan Kadazan, Angkatan Gaya Baru dan Gabungan Pedagang-pedagang Cina.

Walaupun terdapat beberapa persamaan di antara Sabah dengan lain-lain tanah jajahan Inggeris seperti Sarawak, Singapura dan Tanah Melayu tetapi tanah-tanah jajahan itu mempunyai perkembangan-perkembangan politik yang berasingan. Sabah lebih ketinggalan daripada Sarawak di bawah penjajahan Inggeris. Sementara itu, tanah-tanah jajahan yang lain seperti Singapura dan terutama sekali Tanah Melayu sudah berada jauh ke hadapan, tetapi Sabah dan Sarawak masih tinggal dalam cengkaman kolonialisme Inggeris sehingga tahun 1963. Juga tiada wujudnya pemerintahan sendiri di kedua-dua negeri itu seperti yang telah wujud di Singapura pada tahun 1959.

Sebagai kesimpulannya, penjajahan Inggeris hanya mengadakan perubahan-perubahan dalam bidang politik sekiranya rakyat yang dijajahnya sudah mempunyai pengalaman dalam pentadbiran dan mendesak kerajaan supaya memberikan hak-hak dan kuasa-kuasa yang lebih. Tetapi sekiranya rakyat masih belum maju dalam pelajaran, pengetahuan mereka mengenai politik adalah jauh ketinggalan di belakang. Oleh itu, senanglah penjajah Inggeris meneruskan pemerintahannya tanpa bangkangan daripada rakyatnya.

## Bab 9

### PERKEMBANGAN EKONOMI DI BAWAH INGGERIS, 1946—1963

Penyerahan Sarawak dan Sabah kepada Kerajaan Inggeris adalah disifatkan sebagai permulaan sejarah baharu bagi kedua-dua negeri tersebut. Kerajaan Inggeris tidak merasa kesukaran untuk melaksanakan pembangunan-pembangunan di negeri-negeri itu kerana Sarawak dan juga Sabah telahpun menerima dan mengenali sistem pemerintahan secara barat, masing-masing diwujudkan oleh Raja-raja Brooke dan Kompeni Berpiagam Sabah. Kedua-dua Raja Brooke dan Kompeni Berpiagam Sabah telah mengasaskan sistem tersebut dan pemerintah Inggeris hanya memperluaskan dan memperbaiki sistem yang telah dijalankan itu. Rekod-rekod dan laporan-laporan penting mengenai aktiviti-aktiviti Inggeris dapat diteliti daripada *Laporan Tahunan Sarawak* (Sarawak Annual Report) dan *Laporan Tahunan Sabah* (Sabah Annual Report). Laporan-laporan tersebut mencatatkan perkembangan-perkembangan dalam bidang-bidang sosial, ekonomi dan politik.

Dalam bab ini aspek-aspek perkembangan ekonomi di Sarawak dan Sabah akan dibincangkan. Kepentingan Kerajaan Inggeris dalam ekonomi kedua-dua negeri tersebut menyebabkan Kerajaan Inggeris enggan menamatkan zaman imperialismnya pada tahun 1946. Kerajaan Inggeris masih ingin mengekalkan penguasannya ke atas ekonomi negeri-negeri Sarawak dan Sabah dengan meneruskan penjajahan mereka sehingga tahun 1963.

Syarikat-syarikat Inggeris masih memegang saham-saham dan pelaburan modal yang besar, terutama sekali dalam perlombongan minyak tanah di Brunei. Oleh itu Kerajaan Inggeris merasa bertanggung-jawab untuk memberi jaminan keselamatan dan kemakmuran kepada syarikat-syarikat tersebut. Di dalam perusahaan minyak di Brunei, Syarikat Syell Inggeris mempunyai modal yang banyak. Pelabuhan Singapura amat berguna kepada Inggeris untuk menjadi pusat entrepot di Asia Tenggara. Selain daripada Singapura, Hong Kong juga amat penting kepada Inggeris. Hasil-hasil keluaran Sarawak dan Sabah dikumpulkan di Singapura sebelum dihantar ke Britain. Kedudukan Britain sebagai sebuah kuasa agung dalam politik antarabangsa masih wujud pada tahun 1946. Sehingga meletusnya Krisis Suez dalam tahun 1956 dan kegagalan Britain dalam percaturan politiknya dengan Mesir, baharulah kesedaran mulai timbul bahawa Britain sudah lemah dan gelap kekuasaannya. Inggeris giat mengeksplotasi ekonomi negeri-negeri Sarawak dan Sabah selama kira-kira 17 tahun.

Jabatan-jabatan Pertanian Sarawak dan Sabah diberi perhatian yang sewajarnya. Galakan-galakan telah diberikan dalam usaha penanaman getah asli. Menjelang tahun 1960an, terdapat ramai orang-orang Sarawak dan Sabah menanam getah secara bersendirian (small holdings). Hasil daripada penanaman getah itu adalah agak lumayan kerana harganya tinggi dan mutunya baik, terutamanya hasil yang diperolehi daripada pokok getah kahwin. Estet-estet getah semakin bertambah tetapi kebanyakannya daripada estet-estet itu dimiliki oleh saudagar-saudagar atau kompeni-kompeni asing, terutamanya Inggeris seperti Harrison and Crossfield, Guthrie, Sime Darby, Borneo Company, North Trading Company dan lain-lain lagi.

Bahan-bahan mentah yang lain juga diperolehi dari Sarawak dan Sabah. Hasil-hasil pertanian seperti lada hitam, sagu, kelapa kering, kayu balak, minyak tanah dan lain-lain lagi digalakkan penanamannya. Bahan mentah itu dihantar ke Britain untuk diproseskan dan dijadikan barang-barang kilang yang kemudiannya dijualkan semula kepada tanah jajahan dengan harga yang lebih mahal. Untuk menjayakan dasar tersebut, Kerajaan Kolonial telah mengabaikan perkembangan-perkembangan dalam bidang perusahaan dan perindustrian. Selama 16 tahun Kerajaan Inggeris di Sarawak dan Sabah, tiada terdapat racangan-rancangan yang telah dijalankan untuk mengadakan kawasan-kawasan perusahaan. Hanya dalam tahun 1962 baharu terdapat 7 buah syarikat di Sarawak yang mempunyai *taraf printis*. Syarikat-syarikat ini

mengeluarkan barang-barang ringan dan kecil seperti membuat kain-kain batik, plywood, biskut dan sebagainya. Hampir-hampir semua syarikat itu dimiliki oleh pemodal-pemodal asing. Keadaan perindustrian di Sabah adalah lebih buruk lagi.

Daripada hasil-hasil cukai dalam bidang ekonomi ini, Kerajaan Inggeris membangunkan Sarawak dan Sabah dalam bidang-bidang sosial dan kebajikan. Sejauh manakah kemajuan yang tercapai dalam bidang sosial bergantung kepada setakat mana hasil yang dipungut itu dipergunakan. Oleh kerana Sarawak dan Sabah tidak mempunyai sumber-sumber hasil yang lumayan, maka kedua-dua negeri itu tidak mencapai kemajuan sosial yang pesat, walaupun tidak dapat dinafikan bahawa memang wujudnya perkembangan sosial di situ.

## Bab 10

### BRUNAI MENJELANG TAHUN 1963

Kesultanan Brunei merosot selepas kemangkatan Sultan Bulkiah. Dengan kedatangan orang-orang Eropah ke Borneo, wilayah Kesultanan Brunei terancam. Dua kuasa barat yang memainkan peranan penting di Borneo ialah Belanda dan Inggeris. Belanda dapat menguasai sebahagian daripada wilayah Kesultanan Brunei yang di bahagian selatan Pulau Borneo dan kemudiannya menamakan kawasan-kawasan yang diperintahnya itu Kalimantan. Inggeris pula melalui aktiviti-aktiviti orang perseorangan seperti James Brooke dan Dent Bersaudara telah menguasai Sarawak dan Sabah. Kedua-dua negeri itu ialah sebahagian daripada wilayah Kesultanan Brunei yang terletak di utara dan di timur-laut Borneo.

Selepas Sarawak diserahkan kepada James Brooke, pada tahun 1846 berlaku satu krisis di istana Sultan Brunei di mana Raja Muda Hassim dan Pengiran Baharuddin dibunuh oleh Sultan. James Brooke dengan satu angkatan perang telah membedil pekan Brunei dan dengan itu memaksa Sultan menyerahkan Labuan kepada Kerajaan Inggeris dan menandatangani perjanjian persahabatan dengan Brunei. Menurut Perjanjian 1846 itu, Kerajaan Inggeris akan melindungi Brunei dari pada ancaman musuh dari luar negeri. Perjanjian itu merupakan titik permulaan perhubungan diplomatik di antara Britain dengan Brunei.

Disebabkan dasar perlindungan Inggeris itu, warganegara-warganegara Inggeris telah dapat menjalankan aktiviti-aktiviti mereka di

wilayah-wilayah Kesultanan Brunei. James Brooke telah meluaskan wilayah Sarawak ke Mukah dan Bintulu pada akhir pemerintahannya. Pengambilan wilayah-wilayah itu daripada Sultan Brunei telah dibiarkan begitu sahaja oleh Kerajaan Inggeris. Charles Johnston Brooke pula yang dianggap sebagai imperialis agung telah meluaskan wilayah Sarawak ke Baram, Trusan, Limbang dan Lawas. Dengan pengambilan wilayah-wilayah tersebut, Charles Johnston Brooke membentuk 5 Bahagian di Sarawak. Bahagian-bahagian itu terus wujud sehingga sekarang. Apabila rakyat Amerika seperti Charles Lee Moses cuba mendapatkan pajakan tanah di Sabah daripada Sultan Brunei, Kerajaan Inggeris telah mengingatkan perjanjiannya kepada Sultan Brunei dan dengan itu juga percubaan tersebut digagalkan. Kemudiannya, apabila rakyat Inggeris seperti Alfred dan Edward Dent memajak tanah di Sabah dan menubuhkan syarikat untuk mengeksplotasi Sabah. Kerajaan Inggeris telah mengurniakan sebuah Piagam untuk aktiviti-aktiviti tersebut. Kompeni Berpiagam Sabah juga menjalankan dasar perluasan wilayah dan sedikit demi sedikit wilayah Kesultanan Brunei diambilnya. Akhirnya wilayah Brunei hanya tinggal kira-kira seluas 2,226 batu persegi seperti yang ada sekarang ini. Tindakan-tindakan dari rakyat Inggeris itu telah dibiarkan oleh Kerajaan Inggeris. Tetapi apabila Charles Johnston Brooke mencadangkan supaya Inggeris menghapuskan Kesultanan Brunei yang lemah itu, Kerajaan Inggeris telah menghamparkan cadangan tersebut. Tujuan Kerajaan Inggeris mengekal-kan Kesultanan Brunei ialah untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka di sebalik nama Sultan supaya tidak ketara kelihatan pada mata umum.

Lanjutan perhubungan diplomatik di antara Inggeris dengan Brunei telah dilakukan dalam tahun 1888. Pada tahun itu Kerajaan Inggeris meletakkan negeri Brunei di bawah naungannya. Bukan sahaja Brunei tetapi juga Sarawak dan Sabah menjadi negeri-negeri naungan Inggeris. Hal ehwal luar negeri Brunei, ditadbirkan oleh Kerajaan Inggeris. Sultan Brunei dan pegawai-pegawai baginda hanya mendebarkan urusan-urusan dalam negeri sahaja. Kerajaan Inggeris juga mendirikan mahkamah istimewa di Brunei di manapun orang-orang Inggeris dibicarakan di situ. Oleh itu, mahkamah-mahkamah Brunei tidak berhak menjalankan apa-apa perbicaraan ke atas orang-orang Inggeris yang melakukan kesalahan di Brunei.

Pada tahun 1906, satu perjanjian tambahan telah ditandatangani. Sultan Brunei menerima seorang penasihat Inggeris yang dinamakan

*Residen* untuk menasihatkan baginda dalam semua bidang pemerintahan kecuali mengenai ugama Islam dan adat istiadat Melayu. Tugas Residen di Brunei itu lebih kurang sama dengan tugas Residen di Negeri-Negeri Melayu di Tanah Melayu. Sebuah *Dewan Negeri* dibentuk untuk membantu Residen dalam pentadbirannya. Dengan perjanjian tambahan itu, Kerajaan Inggeris bukan sahaja menguasai dasar luar Brunei tetapi juga menguasai hal ehwal dalam negeri Brunei. Residen mula mengambil alih setengah-tengah kuasa dari tangan Sultan dan pegawai-pegawai baginda. Kerajaan Inggeris juga mula melantik pegawai-pegawaianya 'untuk menolong mentadbirkan negeri Brunei'. Pada tahun 1951, jawatan *Menteri Besar* diwujudkan di Berunei.

Perjanjian tambahan tahun 1906 itu dipinda kemudiannya pada tahun 1959. Kerajaan Inggeris memberikan sebuah perlembagaan kepada Brunei. Jawatan Residen diganti dengan jawatan *Pesuruhjaya Tinggi Inggeris*. Pesuruhjaya Tinggi mentadbirkan Brunei bagi pihak Kerajaan Inggeris semenjak tahun 1959 sehingga sekarang. Ia dibantu oleh sebuah Majlis Mesyuarat Kerja dan sebuah Majlis Mesyuarat Undangan. Dewan Negeri yang dahulu dibubarkan. Pada tahun 1962, kira-kira separuh daripada 33 orang anggota Majlis Mesyuarat Undangan adalah dipilih oleh Majlis-majlis Daerah di Brunei. Pesuruhjaya Tinggi menjadi ahli kedua-dua Majlis Mesyuarat Kerja dan Undangan. Kuasa tertinggi terletak pada Majlis Mesyuarat Undangan. Tiap-tiap rang undang-undang yang diluluskan oleh Majlis itu hendaklah diperkenankan oleh Sultan Brunei di atas nasihat Pesuruhjaya Tinggi Inggeris.

Pada tahun 1971, Kerajaan Inggeris telah memberikan taraf kemerdekaan penuh dalam negeri. Baginda Sultan mempunyai kuasa penuh dalam pemerintahan negeri dengan dinasihati oleh Menteri Besar dan Majlis Mesyuarat Kerja. Tetapi dasar luar negeri dan pertahanan Brunei masih dikuasai oleh Britain.

Perkembangan politik di Brunei berjalan agak lambat. Hanya pada tahun-tahun 1960an baharu munculnya parti politik. Kesedaran politik amat kurang sekali dan rakyat pada umumnya puas hati dengan pemerintahan Sultan yang dipengaruhi oleh Inggeris. Pegawai-pegawai Inggeris telah berjaya menjadikan Sultan Brunei hidup dalam masyarakat semi-feudal, sementara itu Inggeris mengeksplorasi hasil-hasil Brunei.

Dari segi sosial, tiada banyak kemajuan yang telah dicapai. Rakyat masih lagi buta-huruf kerana pelajaran yang diberikan tidak mencukupi. Mereka digalakkan menjadi petani-petani dan nelayan-

nelayan. Jalan-jalanraya juga dibina tetapi segala kemudahan tersebut hanya bertujuan untuk memberi faedah dan kesenangan kepada golongan kapitalis Inggeris.

Ekonomi Brunei mencapai kemajuan yang terlalu pesat. Minyak merupakan sumber kekayaan Brunei. Pada tahun 1929, minyak tanah dijumpai di Seria. Golongan-golongan swasta berlumba-lumba mendirikan kilang-kilang minyak di Brunei seperti Shell Petroleum yang dimiliki sebahagian terbesarnya oleh kapitalis-kapitalis Inggeris, di samping itu ada juga terdapat kilang-kilang minyak yang dimiliki oleh kapitalis-kapitalis Belanda dan sebagainya. Lombong-lombong minyak di Seria itu semakin bertambah banyak, begitu juga dengan hasil pengeluarannya. Pada tahun 1952, Brunei merupakan negeri yang kedua dalam Komanwel yang mengeksport minyak paling banyak. Kerajaan Brunei menjadi semakin kaya dengan pungutan daripada royalti-royalti minyak itu.

### BRUNAI DAN MALAYSIA

Gagasan Malaysia ialah untuk menggabungkan negeri-negeri yang menjadi tanah jajahan Inggeris ke dalam sebuah *Persekutuan*. Negeri itu ialah Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Brunei dan Sabah. Asas penubuhannya adalah berdasarkan *federalisme*. Dengan itu, bererti negeri-negeri itu akan membuat perjanjian untuk menyetujui penyerahan sebahagian besar kedaulatan negeri masing-masing kepada kerajaan pusat. Ini adalah bertujuan untuk menguatkan kerajaan pusat supaya dapat dikordinasikan semua urusan-urusan penting di dalam ada di luar negeri, bagi kesemua wilayah di dalam Malaysia. Tiap-tiap negeri anggota pula diberi kuasa otonomi untuk menubuhkan pemerintahan di peringkat negeri.

Kerajaan Brunei telah diberitahu mengenai gagasan Malaysia pada tahun 1961. Di antara 1961 dengan 1963, Kerajaan Brunei diwakili oleh Pesuruhjaya Tinggi Inggeris iaitu D.C. White dalam perundingan-perundingan mengenai Malaysia. Apabila Perjanjian Malaysia ditandatangani di London pada bulan Julai 1963, baginda Sultan Brunei mengambil keputusan berada di luar Malaysia. Sebenarnya, selama kira-kira 2 tahun iaitu dari Julai 1961 sehingga Julai 1963, Brunei tidak menolak dengan serta-merta gagasan Malaysia itu. Brunei

mempunyai beberapa sebab untuk tidak menyertai Malaysia.

Dari segi ekonomi didapati IBrunei jauh lebih maju dan makmur. Brunei mempunyai telaga minyak yang terbesar di Asia Tenggara. Kebanyakan daripada telaga-telaga minyak itu diusahakan oleh saudagar-saudagar dan syarikat-syarikat Inggeris. Oleh itu, minyak merupakan bahan yang terpenting dalam ekonomi dan strategi Inggeris. Sultan Brunei dan pembesar-pembesarnya tidak begitu berminat untuk memasuki Malaysia. Faktor utama yang telah mempengaruhi baginda ialah Britain. Britain mempunyai kepentingan ekonomi yang besar di Brunei dan adalah mustahil ia ingin melepaskan negeri itu kepada Malaysia. Pegawai-pegawai Inggeris yang sedang berkhidmat di Brunei memainkan peranan supaya Brunei tidak memasuki Malaysia. Britain merupakan 'dalang' yang bermain di belakang pentas bagi mempengaruhi mata dunia bahawa sebenarnya ia memang hendak memasukkan Brunei ke dalam Malaysia tetapi sebaliknya ia telah memujuk Sultan dan meyakinkan baginda bahawa ia bersedia mempertahankan Brunei dari sebarang ancaman musuh. Keadaan ini terbukti apabila meletusnya pemberontakan oleh *Parti Rakyat Brunei* yang dipimpin oleh Syeikh A.M. Azahari pada 8hb. Disember 1962, Britain telah menghantar askar-askarnya dan berjaya menamatkan pemberontakan itu dalam masa beberapa hari sahaja. Disebabkan baginda Sultan mendapat jaminan dari segi pertahanan, maka tidak perlulah baginda memasuki Malaysia.

Faktor yang kedua di atas sebab keenggan Brunei memasuki Malaysia ialah soal-soal yang berkaitan dengan masalah peribadi dan kepentingan A.M. Azahari yang memimpin Parti Rakyat Brunei. Parti Rakyat ialah sebuah parti politik yang berpengaruh dan berkuasa penuh di Brunei menjelang tahun 1963. Azahari yang berhaluan kiri mempunyai cita-cita untuk menyatukan semua wilayah Sabah, Sarawak dan Brunei ke dalam satu wilayah di Borneo Utara yang lebih besar di bawah pemerintahan Sultan Brunei dengan tujuan untuk mengembalikan semula zaman kegemilangan Kesultanan Brunei di masa yang silam. Rancangan yang dicadangkannya ialah *Kesatuan Negara-negara Kalimantan Utara*. Oleh itu, Parti Rakyat Brunei menentang gagasan Malaysia. Juga, cita-cita Azahari sendiri yang ingin menjadi Perdana Menteri Borneo Utara dan apabila didapatinya Sarawak dan Sabah serta baginda Sultan Brunei sudah tertarik dengan gagasan Malaysia, iapun mulakan pemberontakan supaya Brunei tidak memasuki Malaysia. Azahari telah dipengaruhi idea komunis serta berpengalaman dalam

peperangan untuk kemerdekaan Indonesia dahulu. Oleh itu, ia mempercayai bahawa hanya dengan pemberontakan dan keganasan sahaja yang dapat menyempurnakan cita-citanya itu. Komunis, terutamanya Parti Komunis Indonesia (P.K.I.) berterang-terangan menentang Malaysia dan menganggapnya sebagai rancangan neo-kolonialisme atau neo-imperialisme.

Azahari juga menyedari, sekiranya Brunei masuk Malaysia, Parti Rakyat yang dipimpinnya itu akan menjadi lemah sebab partinya berhaluan kiri dan tentu tidak akan mendapat sokongan di Malaysia. Ia berpendapat, sudah tentu parti politik yang berhaluan kanan sahaja yang akan berjaya dan mendapat sokongan. Oleh itu, ia meminta bantuan dari Indonesia yang juga menentang gagasan Malaysia dan menyokong tuntutan Filipina ke atas Sabah supaya ia mendapat sokongan dari Filipina. Dengan penubuhan *Tentera Nasional Kalimantan Utara* (T.N.K.U.), ia mencetuskan pemberontakan dalam tahun 1962.

Sebab yang ketiga ialah sikap dan lagak pegawai-pegawai Melayu dari Tanah Melayu yang dipinjamkan ke Brunei sebagai pegawai-pegawai pentadbir. Mereka berlagak dengan sombongnya dan menganggap pegawai-pegawai Brunei lebih rendah daripada mereka iaitu sebagai pegawai-pegawai klas dua. Ini menyebabkan rakyat Brunei menyerang dan mengancam keselamatan pegawai-pegawai itu. Sungguhpun perkara ini telah diselesaikan dengan campurtangan dari Tengku Abdul Rahman dan jaminan keselamatan diberikan oleh Kerajaan Brunei tetapi imej dan maruah mereka telah rosak.

Kedudukan dan kepentingan Brunei merupakan sebab yang keempat keengganannya memasuki Malaysia. Sultan Brunei mempunyai kuasa penuh di dalam pemerintahan negeri. Jikalau Brunei memasuki Malaysia, kedudukan baginda sebagai ketua negeri dengan kuasa-kuasa mutlak baginda akan berubah. Baginda terpaksa menjadi raja berperlembagaan iaitu kuasa memerintah diserahkan kepada wakil-wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat sendiri. Baginda tentu tidak suka kehilangan kuasa itu.

Kedudukan baginda dalam Malaysia juga menjadi satu masalah. Baginda menuntut untuk menjadi Yang Dipertuan Agung Malaysia yang pertama tetapi wakil-wakil dari Tanah Melayu tidak dapat memberikan kata-putus kerana perkara ini hanya boleh diputuskan oleh Majlis Raja-raja sahaja. Baginda berpendapat bahawa Brunei mempunyai Kesultanan yang tertua dan terlama sekali di Malaysia dan

baginda merasa dirinya berhak dan berkelayakan untuk menjadi Yang Dipertuan Agung Malaysia yang pertama. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa baginda tidak bersetuju dengan tempoh jawatan Yang Dipertua Agung selama 5 tahun itu kerana baginda inginkan jawatan itu diwarisi oleh keturunan baginda. Sebenarnya, pemilihan ketua negeri itu adalah untuk tempoh 5 tahun dan dipilih mengikut senarai kekananan yang disediakan oleh Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada masa Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya dahulu. Baginda terpaksa menunggu gilirannya apabila tiba masanya kelak. Oleh itu, permintaan baginda tidak dapat dipenuhi.

Ada juga setengah-tengah pendapat yang mengatakan sekiranya baginda Sultan diberikan jawatan Yang Dipertuan Agung sekalipun, ia tidak akan berpuas hati kerana kedudukan rakyatnya tidak dijelaskan. Sebenarnya, pendapat itu tidak tepat kerana kedudukan rakyat Brunei adalah jelas dan termeteri dalam Perlembagaan iaitu warganegara Brunei akan menjadi warganegara Malaysia secara otomatis.

Dari segi ekonomi, Brunei tidak mempunyai apa-apa keuntungan dengan memasuki Malaysia. Faktor ini merupakan sebab yang kelima. Brunei memang mempunyai ekonomi yang kukuh dan stabil semenjak tahun 1929. Oleh itu, ia tidak memerlukan bantuan ekonomi daripada mana-mana pihak sekalipun. Sebaliknya, Brunei telah diminta untuk memberi bantuan kepada Sarawak dan Sabah. Brunei diminta untuk memberi bantuan kepada Sarawak dan Sabah. Brunei diminta menyumbangkan wang sebanyak \$40 juta setahun untuk pembangunan Malaysia. Kerajaan Brunei dibenarkan mengutip royalti-royalti ke atas minyaknya selama 10 tahun sahaja dan selepas tempoh itu, hak memungut royalti itu hendaklah diserahkan kepada Kerajaan Malaysia. Oleh itu, Brunei merasa ia akan mengalami kerugian dengan memasuki Malaysia kerana hasil-hasil pendapatannya akan mengalir keluar dan kerajaan pusat dapat menikmati segala faedahnya kelak.

Faktor yang keenam ialah tiada wujudnya ancaman komunis yang begitu merbahaya di Brunei. Brunei dilengkongi oleh negeri-negeri jiran iaitu Sarawak dan Sabah dan disebabkan Kerajaan Malaysia berazam untuk memerangi komunis berhabis-habisan di sempadannya, maka Brunei merasa terselamat di kawasan sempadannya. Juga, Brunei ialah sebuah negeri yang kecil dan senang dikawal kerana tiada ramainya orang-orang asing yang tinggal di Brunei.

Sultan Brunei telah mengadakan beberapa perundingan dengan Tanah Melayu mengenai kemasukan negeri Brunei ke dalam Malaysia.

Pada mulanya baginda tertarik kepada gagasan tersebut tetapi disebabkan oleh beberapa faktor yang telah dibincangkan di atas, masalah penyertaan Brunei itu tidak dapat diatas dan Brunei mengambil keputusan berada di luar Malaysia. Sebuah suruhanjaya telah juga dibentuk pada awal tahun 1962 untuk meninjau kehendak-kehendak rakyat Brunei. Tetapi laporan itu tidak diterbitkan dan menjadi rahsia umum. Ada pendapat yang meramalkan bahawa rakyat Brunei tidak mahu memasuki Malaysia. Juga, disebabkan penyertaan Azahari dalam suruhanjaya itu dengan sendirinya membuktikan keengganan Brunei turut-serta dalam Malaysia.

Pada keseluruhannya, Britain memainkan peranan yang penting dalam keengganan Brunei itu. Britain dengan kepentingan ekonominya sanggup mempertahankan Brunei, dengan itu juga bermakna mempertahankan kepentingan ekonominya. Menurut J.P. Ongkili, Britain boleh mempengaruhi Brunei supaya memasuki Malaysia jika ia mahu tetapi ini telah tidak dilakukan. Besar kemungkinan apabila telaga-telaga minyak di Brunei kering dan ekonomi Brunei mulai pudar, baharulah Britain melepaskan Brunei supaya menyertai Malaysia. Ini merupakan tekitik penjajah yang halus.

## Bab 11

### MALAYSIA, 1963

Cadangan untuk membentuk sebuah negara Malaysia yang mengandungi negeri-negeri Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Brunei dan Sabah telah dikemukakan oleh *Tengku Abdul Rahman* pada 27hb. Mei 1961 dalam satu majlis jamuan yang diadakan oleh Persatuan Wartawan-wartawan Luar Negeri Asia Tenggara di Singapura. Antara lain Tengku telah berkata:

"Tanah Melayu hari ini sebagai sebuah negara, sedar ia tidak boleh berdiri dengan bersendirian dan memencarkan diri. Di luar politik antarabangsa, politik negara kita mestilah mempunyai dasar yang luas. Lambat launnya ia hendaklah mempunyai persefahaman dengan Britain dan rakyat wilayah-wilayah Singapura, Sabah, Brunei dan Sarawak. Adalah terlalu awal bagi saya hendak mengata sekiranya bagaimana persefahaman yang lebih rapat ini dapat dihasilkan tetapi tidak dapat tiada kita harus memandang ke hadapan ke arah tujuan ini dan memikirkan satu rancangan yang dengannya wilayah-wilayah ini boleh dapat dibawa lebih rapat lagi ke dalam bidang kerjasama politik dan ekonomi....".

Kata-kata itu merupakan cadangan kepada pembentukan *Malaysia*. Sebenarnya, idea *Tengku Abdul Rahman* itu bukanlah satu perkara yang baharu. Idea tentang pergabungan kelima-lima negeri itu pernah dikemukakan oleh beberapa orang pegawai Inggeris pada awal abad ke 20 dahulu. *Frank Swettenham*, seorang pegawai kanan Inggeris

yang berpengalaman luas mengenai Tanah Melayu telah mencadangkan percantuman wilayah-wilayah tersebut di bawah satu pentadbiran pusat. Semasa Perang Dunia II berlaku, beberapa orang pegawai-pegawai Inggeris di London pernah membuat cadangan supaya pentadbiran wilayah-wilayah itu disatukan selepas perang tamat. Pada tahun 1952, Pesuruhjaya Agung Inggeris di Asia Tenggara, *Malcolm Mac Donald* pernah membuat cadangan mengenai penyatuan itu. Seorang tokoh politik dari Tanah Melayu iaitu *Mohd. Ghazali Shafie* juga pernah menyuarakan cadangannya pada tahun 1954 dahulu.

Dua faktor penting yang selalu dikemukakan sebagai sebab-sebab penubuhan Malaysia ialah faktor-faktor *pertahanan* dan *perkauman*. Soal ancaman komunis menjadi sebab yang penting sekali. Aktiviti-aktiviti dari Parti Komunis Malaya, Parti Komunis Indonesia dan Parti Komunis Cina menyebabkan negeri-negeri yang kecil dan lemah tidak dapat berdiri bersendirian. Ancaman komunis sedang merebak di Asia Tenggara. Peperangan menentang komunis di Vietnam, Laos dan Kembalio masih belum tamat lagi. Dengan pembentukan Malaysia, Malaysia akan dapat menjadi benteng pertahanan yang kukuh kepada ancaman komunis itu.

Soal perkauman merupakan faktor yang kedua dalam pembentukan Malaysia. Pada tahun 1946, apabila rancangan Malaysia Union ditubuhkan, Singapura telah diasingkan daripada Tanah Melayu disebabkan bilangan penduduk-penduduk Cinanya yang terlalu ramai. Juga, Singapura adalah penting kepada Inggeris dari segi ekonomi dan pertahanan Britain. Pada tahun 1948, Singapura sekali lagi dipisahkan daripada Persekutuan Tanah Melayu. Pemimpin-pemimpin Singapura seperti Lee Kuan Yew, Goh Keng Swee, S. Rajaratnam dan lain-lain tokoh Parti Tindakan Rakyat (P.A.P.) semakin lantang menyuarakan harapan mereka untuk bercantum dengan Persekutuan Tanah Melayu semenjak tahun 1959 lagi. Tetapi pemimpin-pemimpin Tanah Melayu tidak begitu berminat untuk percantuman seperti itu kerana bilangan penduduk-penduduk Cina dapat mengatasi penduduk-penduduk Melayu sekiranya berlaku percantuman. Juga, masalah Parti Barisan Sosialis Singapura yang condong ke kiri dan pengaruh-pengaruh komunis semakin kuat di Singapura akan menimbulkan masalah-masalah yang rumit kepada Tanah Melayu kelak. Parti Tindakan Rakyat hampir-hampir dapat ditewaskan oleh parti-parti sayap kiri di Singapura. Untuk menyelamatkan Singapura daripada jatuh ke tangan komunis, Tanah Melayu terpaksa memikirkan semula mengenai masalah perkauman

ini, percantuman kelima-lima wilayah yang dicadangkan itu adalah lebih baik.

Dengan penubuhan Malaysia adalah diharapkan supaya kemakmuran dan kemajuan dapat tercapai. Persekutuan Tanah Melayu yang masih muda telah berjaya dalam rancangan pembangunan dan sedang menuju ke arah kejayaan. Oleh itu, negeri-negeri Malaysia yang lain dapat juga dibimbing oleh Tanah Melayu supaya mencapai kemakmuran.

Gagasan Malaysia yang dicadangkan itu mendapat perhatian dari wartawan-wartawan dan tokoh-tokoh politik wilayah-wilayah yang berkenaan. Sempinggu kemudian, pada Hari Kebangsaan Singapura, 3hb. Jun 1961, Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew telah menyahut seruan itu dengan berkata sekiranya dengan percantuman, kemerdekaan boleh dicapai lebih segera dan mudah lagi, maka ia akan menyokongnya kerana ia juga bermakna Singapura akan mencapai kemerdekaannya dan mempunyai asas ekonomi yang lebih besar. Britain merasa begitu gembira sekali menerima gagasan Malaysia itu. Professor Zainal Abidin Wahid pernah menyatakan bahawa gagasan Malaysia itu besar kemungkinannya telah dicipta oleh Inggeris. Tujuan Inggeris ialah ia ingin melepaskan beban dan tanggungjawabnya ke atas kedua-dua buah negeri Borneo iaitu Sarawak dan Sabah kepada Kerajaan Malaysia. Britain telah memberi sokongan dan bantuan dalam usaha-usaha untuk menubuhkan Malaysia.

Sikap rakyat dan pemimpin-pemimpin Borneo pula adalah sebaliknya. Disebabkan gagasan ini dikemukakan dengan secara mendadak dan tidak dibincangkan terlebih dahulu, rakyat dan pemimpin-pemimpin Borneo telah menentangnya dengan hebat. Tetapi kemudian mereka bersetuju memasuki Malaysia setelah penerangan-penerangan yang jelas dan teliti diberikan. Mengenai sikap Brunei pula, rakyat dan sultannya tidak menolak gagasan itu dengan serta-merta; pada mulanya mereka bersetuju menyertainya tetapi pada tahun 1963 iaitu pada saat akhir penubuhan Malaysia, mereka telah mengambil keputusan berada di luarnya.

Konsep Malaysia telah dibincangkan bagi kali pertamanya oleh pemimpin-pemimpin negeri-negeri Borneo, Singapura dan Tanah Melayu di dalam *Persidangan Persatuan Parlimen Komarwel* (Commonwealth Parliamentary Association Conference) yang diadakan di Singapura dalam bulan Julai 1961. Sarawak telah diwakili oleh Gabnor Sir Alexander Waddell, Sabah oleh Gabnor Sir William Goode dan

Brunai oleh Pesuruhjaya Tinggi D.C. White. Dalam persidangan itu, kebimbangan-kebimbangan berkenaan dengan kepentingan-kepentingan tempatan dilahirkan dan anggota-anggota persidangan telah bertukar-tukar fikiran. Wakil-wakil dari negeri-negeri Borneo telah mencadangkan supaya dibentuk sebuah *Jawatankuasa Perunding Setiakawan Malaysia* (Malaysia Solidarity Consultative Committee) yang terdiri daripada wakil-wakil kelima-lima negeri tersebut.

Setelah Jawatankuasa Setiakawan Perunding Malaysia menyelesaikan segala tugas-tugasnya, Kerajaan-kerajaan Britain dan Persekutuan Tanah Melayu telah bersetuju menubuhkan sebuah Suruhanjaya yang diketuai oleh *Lord Cobbold* untuk meninjau pendapat-pendapat rakyat Sarawak dan Sabah. Hasil laporan *Suruhanjaya Cobbold* meninjau pendapat-pendapat rakyat Sarawak dan Sabah. Hasil laporan *Suruhanjaya Cobbold* menunjukkan sebilangan besar rakyat kedua-dua wilayah itu ingin memasuki Malaysia.

Untuk membuat persediaan-persediaan terakhir dan menghalusi beberapa masalah yang timbul mengenai Perlembagaan dengan kemasukan wilayah-wilayah baharu itu, sebuah lagi jawatankuasa telah dibentuk pada tahun 1962, *Jawatankuasa Antara-Kerajaan* (Inter-Government Committee) ini mengandungi wakil-wakil Kerajaan-kerajaan Inggeris, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Segala masalah telah dapat diatasi dan Malaysia akan ditubuhkan pada 31hb. Ogos 1963.

Sementara langkah-langkah yang tegas sedang dijalankan untuk mewujudkan Malaysia, Kerajaan Filipina yang dipimpin oleh *Presiden Diosdado Macapagal* pada 24hb. April 1962 telah mengemukakan tuntutannya ke atas Borneo Utara (Sabah) berdasarkan landasan-landasan sejarah. Filipina sebagai waris yang sah ke atas Kesultanan Sulu menuntut Sabah yang pernah di suatu masa dahulu menjadi hak Sultan Sulu. *Presiden Sukarno* dari Repablik Indonesia juga melancarkan Konfrantansinya ke atas Malaysia mulai 11hb. Februari 1963. Kedua-dua negara itu menentang gagasan Malaysia dan juga tidak mengiktiraf laporan *Suruhanjaya Cobbold*.

Sebuah Suruhanjaya dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah dibentuk dalam bulan Ogos 1963 untuk menyemak sama ada pilihanraya-pilihanraya di Sabah pada tahun 1962 dan di Sarawak pada tahun 1963 telah dijalankan dengan adil ataupun tidak, dan sama ada kedua-dua pilihanraya itu menitikberatkan Malaysia dalam manifesto masing-masing ataupun tidak. Laporan dari Suruhanjaya itu

dengan jelasnya menunjukkan bahawa pilihanraya di kedua-dua buah negeri tersebut telah dijalankan dengan adil dan parti-parti politik yang berjaya itu telah mengemukakan manifesto mereka mengenai kemasukan Sarawak dan Sabah dalam Malaysia. Bukti yang jelas telah menunjukkan bahawa Malaysia memang diingini oleh rakyat wilayah-wilayah Borneo itu.

Disebabkan Suruhanjaya itu lambat menyelesaikan tugas-tugasnya, maka tarikh penubuhan Malaysia telah ditunda kepada 16hb. September 1963. Tetapi Indonesia dan juga Filipina masih tidak mengiktiraf Malaysia. Walau bagaimanapun, Malaysia telah diiktiraf oleh dunia dan diterima sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Komanwel. Akhirnya, Indonesia menamatkan dasar Konfrantasinya dalam tahun 1965 dan Filipina pula mengiktiraf Malaysia pada 3hb. Jun 1966. Indonesia mengadakan hubungan diplomatiknya dengan Malaysia pada 11hb. Ogos 1966.

### PENOLAKAN BORNEO

Gagasan Malaysia yang dicadangkan oleh Tengku Abdul Rahman pada 17hb. Mei 1961 telah mendapat tentangan yang hebat daripada negeri-negeri Borneo iaitu Sarawak, Sabah dan Brunei. Ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin, politik negeri-negeri Borneo merasa terkejut ketika mendengar gagasan tersebut pertama kalinya. Di antara tahun 1961 dengan tahun 1962, suara-suara menentang telah kedengaran dengan lantangnya. Tetapi pada akhirnya negeri-negeri Borneo seperti Sarawak dan Sabah telah bersetuju dan menerima Malaysia.

Kekurangan pengalaman berpolitik di Borneo merupakan faktor yang utama di atas sebab-sebab penolakan Borneo terhadap Malaysia. Kelemahan ini adalah akibat daripada pengabaian pemerintahan Rajaraja Brooke, Kompeni Berpiagam Sabah dan Kerajaan Inggeris ketika menjajah Sarawak dan Sabah. Begitu juga dengan pemerintahan Inggeris di Brunei. Kebanyakan daripada rakyat Borneo masih buta huruf kerana kekurangan pelajaran. Oleh itu, mereka tidak dapat memahami gagasan Malaysia sepenuhnya. Menerusi pengumuman gagasan Malaysia, rakyat jauh ketinggalan dalam pengalaman berpolitik. Walau pun Kerajaan Inggeris pernah melaksanakan beberapa perubahan seperti mengadakan pilihanraya di Sarawak dan Sabah, menambahkan

bilangan ahli-ahli tidak resmi dalam Dewan Negeri dan Majlis Tertinggi Sarawak, menubuhkan Majlis Mesyuarat Kerja dan Majlis Mesyuarat Undangan di Sabah dan sebagainya tetapi pada umumnya kemajuan-kemajuan itu masih belum memadai.

Ketua-ketua kaum dan pemimpin-pemimpin Borneo sudah biasa dengan sistem pemerintahan Inggeris. Mereka sudah lama berada di bawah pentadbiran pegawai-pegawai kolonial Inggeris dan mula menaruh kepercayaan dan harapan kepada Inggeris. Apabila gagasan Malaysia diumumkan, ketua-ketua itu berpendapat bahawa Tanah Melayu akan menjajah Borneo. Oleh itu, mereka telah menolaknya tanpa berfikir panjang lagi.

Sebelum gagasan Malaysia dilahirkan, sudah wujud rancangan untuk menyatukan ketiga-tiga wilayah Borneo itu dalam satu pentadbiran. Pada tahun 1958 telah timbul satu rancangan untuk mengadakan satu Persekutuan negeri-negeri Borneo yang dicadangkan oleh Gabenor-Gabenor Sarawak dan Sabah dalam satu perutusan bersama. Dalam bulan April 1961 pula, Majlis Mesyuarat Undangan Sabah telah meluluskan satu ketetapan untuk melaksanakan percantuman ketiga-tiga buah wilayah Borneo itu tetapi tidak berjaya disebabkan oleh keengganannya Brunei untuk turut serta di dalamnya. Walaupun rancangan tersebut tidak dapat dilaksanakan tetapi setengah-setengah tokoh politik tertarik dengannya. Oleh itu, gagasan Malaysia adalah bertentangan dengan rancangan penyatuan Borneo itu dan ketua-ketua Borneo merasa bimbang dan ragu-ragu terhadap Malaysia.

Pemimpin-pemimpin Borneo berpendapat bahawa mereka telah diketepikan dan gagasan Malaysia itu dikemukakan tanpa berunding dengan mereka terlebih dahulu. Oleh itu timbulah perasaan syak wasangka bahawa negeri-negeri mereka mungkin dijadikan tanah jajahan Tanah Melayu yang lebih besar ataupun negeri-negeri mereka akan menjadi negeri-negeri kelas dua kerana wilayah-wilayah Borneo masih belum maju lagi.

Ada di antara pemimpin-pemimpin Borneo yang mempunyai pengalaman dalam bidang politik. Mereka pernah menjadi ahli-ahli tidak resmi dalam Dewan-dewan Negeri dan Majlis-majlis Mesyuarat. Di antara yang terkemuka di Sarawak ialah Ong Kee Hui, Pengurus Sarawak United People's Party dan pernah menjadi Presiden Majlis Bandaran Kuching, Temenggung Jugah anak Barieng, Ketua suku Iban dan Datuk Bandar Abang Haji Mustapha, Pengurus Parti Negara Sarawak. Di Sabah pula ialah Donald Stephens, seorang wartawan

## SEJARAH MALAYSIA TIMUR

dan Datu Mustapha bin Datu Harun, seorang nasionalis. Di Brunei Syeikh A.M. Azahari, Presiden Parti Rakyat Brunei, merupakan seorang ahli politik terkemuka. Walaupun mereka tidak berapa terpelajar, tetapi mereka mempunyai pengalaman yang luas ketika bertugas dengan Kerajaan Inggeris dahulu. Ada di antara mereka yang pernah berada di seberang laut dan berdamping dengan pejuang-pejuang nasionalis Asia. Mereka lah yang menguasai suara politik rakyat di negeri masing-masing.

Pemimpin-pemimpin Borneo bercita-cita untuk menjadi terkemuka dan ingin menjadi menteri-menteri dalam negeri mereka sendiri. Cita-cita untuk menjadi menteri-menteri di Sarawak dan Sabah sudah berakar umbi di dada pemimpin-pemimpin itu semenjak tahun 1961. Mereka menuntut supaya negeri mereka diberikan kemerdekaan secara berasingan dan dengan itu juga cita-cita mereka akan tercapai. Apabila gagasan Malaysia dilahirkan, mereka menganggap cita-cita mereka akan terkubur begitu sahaja kerana mereka tentu tidak akan berpeluang untuk menjadi menteri-menteri jika dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin dari Tanah Melayu dan Singapura yang lebih terpelajar dan matang dalam soal-soal politik. Oleh itu, mereka telah membentuk satu barisan parti-parti politik untuk menentang Malaysia. Pada 9hb. Julai 1961, Barisan Bersatu (United Front) ditubuhkan.

Pemimpin-pemimpin Borneo dengan lantangnya menyuarakan bahawa gagasan Malaysia itu tidak dapat diterima oleh rakyat ketiga-tiga wilayah Borneo. Mereka berpendapat ketiga-tiga wilayah Borneo itu mestilah dimajukan dan diberi kemerdekaan dahulu sebelum mereka mengambil keputusan memasuki Malaysia.

## PERSETUJUAN BORNEO

Sikap pemimpin-pemimpin Borneo mengenai Malaysia telah berubah akhirnya. Mereka menerima gagasan Malaysia dengan secara sukarela, tanpa dipaksa oleh sesiapapun. Ini adalah disebabkan oleh faedah-faedah yang akan mereka nikmati setelah memasuki Malaysia. Di atas perubahan sikap itu, akhirnya Persekutuan Malaysia terbentuk pada 16hb. September 1963.

Persetujuan pemimpin-pemimpin Borneo untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat mengenai Malaysia dalam tahun 1961 telah

menyebabkan Persekutuan baru itu terbentuk dengan rasminya. Sekiranya pemimpin-pemimpin Borneo itu tidak mengubah sikap mereka, mungkin Malaysia tidak akan terbentuk begitu cepat. Perundingan-perundingan diadakan di antara pemimpin-pemimpin Borneo dengan pemimpin-pemimpin daripada Tanah Melayu dan Singapura. Pemimpin-pemimpin Borneo sesungguhnya tertarik hati dengan gagasan Malaysia.

Persamaan yang wujud di kelima-lima wilayah yang dicadangkan untuk memasuki Malaysia merupakan faktor utama persetujuan wilayah-wilayah Borneo itu. Di dalam perbincangan-perbincangan mereka, seringkali soal persamaan tersebut dibangkitkan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa banyak persesuaian di kalangan negeri-negeri itu yang wujud. Pemimpin-pemimpin dari Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura selalu mengingatkan sahabat-sahabat mereka dari wilayah-wilayah Borneo mengenai wujudnya persamaan dalam bidang-bidang kebudayaan, sistem perhubungan, ekonomi, pertahanan, pentadbiran, keadilan, kewangan dan sejarah. Persamaan-persamaan tersebut adalah disebabkan oleh pemerintahan Inggeris di kelima-lima wilayah itu. Oleh itu, pemimpin-pemimpin Borneo berpendapat bahawa satu gabungan politik yang dicadangkan itu akan berjaya.

Tokoh-tokoh politik dari Tanah Melayu dan Singapura mendapat perhatian daripada pemimpin-pemimpin wilayah Borneo. Mereka berhasil mempengaruhi pemimpin-pemimpin Borneo kerana rekod-rekod mereka yang cemerlang di masa-masa yang lepas. Tokoh-tokoh politik dari Tanah Melayu seperti Tengku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Ong Yoke Lin dan tokoh-tokoh politik dari Singapura seperti Lee Kuan Yew, Goh Keng Swee dan S. Rajaratnam menarik perhatian pemimpin-pemimpin Borneo kerana jasa-jasa dan perjuangan-perjuangan mereka melepaskan negeri-negeri mereka daripada cengkaman penjajah Inggeris. Tanah Melayu berjaya mencapai kemerdekaannya pada 31hb. Ogos 1957 dan Singapura pula mendapat pemerintahan-sendirinya sejak tahun 1959. Oleh itu, senanglah pemimpin-pemimpin dari Tanah Melayu dan Singapura menjalankan pengaruh mereka untuk membentuk Malaysia. Pemimpin-pemimpin Borneo pula percaya bahawa negeri-negeri mereka dapat dimajukan oleh pemimpin-pemimpin yang berkaliber itu apabila memasuki Malaysia.

Pemimpin-pemimpin dari Tanah Melayu telah menjalankan langkah-langkah yang tegas dan kempen-kempen untuk memikat hati pemimpin-pemimpin Borneo. Rancangan lawatan sambil belajar diada-

kan dan pemimpin-pemimpin Borneo, termasuk ketua-ketua kaum, pegawai-pegawai pentadbir, pegawai-pegawai kebajikan, ketua-ketua jabatan dan lain-lain lagi dijemput untuk melawat Tanah Melayu dan Singapura selama 2 minggu. Mereka diberi tambang percuma dan lain-lain kemudian khas seperti makanan, penginapan dan jamuan-jamuan istimewa. Rancangan tersebut dijalankan dari bulan Ogos 1961 sehingga Ogos 1962. Pelawat-pelawat itu menyaksikan kemajuan-kemajuan sosial, ekonomi, politik dan kebudayaan di Tanah Melayu dan Singapura. Lawatan-lawatan ke rancangan-rancangan pembangunan, rumah-rumah pemulihan, bilik-bilik gerakan, kementerian-kementerian dan sebagainya diadakan. Tempat-tempat yang penting seperti bangunan Parlimen telah juga dilawati. Jamuan-jamuan negeri dan negara juga diaturkan. Di samping itu, mereka sempat menemui tokoh-tokoh politik dari Tanah Melayu dan Singapura serta dapat bertukar-tukar fikiran. Rancangan lawatan itu mendatangkan kesan yang baik. Pemimpin-pemimpin Borneo yang dahulunya menolak gagasan Malaysia, kini mereka mula menyokong penuh dan mempengaruhi rakyat-rakyat mereka supaya menerima Malaysia. Mereka berpendapat bahawa negeri-negeri mereka akan dapat mencapai kemajuan yang pesat seperti yang telah berlaku di Tanah Melayu apabila mereka memasuki Malaysia.

Peranan Kerajaan Inggeris juga merupakan faktor yang tidak kurang pentingnya. Kerajaan Inggeris memberikan sokongan yang penuh kepada gagasan Malaysia. Tiada berapa lama selepas gagasan Malaysia diumumkan, Kerajaan Inggeris dan pegawai-pegawai kanan Inggeris telah mengadakan mesyuarat dengan Gabenor-gabenor Sabah dan Sarawak dan Pesuruhjaya Tinggi Brunei di Singapura. Kerajaan Inggeris telah mendesak wakil-wakil dari wilayah-wilayah Borneo supaya menghadiri mesyuarat Persatuan Parlimen Komanwel di Singapura. Di dalam mesyuarat itu keputusan telah diambil untuk menubuhkan Jawatankuasa Perunding Setiakawan Malaysia untuk melanjutkan perbincangan-perbincangan mengenai Malaysia. Pemimpin-pemimpin Borneo telah diberikan peranan yang penting dalam mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa tersebut, terutamanya Donald Stephens dari Sabah telah dilantik sebagai Pengurusnya. Perlantikan-perlantikan tersebut mendapat perhatian daripada rakyat Borneo bahawa pemimpin-pemimpin mereka tidak diketepikan.

Kerajaan Inggeris juga telah mengeluarkan kenyataan bersama

dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk membentuk satu Suruhanjaya yang dipengerusikan oleh Lord Cobbold bagi menyiasat kehendak-kehendak rakyat Borneo. Suruhanjaya Cobbold itu telah ditubuhkan pada 23hb. November 1961. Kemudiannya, Jawatankuasa Antara-Kerajaan dan Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu juga dibentuk untuk melicinkan lagi soal-soal yang berkaitan dengan penubuhan Malaysia dan mengesahkan bahawa Malaysia adalah kehendak rakyat wilayah-wilayah Borneo sendiri. Ini membuktikan peranan Kerajaan Inggeris.

Sarawak dan Sabah tidak lagi menjadi wilayah-wilayah yang penting dari segi ekonomi dan strategi kepada Inggeris. Britain yang mengalami kemerosotan ekonominya di Eropah dan masalah-masalah pengangguran terpaksa mengurangkan bantuannya kepada Sarawak dan Sabah. Oleh itu, Britain dengan mudahnya telah bersetuju mengenai gagasan Malaysia dan mendesak wilayah-wilayah Borneo supaya meyertai Malaysia.

Persetujuan negeri-negeri Borneo untuk menyertai Malaysia adalah disebabkan oleh hampir-hampir kesemua tuntutan dan permintaan daripada Sarawak dan Sabah diterima oleh Persekutuan Tanah Melayu dan dimasukkan ke dalam Perlembagaan Malaysia. Di antara permintaan dari Borneo ialah mengenai soal-soal bahasa, ugama rasmi, pelajaran, imigresyen dan hak-hak istimewa penduduk-penduduk Borneo. Jawatankuasa Antara-Kerajaan telah bersetuju untuk menjadikan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sebagai Perlembagaan Malaysia dengan dibuat beberapa pindaan dan tambahan.

Penentangan-penentangan daripada Indonesia dan Filifina di antara tahun 1962 dengan tahun 1963 telah menyebabkan rakyat-rakyat Borneo bersatu dalam Malaysia. Tuntutan Filipina terhadap Sabah telah menimbulkan kemarahan dan kebencian rakyat Sabah. Ancaman daripada komunis juga menjadi faktor penyatuan. Negeri-negeri Borneo tidak dapat berdiri dengan sendiri tanpa bantuan daripada negeri-negeri yang lebih kuat dan besar. Akhir sekali, dengan memasuki Malaysia, Sarawak dan Sabah dapat melepaskan diri mereka daripada cengkaman penjajahan Inggeris dan menjadi negeri-negeri yang merdeka dan berdaulat dalam Persekutuan Malaysia.

## JAWATANKUASA PERUNDING SETIAKAWAN MALAYSIA (M.S.C.C.)

Jawatankuasa Perunding Setiakawan Malaysia (M.S.C.C.) telah dibentuk pada bulan Julai 1961 di dalam persidangan Persatuan Parlimen Komanwel di Singapura. Wakil-wakil dari negeri-negeri Borneo mencadangkan penubuhan M.S.C.C. dan dipersetujui oleh Kerajaan Inggeris dan Persekutuan Tanah Melayu. Tujuan utama penubuhan M.S.C.C. ialah untuk melanjutkan penjelasan-penjelasan dan perbincangan-perbincangan megenai konsep Malaysia.

Penubuhan M.S.C.C. ini terlalu penting kerana melalui peranan yang dimainkan, konsep Malaysia akhirnya menjadi satu kenyataan politik. Ia mengandungi wakil-wakil dari Sabah, Sarawak, Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura serta pemerhati-pemerhati dari Brunei. M.S.C.C. mengadakan empat mesyuarat di tempat-tempat yang berlainan di Malaysia dari bulan Ogos 1961 sehingga bulan Februari 1962 dengan dipengerusikan oleh *Donald Stephens* dari Sabah.

Pemerhati-pemerhati dari Brunei diketuai oleh *Datuk Setia Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohd. Daud*. Lain-lain menggutanya ialah Datuk Setia Pengiran Haji Mohd. Yusuf, Haji Jamil bin P.U.K. Awang Haji Umar, Datuk Temenggung Lim Cheng Choo, Datuk Abdul Aziz bin Haji Mohd. Zain. Perwakilan dari Sabah diketuai oleh *O.K.K. Datu Mustapha bin Datu Harun*. Wakil-wakil yang lain terdiri dari Pang Tet Tshung, O.K.K. G.S. Sundang dan Lai En Kong. Perwakilan dari Sarawak diketuai oleh *Yeo Chieng Hoe*. Lain-lain anggota perwakilan ialah Ong Kee Hui, Temenggung Jugah anak Barieng, Pengarah Montegrai anak Tugang, Datuk Abang Haji Openg, Ling Beng Siew, James Wong dan Remigius Durin anak Nganau. Persekutuan Tanah Melayu diwakili oleh Mohamed Ismail bin Mohd. Yusof, V. Manickavasagam, Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor, Lee Siok Yew, Syed Esa bin Alwee dan Abdul Ghani bin Ishak. Perwakilan ini diketuai oleh *Mohamed Khir bin Johari*. Singapura diwakili oleh Ahmad bin Ibrahim, S. Rajaratnam dan Datuk Abdul Hamid bin Haji Jumat. Ketua perwakilan ialah *Lee Kuan Yew*.

Mesyuarat yang pertama telah diadakan di ibu negeri Sabah iaitu Jesselton (Kota Kinabalu) pada 24hb. Ogos 1961. Brunei tidak menghantarkan pemerhati-pemerhatinya kerana terlambat menerima undangan mesyuarat. Mesyuarat ini tidak mencapai apa-apa kejayaan

yang penting kerana ketiadaan pemerhati-pemerhati dari Brunei. Brunei telah dianggap sebagai negeri Borneo yang lebih bersifat ketanah-melayuan dan oleh itu ia merupakan negeri yang penting di dalam sebarang perundingan mengenai Malaysia. Sabah merupakan sebab kedua kegagalan mesyuarat itu kerana di sana terdapat penentangan-penentangan yang kuat daripada penduduk-penduduk tempatan dan pemimpin-pemimpin Borneo.

Pemimpin-pemimpin Borneo telah melahirkan keraguan mereka terhadap gagasan Malaysia. Donald Stephens sendiri yang menjadi pengurus dan pengasas M.S.C.C. telah menyatakan keraguannya atas kemungkinan wilayah-wilayah Borneo itu akan menjadi tanah jajahan Persekutuan Tanah Melayu. Ia telah melahirkan kebimbangannya itu kepada wartawan-wartawan luar negeri di Singapura dua minggu sebelum mesyuarat di Jesselton itu dimulakan. Beberapa orang wakil-wakil Borneo di dalam mesyuarat itu telah juga melahirkan kebimbangan mereka bahawa penubuhan Malaysia akan bermakna negeri-negeri yang kecil dan lemah akan ditelan oleh negeri-negeri yang besar dan kuat.

Akhbar *The Straits Times* pada 26hb. Ogos 1961 telah menafikan tuduhan-tuduhan dan mententeramkan kebimbangan itu dengan menyatakan bahawa Malaysia tidak bermakna Persekutuan Tanah Melayu akan menjajah atau menelan negeri-negeri yang kecil. Sementara itu, seorang wakil dari Tanah Melayu, Ismail bin Yusuf telah mengemukakan sebab-sebab mengapa Malaysia patut ditubuhkan dengan berdasarkan persamaan sejarah di kelima-lima wilayah tersebut. Tetapi masih jelas kelihatan jurang yang luas di antara mereka yang merasa yakin dan yang tidak yakin terhadap gagasan Malaysia.

Mesyuarat pertama itu telah mengemukakan empat tujuan untuk menjadi panduan bagi mesyuarat-mesyuarat selanjutnya, iaitu:

- (a) mengumpulkan dan menyaring pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan mengenai pembentukan Malaysia;
- (b) menyibarkan penerangan-penerangan mengenai Malaysia;
- (c) menggalakkan perbincangan-perbincangan mengenai Malaysia; dan
- (d) memupuk aktiviti-aktiviti yang boleh mempercepatkan kelahiran Malaysia.

Secara umum, tujuan-tujuan M.S.C.C. itu ialah untuk memperkenalkan serta menyibarkan dengan seluas-luasnya idea gagasan Malaysia supaya segala keraguan mengenainya dapat dihapuskan. Ia

juga bertujuan untuk memberi peluang kepada rakyat-rakyat Borneo supaya mengemukakan syarat-syarat dan masalah mereka melalui wakil-wakil mereka.

Mesyuarat *kedua* yang diadakan di *Kucing* pada 18hb. hingga 20hb. Disember 1961 telah dihadiri oleh wakil-wakil dan pemerhati-pemerhati dari kelima-lima wilayah yang berkenaan. Di dalam mesyuarat ini, perasaan keraguan masih lagi wujud di kalangan pemimpin-pimpinan Borneo itu. Ketua perwakilan dari Sarawak, Yeo Cheng Hoe menyatakan bahawa orang-orang Sarawak masih belum mengerti dan merasa ragu-ragu terhadap Malaysia. Tetapi wakil dari Sabah, Pang Tet Tshung telah melahirkan pendapat yang berlainan. Ia menyatakan bahawa adalah menjadi tugas mereka untuk memberi penerangan yang seluas-luasnya mengenai gagasan Malaysia dan terpulanglah kepada rakyat untuk membuat keputusan mereka sendiri.

Orang-orang yang menentang Malaysia yang kebanyakannya telah dipengaruhi oleh idea-idea komunis mengadakan tunjuk-tunjuk perasaan dan menampalkan poster-poster anti-Malaysia di bandar Kucing. Setiausaha Agung Sarawak National Party (S.N.A.P.), sebuah parti Dayak yang berpengaruh, Stephen Kalong Ningkan telah mengkeritik dengan hebatnya terhadap pemimpin-pimpinan Borneo yang menyokong Malaysia.

Wakil-wakil dari Tanah Melayu dan Singapura seperti Datuk Ong Yoke Lin dan Lee Kuan Yew telah memainkan peranan penting dengan memberi keyakinan dan jaminan bahawa Malaysia akan membawa faedah yang besar kepada rakyatnya. Penjelasan Lee Kuan Yew mengenai pentingnya memasuki Malaysia telah dapat memberi keyakinan kepada pemimpin-pimpinan Borneo kerana ia sendiri ialah pemimpin dari wilayah yang masih dijajah oleh Inggeris. Sementara itu, Donald Stephens telah menukar sikapnya kepada menyokong Malaysia. Pemerhati-pemerhati dari Brunei pula tidak menunjukkan tanda-tanda yang mereka cenderung kepada gagasan Malaysia.

Pada keseluruhannya, mesyuarat kedua ini ternyata lebih berjaya dari mesyuarat yang pertama dahulu. Tujuan M.S.C.C. yang asal telah betukar kepada menghasilkan beberapa rumusan. Beberapa masalah yang telah dibincangkan seperti perwakilan di dalam Dewan Rakyat Malaysia, kemasukan orang-orang Malaysia Barat ke wilayah-wilayah Borneo, perkhidmatan awam, kebebasan berugama, bahasa kebangsaan dan pembangunan ekonomi, menunjukkan bahawa wakil-wakil itu tertarik dengan gagasan Malaysia.

Selepas mesyuarat itu, Kerajaan Sarawak menerbitkan Kertas Putihnya yang bertajuk *Malaysia dan Sarawak*. Kertas Putih Kerajaan itu mengemukakan tiga perkara iaitu kedua-dua Kerajaan Inggeris dan Persekutuan Tanah Melayu telah bersetuju yang Malaysia perlu ditubuhkan, dan inilah peluang bagi wilayah-wilayah Borneo mendapatkan kemerdekaan mereka melalui Malaysia dan keputusan terakhir terletak di tangan rakyat Sarawak untuk menentukan sama ada mereka ingin memasuki Malaysia ataupun tidak. Pada 31hb. Januari 1962 pula, Kerajaan Sabah menerbitkan Kertas Putihnya yang bertajuk *Borneo Utara dan Malaysia*. Isi kandungannya lebih kurang serupa dengan Kertas Putih Kerajaan Sarawak.

Mesyuarat M.S.C.C. yang ketiga telah diadakan di *Kuala Lumpur* pada 8hb. Januari 1962. Tengku Abdul Rahman sendiri telah memulakan perbincangannya mengenai Malaysia. Masalah-masalah yang dibincang dalam mesyuarat ketiga itu ialah mengenai issue-issue politik dan perlombagaan yang sebahagian besarnya telahpun dibincangkan di Kucing dahulu. Mereka telah bersetuju untuk menerbitkan sebuah buku kecil yang mengandungi peraturan-peraturan dan catitan-catitan rundingan dalam bahasa-bahasa Melayu, Inggeris, Iban dan Kadazan untuk disibarkan kepada penduduk-penduduk Borneo, Singapura dan Tanah Melayu. Keputusan ini diambil ialah untuk menjalankan kempen pablisiti mengenai Malaysia. Satu lagi keputusan yang diambil ialah untuk mengadakan rancangan bertukat-tukar lawatan oleh penduduk-penduduk dari segenap lapisan antara Tanah Melayu dengan wilayah-wilayah Borneo dan hendaklah dijalankan dengan secepat mungkin.

Mesyuarat M.S.C.C. yang keempat yang diadakan di *Singapura* pada 1hb. Februari 1962 itu hanya merupakan lanjutan dari kesan-kesan kejayaan mesyuarat-mesyuarat M.S.C.C. yang lalu. Yang Dipertuan Negara Singapura dalam ucapan pembukaannya menyatakan bahawa kelima-lima wilayah tersebut telah mencapai persetujuan dalam bidang politik dan perlombagaan. Masalah ancaman komunis menjadi pokok persoalan di dalam mesyuarat itu. Parti Komunis Indonesia telah menuduh gagasan Malaysia sebagai satu plot 'Neo-kolonialisme' Inggeris.

Ahli-ahli M.S.C.C. telah mengeluarkan satu *memorendam 144 perenggan* yang mengandungi semua syor-syor dan cadangan-cadangan yang telah dipersetujui dalam keempat-empat mesyuarat M.S.C.C. yang lalu. Memorendam itu telah diterbitkan serentak di kelima-lima wilayah

yang berkenaan dan juga telah diserahkan kepada *Suruhanjaya Cobbold* pada 3hb. Februari 1962.

Sungguhpun masih terdapat penentangan dan perasaan khuatir terhadap gagasan Malaysia tetapi perasaan yakin terhadap faedah-faedah yang boleh didapati daripada pertubuhan itu telah menyebabkan pemimpin-pemimpin Borneo akhirnya menukar sikap mereka. Pemimpin-pemimpin Borneo telah berusaha memberi penerangan-penerangan dan menjalankan kempen-kempen pablisiti di kalangan penduduk-penduduk mereka. Ini menyebabkan rakyat Borneo menyokong gagasan Malaysia. Perbincangan-perbincangan yang luas telah diadakan di antara rakyat sesama sendiri dan idea gagasan Malaysia itu-pun telah tersibar luas.

Pada keseluruhannya dapatlah dikatakan bahawa M.S.C.C. telah berjaya menjalankan tugas-tugas yang dipikulkan ke atasnya. Melalui peranan-peranan yang dijalankan, gagasan Malaysia yang masih di dalam 'impihan' bertukar menjadi satu 'kenyataan' yang konkret.

Satu kegagalan yang nyata ialah mesyuarat-mesyuarat itu tidak dapat meyakinkan Brunei terhadap gagasan Malaysia. Pemerhati-pemerhati Brunei telah menunjukkan sikap yang dingin sahaja. Lagipun mesyuarat M.S.C.C. tidak sekalipun diadakan di Brunei. Brunei juga tidak menghantarkan wakil-wakilnya tetapi cuma pemerhati-pemerhati sahaja. Sebab-sebab Brunei tidak menyertai Malaysia telahpun dibincangkan dahulu.

### SURUHANJAYA COBOLD

Suruhanjaya Cobbold lebih memainkan peranannya di peringkat resmi daripada peranan yang dijalankan oleh M.S.C.C. Suruhanjaya Cobbold melanjutkan lagi tugas-tugas yang telah ditamatkan oleh M.S.C.C. M.S.C.C. dan Suruhanjaya Cobbold telah memainkan peranan yang penting dalam pembentukan Malaysia.

Tugas Suruhanjaya ini dapat disimpulkan sebagai untuk mengeksahkan tugas-tugas yang telah dilakukan di peringkat M.S.C.C. dahulu, meninjau pendapat-pendapat rakyat Borneo dan memperlihatkan kepada dunia bahawa penduduk-penduduk wilayah Borneo ingin memasuki Malaysia dengan kerelaan hati mereka sendiri.

Suruhanjaya Cobbold telah ditubuhkan selepas pengumuman satu kenyataan bersama di London dan Kuala Lumpur pada 23hb. November 1961 oleh kedua-dua Kerajaan Inggeris dan Persekutuan Tanah Melayu. Suruhjaya ini dipengerusikan oleh *Lord Cobbold* dan dianggotai oleh wakil-wakil Kerajaan Inggeris dan Persekutuan Tanah Melayu. Kerajaan Inggeris diwakili oleh *Sir Anthony Abell* dan *Sir David Watherston*. Wakil-wakil dari Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pula ialah *Datuk Wong Pow Nee* dan *Muhammad Ghazali Shafie*. Tugas resmi Suruhanjaya ini ialah:

- (a) untuk meninjau pendapat-pendapat penduduk-penduduk Borneo Utara dan Sarawak mengenai gagasan Malaysia; dan
- (b) membuat syor-syor berdasarkan pendapat-pendapat di atas.

Ahli-ahli Suruhanjaya Cobbold mula tiba di *Kuching* pada 9hb. Februari 1962 dan kemudiannya meninggalkan *Jesselton* setelah menamatkan tugas-tugasnya pada 17hb. April 1962. Ia menjalankan tugas-tugasnya di Borneo selama kira-kira 2 bulan. Sebelum tiba di Borneo, penerangan-penerangan yang luas telah disibarkan kepada penduduk-penduduk Borneo mengenai *tujuan-tujuan* dan *tempat-tempat* lawatan suruhanjaya ini.

Jemputan-jemputan telah dihantar kepada orang-orang persegangan, persatuan-persatuan, ketua-ketua kaum dan orang-orang ramai untuk melahirkan pendapat-pendapat mereka. Rancangan-ncangan telah juga diatur supaya wakil-wakil dari tiap-tiap daerah mendapat kesempatan untuk menemui suruhjaya ini di beberapa pusat yang ditetapkan. Sebanyak 35 pusat di Sarawak dan 15 lagi di Sabah telah ditetapkan.

Suruhanjaya Cobbold menerima 2,200 pucuk usrat dan memoren- am; 600 di Sabah dan 1,600 di Sarawak — daripada lembaga-lembaga undaran, majlis-majlis daerah, berbagai-bagai pertubuhan, parti-parti politik, dewan-dewan perniagaan, kesatuan-kesatuan sekerja, pemimpin-pimpinan ugama, ahli-ahli majlis-majlis mesyuarat kerja dan perundingan, ketua-ketua dan orang-orang ramai. Lebih daripada 4,000 yang di dalam 690 kumpulan; tiap-tiap satu kumpulan mengandungi itu hingga 50 orang telah menemui suruhanjaya ini.

Orang-orang yang mengemukakan pendapat-pendapat yang berntangan dan berlainan juga telah diterima. Semua pertemuan telah dilakukan secara *sulit*. Penduduk-penduduk Borneo telah memberikan pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan tanpa merasa takut dan

ragu-ragu. Daripada keterangan-keterangan yang diterima, suruhanjaya ini membuat syor-syor dan cadangan-cadangan yang sesuai dengan kehendak-kehendak penduduk di kedua-dua wilayah tersebut.

Hasil daripada penyiasatan dan peninjauannya, ia telah menerbitkan satu memorendam yang sudah dijangkakan oleh semua orang. Kenyataan laporannya menyatakan bahawa 1/3 daripada rakyat wilayah-wilayah Borneo menyokong Malaysia sepenuhnya. 1/3 lagi menunjukkan minat dan kecenderungan mereka kepada soal penubuhan Malaysia tetapi masih merasa ragu-ragu lagi dengan menuntut berbagai-bagai syarat dan jaminan, dan 1/3 yang bakinya terbahagi kepada golongan yang mahukan kemerdekaan dahulu sebelum idea gagasan Malaysia dipertimbangkan dan golongan yang mahukan pemerintahan Inggeris diteruskan hingga beberapa tahun lagi.

Beberapa syor dan cadangan mengenai perkara-perkara politik dan perlembagaan telah dikemukakan oleh Suruhanjaya Cobbold iaitu seperti perwakilan di dalam Parlimen Persekutuan, kedudukan istimewa kaum-kaum bumiputera, pembangunan, kehakiman, ketua negeri, perkhidmatan awam, perlembagaan persekutuan, kewangan, pelajaran dan hal-hal tempatan. Butir-butir lanjut mengenai perkara-perkara tersebut hendaklah diselesaikan oleh satu jawatankuasa kerja bersama. Cadangan-cadangan daripada Suruhanjaya Cobbold telah menyebabkan Perlembagaan Malaysia memasukkan beberapa keistimewaan untuk wilayah-wilayah Borneo. Ini adalah disebabkan oleh syor-syor Suruhanjaya Cobbold supaya Malaysia dianggap sebagai satu persatuan per-kongsian yang sama di antara Tanah Melayu dengan negeri-negeri Borneo dan bukannya bertujuan untuk mengambil-alih wilayah-wilayah Borneo dari tangan Inggeris, baik dari segi saikoloji ataupun praktiknya.

Suruhanjaya ini tidak dapat menyakinkan dua negara jiran iaitu *Filipina* dan *Indonesia* bahawa hasil tinjauannya adalah objektif dan tidak berat sebelah. Kedua-dua buah negara jiran itu menentang Malaysia kerana didorongkan oleh beberapa sebab yang dibincangkan kemudian.

Laporan Suruhanjaya Cobbold telah diserahkan kepada Kerajaan-kerajaan Inggeris dan Persekutuan Tanah Melayu dalam bulan *Juli* 1962. Gagasan Malaysia sudah menjadi *satu kenyataan* yang tidak dapat ditolak lagi. Kedua-dua Kerajaan tersebut mengumumkan bahawa Malaysia akan ditubuhkan pada *31hb. Ogos 1963*.

Sebuah jawatankuasa yang mengandungi wakil-wakil dari Kerajaan-kerajaan Inggeris, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan

Sarawak telah dibentuk untuk menyelesaikan masalah-masalah mengenai pembentukan Malaysia. *Jawatankuasa Antara-Kerajaan* (Inter-Government Committee) mengkaji segala butir-butir, pendapat-pendapat dan syor-syor mengenai Malaysia dan kemudiannya membuat pindaan-pindaan dalam Perlumbagaan Malaysia.

Sebagai sebuah suruhanjaya resmi, ia merupakan badan yang lebih 'authoritative'. Laporan Suruhanjaya Cobbold diterima oleh dunia dan ini juga memperlihatkan sikap Kerajaan-kerajaan Inggeris dan Persekutuan Tanah Melayu bahawa mereka tidak memaksa wilayah-wilayah Borneo itu masuk Malaysia.

Kritik yang biasa dilemparkan ke atas Suruhanjaya Cobbold ialah ia bukan sebuah suruhanjaya yang berkecuali kerana anggota-anggotanya dilantik oleh Kerajaan-kerajaan Inggeris dan Persekutuan Tanah Melayu. Anggota-anggota tersebut dikatakan telah dipilih sendiri oleh Tengku Abdul Rahman supaya ia dapat mengesyorkan perkara-perkara yang dikehendaki oleh Tengku sendiri. Tetapi tidak terdapat bukti nyata yang menunjukkan bahawa Suruhjaya Cobbold tidak menjalankan tugasnya dengan adil dan berat sebelah. Oleh itu, laporannya patutlah diterima sebagai sah.

## PENENTANGAN INDONESIA TERHADAP MALAYSIA

Indonesia mengisyiharkan '*Konfrantasi*' ke atas idea gagasan Malaysia pada 11hb. Februari 1963 sebagai puncak penentangannya terhadap Malaysia. Sebelum tarikh tersebut, Indonesia yang dipimpin oleh Presiden Sukarno telahpun menentang hebat gagasan Malaysia. Presiden Sukarno yang sudah dipengaruhi oleh Parti Komunis Indonesia menganggap gagasan Malaysia sebagai rancangan '*neo-kolonialisme*' atau '*neo-Imperialisme*' Inggeris, iaitu suatu bentuk penjajahan baru.

Presiden Sukarno berpendapat bahawa gagasan Malaysia adalah rencangan Britain untuk melanjutkan penjajahan mereka ke atas Asia Tenggara dalam bentuk yang baharu. Tengku Abdul Rahman dikatakan sebagai alat yang telah digunakan oleh Inggeris untuk menyampaikan tujuannya.

Parti Komunis Indonesia (P.K.I.) ialah parti yang pertama menerangkan idea gagasan Malaysia kerana tujuan penubuhan Malaysia ialah untuk membasmikan ancaman komunis. P.K.I. yang merupakan sebuah parti politik yang amat berpengaruh di Indonesia telah berjaya

mengubah sikap dan pendapat Presiden Sukarno. Ia melancarkan penentangannya selepas 5 minggu gagasan Malaysia diumumkan di Singapura.

Presiden Sukarno ialah pemimpin yang termasyhur dan teragung di Asia Tenggara, terutama sekali di Kepulauan Melayu. Ia mungkin merasa tersinggung dan diketepikan apabila Tengku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu mengumumkan gagasan Malaysia tanpa berunding dengannya terlebih dahulu. Penubuhan Malaysia bermakna rancangan Sukarno untuk berkuasa di Kepulauan Melayu akan menemui kegagalan.

Sukarno bercita-cita untuk mewujudkan satu persatuan negeri-negeri Melayu yang lebih besar yang meliputi Persekutuan Tanah Melayu, negeri-negeri Borneo, Indonesia dan Filipina. Gagasan '*Indonesia Raya*' ciptaan Sukarno itu tidak mendapat sambutan dari-pada negeri-negeri yang berkenaan. Ini bermakna cita-citanya untuk memperluaskan wilayah Indonesia tidak akan tercapai. Sukarno merupakan seorang pemimpin yang bercita-cita tinggi. Apabila gagasan Malaysia mendapat sambutan, ia semakin tidak senang hati.

Indonesia menganggap bahawa gagasan Malaysia yang akan mempunyai sempadan baharu dengan Indonesia di Kalimantan itu sebagai satu usaha untuk mengepung Indonesia. Dalam usaha tersebut, Malaysia akan dibantu oleh Britain dengan termaktubnya perjanjian pertahanan di antara Malaysia dengan Britain. Sebenarnya, mungkin Sukarno takut dengan mempunyai sempadan yang sama, rakyat Indonesia akan membandingkan taraf hidup mereka dengan taraf hidup Malaysia Timur yang sudah tentu lebih tinggi daripada Indonesia. Apabila rakyat Indonesia tidak puas hati, mungkin berlaku kekacauan ataupun pemberontakan menentangnya.

Rakyat Indonesia dalam tahun 1960an sedang menghadapi keadaan ekonomi yang merosot dan taraf hidup yang rendah. Indonesia menghadapi krisis ekonomi, politik dan sosial. Kekurangan makanan menjadi masalah utama negara. Sukarno pula banyak memburosokan wang rakyat dengan belanja-belanja peribadinya. Keadaan kewangan negara berada di dalam 'deficit'. Oleh itu, Sukarno mendapat satu alasan atau saluran untuk mengalihkan pandangan rakyat terhadap masalah-masalah negara. Dengan melancarkan dasar Konfrantasnya, rakyat Indonesia akan lebih memberikan perhatian terhadap peristiwa-peristiwa luar negeri daripada keadaan negara yang sedang merosot itu. Kepintaran Sukarno berucap telah berjaya mempengaruhi rakyat Indonesia ke jalan yang dirintisnya itu.

Sukarno mengemukakan masalah *persamaan identiti*<sup>42</sup> antara Indonesia dengan wilayah-wilayah Borneo. Memang tidak dapat dinafikan bahawa wilayah-wilayah Borneo itu mempunyai persamaan dari segi kebudayaannya dengan Indonesia kerana kedudukannya berhampiran dengan Kalimantan. Tetapi dari segi sejarah, pemerintahan, sistem kewangan, sistem ekonomi dan lain-lain lagi, wilayah-wilayah Borneo itu tidak mempunyai persamaan langsung dengan Indonesia. Persamaan-persamaan tersebut lebih hampir kepada Tanah Melayu.

Indonesia telah menuju Kerajaan Tanah Melayu memberikan sokongan moral dan perlindungan kepada pemberontak-pemberontak Islam dari Aceh yang menentang pemerintahan Presiden Sukarno yang bermula semenjak tahun 1956. Pemberontak-pemberontak Islam yang melarikan diri itu telah dapat membeli senjata-senjata di Tanah Melayu dan Singapura untuk meneruskan perjuangan mereka. Indonesia juga takut pemberontak-pemberontak itu akan menggunakan wilayah-wilayah Borneo itu sebagai markas mereka kerana Borneo akan menyertai Malaysia.

Sebab utama Indonesia melancarkan dasar Konfrantasi ke atas Malaysia ialah pengumuman bersama dari Kerajaan-kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Britain yang menyatakan bahawa Malaysia akan ditubuhkan pada 31hb. Ogos 1963 pada masa Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu sedang menjalankan tugasnya di Borneo. Presiden Sukarno tidak menerima malaysian kerana lapuran suruhanjaya itu masih belum selesai. Ia telah menuju Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak menghiraukan tugas-tugas yang dijalankan oleh suruhanjaya tersebut.

Dengan terlaksananya dasar Konfrantasi itu, Kerajaan Indonesia telah menghantar tentera-tenteranya untuk menceroboh kawasan Malaysia. Laungan-laungan 'Ganyang Malaysia' kedengaran dan berterusan sehingga tahun 1965. Sempadan-sempadan Indonesia-Sabah dan Indonesia-Sarawak dicerobohi oleh askar-askar Indonesia. Pada 29hb. Disember 1963, kira-kira 100 orang askar-askar Indonesia menyerang Kalabakan, sebuah khemah kilang-membalak di tenggara Sabah. Seorang pegawai dan tujuh orang Askar Melayu Diraja serta seorang awam telah terbunuh. Angkatan Udara Indonesia telah mencerobohi ruang udara Malaysia di Sabah dan Sarawak sebanyak tujuh kali di antara 13hb. November hingga 8hb. Disember 1963.

Bantahan-bantahan telah dihantar kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tetapi keadaan buruk masih terus

wujud. Perundingan-perundingan damai yang diadakan di Bangkok dan Tokyo juga gagal mencapai sebarang keputusan. Akhirnya, pada bulan Mac 1964, Sabah melancarkan kerahan tenaga rakyat yang berumur di antara 21 dengan 29 tahun untuk berkhidmat dalam angkatan tentera bagi mempertahankan kedaulatan Malaysia. Sarawak juga telah melancarkan kerahan tenaga pada 29hb. Jun 1964.

Keadaan menjadi bertambah buruk lagi apabila Majlis Pertahanan Kebangsaan Indonesia mengambil keputusan untuk melatih dan menghantar berjuta-juta orang sukarelawan bagi menghancurkan Malaysia. Askar-askar dan sukarelawan-sukarelawan Indonesia telah didaratkan di Malaysia Timur dan juga di Malaysia Barat. Menjelang bulan November 1964, mereka telah didaratkan di Pontian, Labis, Muar dan Kota Tinggi.

Rakyat Sarawak dan Sabah terpaksa menghadapi tindak-tanduk daripada Indonesia itu dengan perasaan marah. Mereka mendaftarkan diri dalam kerahan tenaga bagi menentang pencerobohan Indonesia. Mereka tetap menunjukkan taat setia yang tidak bebelah-bagi kepada Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negeri masing-masing. Kerajaan-kerajaan negeri Sabah dan Sarawak dan parti-parti politik di kedua-dua negeri itu turut menumpukan taat setia mereka kepada Malaysia dan mengutuk perbuatan zalim dan tidak berperikemanusiaan yang dilakukan oleh regime Sukarno itu.

Kesan yang penting dari dasar Konfrantasi itu ialah ia telah merapatkan dan mengukuhkan lagi hubungan di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah bagi menentang musuh yang sama. Walaubagaimanapun, Indonesia tidak berjaya menghancurkan Malaysia dan telah menamatkan dasar keganasannya ke atas sebuah negara jiran yang merdeka dan berdaulat pada tahun 1965 apabila Presiden Suharto berjaya menggulingkan Presiden Sukarno dalam satu rampasan kuasa tentera. Kerajaan Presiden Suharto telah mengiktiraf Malaysia dan memulihkan semula hubungan diplomatik yang terputus itu. Pertukaran Duta-duta Besar di antara Kuala Lumpur dengan Jakarta pun diadakan pada 11hb. Ogos 1966.

## PENENTANGAN FILIPINA TERHADAP MALAYSIA

Apabila gagasan Malaysia diumumkan dan wilayah-wilayah Borneo dicadangkan untuk memasukinya, Filipina telah menyuarakan penentangannya terhadap idea gagasan Malaysia. Filipina yang dipimpin oleh Presiden *Diosdado Macapagal* telah mengemukakan tuntutannya ke atas Sabah pada 24hb. April 1962. Sebab utama Filipina tidak mengiktiraf Malaysia ialah *soal Sabah*.

Kerajaan Filipina yang mewakili Kesultanan Sulu telah menuntut kawasan yang pernah diserahkan oleh Sultan Brunei kepada Sultan Sulu dalam tahun 1675 dahulu. Ia juga mendakwa bahawa *Perjanjian* pada 22hb. Januari 1878 di antara *Baron Overbeck* dan *Alfred Dent* dengan *Sultan Sulu* itu sebagai satu pemajakan sahaja dan bukannya satu penyerahan wilayah. Menurut perjanjian tersebut, Sultan Sulu dan waris-warisnya berhak mendapat bayaran tahunan sebanyak \$5,000 di atas pajakan tanah dari Teluk Brunei ke Sungai Sebuku. Apabila Sultan Sulu yang akhir mangkat pada tahun 1939, pembayaran tahunan itu diberhentikan oleh Kompeni Berpiagam Sabah. Tetapi keturunan Sultan Sulu telah membawa perkara tersebut ke mahkamah dan pembayaran tahunan itu kemudiannya diteruskan sehingga sekarang.

Bagi pihak Kerajaan Inggeris yang menggantikan Kompeni Berpiagam Sabah selepas tahun 1946, ia menganggap perjanjian tahun 1878 itu sebagai satu penyerahan muktamad. Selama pemerintahan Kompeni Berpiagam Sabah dan Kerajaan Inggeris di Sabah tiada timbul sebarang tuntutan ke atas Sabah. Soal tuntutan itu hanya timbul pada tahun 1962 apabila Filipina diperintah oleh Presiden *Diosdado Macapagal*.

Sebenarnya, tuntutan Filipina itu berhubung rapat dengan soal peribadi Macapagal. Seawal-awalnya pada tahun 1946, ketika menjadi peguam, ia telah mengungkitkan perkara tersebut. Pada tahun 1950, ia mengemukakan satu resolusi dalam Kongres Filipina meminta Kerajaan Filipina menuntut Sabah. Resolusi itu telah diterima dan diluluskan oleh Dewan Perwakilan Filipina tetapi ditolak oleh Dewan Senate. Walaupun begitu, ia tetap tidak berundur daripada rancangannya itu dan apabila ia terpilih menjadi Presiden Filipina, peluang baginya terbuka untuk melaksanakan cita-citanya.

Filipina ialah sebuah negara di Asia Tenggara yang berada di bawah pemerintahan penjajahan selama 400 tahun. Lebih dari 300

tahun, Filipina dikuasai oleh Sepanyol dan selepas tahun 1898 oleh Amerika Syarikat pula. Walaupun telah mencapai kemerdekaannya pada tahun 1946 tetapi ekonominya masih terikat kukuh kepada Amerika. Filipina tidak mempunyai *identiti*nya yang tersendiri dan pernah dikatakan sebagai 'Little Brown America'. Masyarakat Filipina juga lebih mirip kepada ciri-ciri masyarakat Amerika. Kebudayaan, ugama, bahasa, pelajaran dan cara hidup mereka dipengaruhi oleh Sepanyol dan Ameriká. Pada tahun 1960an, Macapagal ingin menunjukkan identiti Filipina kepada dunia. Dengan menggunakan tuntutan Filipina ke atas Sabah, ia berharap akan dapat menarik perhatian dunia. Ia ingin menunjukkan bahawa Filipina sebagai sebuah negara Asia ialah sebuah negara yang merdeka dan mempunyai dasar-dasar luarnya sendiri. Macapagal membuktikan bahawa Filipina 'bukan lagi terikat kepada Amerika'.

Macapagal telah mengemukakan tuntutan Filipina ke atas Sabah untuk menarik perhatian rakyat Filipina. Ia juga telah mengemukakan alasan-alasan mengapa Sabah mesti menjadi sebahagian daripada Repablik Filipina. Perkara tuntutan Sabah digunakan dalam kempen pilihanraya dan membawa kepada kemenangannya sebagai Presiden.

Sabah dikatakan lebih hampir kepada Filipina dari Tanah Melayu. Bandar Jesselton hanya beberapa ratus batu sahaja dari Manila tetapi hampir-hampir 1,000 batu jauhnya dari Kuala Lumpur. Sabah dan Filipina mempunyai sempadan yang sama. Pantai timur Sabah hanya kira-kira 15 batu sahaja daripada pantai Filipina. Dari segi ilmu Alam juga, Sabah mempunyai beberapa ciri persamaan dengan Filipina.

Sungguhpun keadaan darurat telah diisytiharkan tamat di Tanah Melayu pada tahun 1960, tetapi menjelang tahun 1962 pengaruh komunis di Tanah Melayu dan Singapura semakin berkembang kuat. Di Tanah Melayu, Parti Sosialist Front dan di Singapura, Parti Barisan Sosialis kuat dipengaruhi komunis. Dengan kemasukan Sabah ke dalam Malaysia, ada kemungkinan pengaruh komunis dari kedua-dua negeri itu akan menyusup ke Sabah dan akhirnya merebak ke Filipina kerana Filipina mempunyai sempadan yang sama dengan Sabah. Dakwaan Macapagal itu tidak tepat kerana di Filipina sendiri, pengaruh komunis yang dikenali sebagai 'Hukbalahap' telah menjadi semakin kuat.

Filipina juga menuduh Inggeris sebagai 'dalang' dalam pembentukan Malaysia.<sup>1</sup> Gagasan Malaysia bukan ciptaan Tengku Abdul Rahman. Tengku menurutnya digunakan sebagai alat oleh Kerajaan Inggeris untuk melanjutkan penjajahannya di Asia Tenggara.

Filipina juga tidak mengiktiraf laporan Suruhanjaya Cobbold dan menuduhnya sebagai tidak mewakili suara seluruh rakyat Borneo dalam menyuarakan pendapat mereka. Apabila Kerajaan-kerajaan Inggeris dan Persekutuan Tanah Melayu mengumumkan bahawa Malaysia akan ditubuhkan pada 31hb. Ogos 1963 sebelum Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu menamatkan tugasnya di Borneo, Filipina telah menentangnya dengan keras. Pengumuman itu telah menimbulkan kemarahan Filipina.

Kemuncak daripada tuntutan Filipina ke atas Sabah ialah berlangsungnya sidang puncak pada akhir bulan Julai dan awal bulan Ogos 1963 di Manila di antara Presiden Macapagal, Presiden Sukarno dan Tengku Abdul Rahman. Macapagal telah mengemukakan cadangannya untuk menubuhkan *Maphilindo* yang mengandungi negeri-negeri Indonesia, Filipina, Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei. Ia juga telah cuba mempengaruhi Tengku Abdul Rahman supaya membatalkan idea gagasan Malaysianya. Gagasan *Maphilindo* itu tidak mendapat sambutan.

Perhubungan di antara Filipina dengan Malaysia menjadi tegang apabila Malaysia diwujudkan secara resmi pada 16hb. September 1963. Tuntutan Filipina ke atas Sabah semakin lantang kedengaran. Tetapi perhubungan genting tidak berlaku seperti yang terjadi di antara Malaysia dengan Indonesia. Macapagal mengemukakan tuntutan Filipina ke atas Sabah itu melalui undang-undang antarabangsa. Malahan Macapagal cuba menjadi orang tengah untuk menyelesaikan persingkiran Malaysia-Indonesia itu dalam Persidangan Bangkok pada bulan Februari 1964. Ia tidak membantu Sukarno yang sedang menjalankan dasar Konfrantasnya ke atas Malaysia.

Keadaan mula berubah apabila *Ferdinand Marcos* berjaya menjadi Presiden Filipina. Marcos telah menggunakan tema 'memulihkan perhubungan diplomatik dengan Malaysia' dalam kempen pilihanraya. Pada 3hb. Jun 1966, Filipina telah menyambung semula hubungan diplomatiknya dengan Malaysia.

Pada bulan Mac 1968 satu peristiwa telah berlaku di *Corregidor* di mana sekumpulan pemuda-pemuda Sulu dilatih di Pulau Corregidor untuk diseludupkan ke Sabah dengan tujuan untuk mengendalakan perjalanan pentadbiran Kerajaan Sabah. Beberapa orang pemuda Sulu itu telah ditembak mati dalam masa menjalani latihan mereka. *Peristiwa Corregidor* itu mendapat perhatian akhbar-akhbar di Filipina dan Malaysia. Tetapi, Kerajaan Filipina membisu sahaja dan perhubungan diplomatik menjadi bertambah buruk. Dalam bulan Ogos 1968 pula

Kongres Filipina meluluskan satu akta memasukkan pada dasarnya Sabah sebagai sebahagian daripada Republik Filipina. Sehingga akhir tahun 1969 baharulah hubungan diplomatik di antara kedua-dua negara itu dipulihkan semula tetapi tuntutan Filipina ke atas Sabah itu masih diteruskan. Filipina ingin membawa perkara tersebut ke mahkamah antarabangsa tetapi Kerajaan Malaysia enggan kerana Sabah sudahpun menjadi sebahagian daripada Malaysia. Mahkamah antarabangsa tidak boleh membicarakan perkara itu kerana Malaysia tidak menjadi ahli dasar mahkamah tersebut. Kerajaan negeri Sabah, parti-parti politik dan rakyat Sabah telah menolak tuntutan Filipina itu serta menyatakan sokongan mereka kepada pendirian dan dasar Kerajaan Malaysia.

### PENDAPAT SABAH DI ATAS TUNTUTAN FILIPINA

Sabah yang kini merupakan sebahagian dari wilayah Malaysia mempunyai pendirian yang tegas terhadap tuntutan Filipina itu. Tuntutan Filipina telah menimbulkan reaksi yang hebat di kalangan pemimpin-pemimpin dan rakyat Sabah. Suara-suara yang dilahirkan oleh mereka dengan lantangnya menentang tuntutan yang tidak berasas sama sekali itu. Mereka menganggap Filipina telah mencabul kehormatan sebuah wilayah yang merdeka dan berdaulat iaitu Sabah.

Apabila Sabah mencapai kemerdekaannya pada 16hb September 1963, pemimpin-pemimpin politik dan ketua-ketua kaum Sabah dengan sebulat suara melahirkan perasaan tidak setuju mereka untuk menjadi sebahagian daripada Republik Filipina. Sebahagian besar daripada penduduk-penduduk Sabah mempunyai persamaan ethnoloji dengan penduduk-penduduk Filipina. Tetapi mereka mempunyai perbezaan-perbezaan yang nyata dalam beberapa perkara seperti kebudayaan, ugama, bahasa, sistem ekonomi, politik dan pentadbiran. Ini disebabkan kedua-dua negeri itu telah dipisahkan oleh penjajah iaitu Sabah dibawah Inggeris dan Filipina dibawah Sepanyol dan Amerika. Oleh kerana persamaan dari segi penjajahan, maka Sabah lebih rapat dengan Sarawak, Brunei, Tanah Melayu dan Singapura. Memang terdapat orang-orang Sabah yang berketurunan dari Sulu tetapi mereka sudah sebatи hidup di Sabah dan menumpukan taat setia kepada Kerajaan Malaysia. Sekiranya Sabah masuk Republik Filipina tentulah akan

timbul kesulitan-kesulitan dan masalah-masalah yang besar disebabkan perbezaan-perbezaan itu.

Tentangan-tentangan yang keras telah disuarakan oleh pemimpin-pemimpin Sabah. Seorang tokoh politik dari parti *United National Kadazan Organization*, Donald Stephens telah menyatakan dalam bulan Jun 1962, "Sebarang tuntutan yang dibuat tanpa perhatian rakyat adalah tidak bertanggungjawab dan akan menimbulkan kebencian rakyat Sabah terhadap Filipina." Seorang nasionalis Sabah yang berketurunan Sulu dan pemimpin parti *United Sabah National Organization*, Datu Mustapha bin Datu Harun menyatakan bahawa tuntutan Filipina ke atas Sabah itu sebagai palsu dan tidak berasas sama sekali. Khoo Siak Chiew dari *United Party* pula telah menolak tuntutan Filipina itu sepenuhnya tanpa syarat. Pemimpin-pemimpin dan tokoh-tokoh politik Sabah pernah menghantar surat terbuka kepada Presiden Macapagal dalam tahun 1962 yang menyatakan, "Kami tidak percaya dan rakyat kami tidak percaya yang Republik Filipina mempunyai sebarang tuntutan ke atas Sabah sama ada disebabkan oleh waris Sultan Sulu atau apapun".

Bukan sahaja pemimpin-pemimpin Sabah yang bersuara lantang tetapi akhbar-akhbar Sabah turut menyuarakan kemarahan mereka. Sebuah akhbar yang terbesar di Sabah iaitu *The Sabah Times* dalam keluarannya pada 25hb Jun 1962 menyatakan bahawa masanya telah tiba bagi tokoh-tokoh politik untuk mengeluarkan kenyataan bersama yang menunjukkan bahawa mereka dengan tegasnya membantah tuntutan Filipina ke atas Sabah itu, dan seluruh dunia mesti diumumkan bahawa tuntutan itu adalah satu perbuatan yang khianat dan tidak boleh diterima sama sekali.

Ada di antara sebab-sebab mengapa pemimpin-pemimpin Sabah itu menentang tuntutan Filipina ialah kerana kedudukan masa depan mereka gelap sekiranya Sabah menjadi wilayah Republik Filipina. Cita-cita mereka untuk menjadi pemimpin-pemimpin dalam negeri mereka akan pudar. Ada di antara pemimpin-pemimpin telah memegang jawatan-jawatan yang penting di Sabah dan dalam Kabinet Kerajaan Malaysia sebagai menteri-menteri yang bertanggungjawab.

Terdapat juga pemimpin-pemimpin Sabah yang mengambil jalan tengah iaitu tidak menyokong Filipina dan juga tidak kepada Malaysia. Mereka ialah seperti G.S. Sundang, ketua parti *United National Pasok-Momogun Organization* dan Peter Chin dari Parti Demokratik. G.S.

Sundang ialah seorang pemimpin Sabah yang menentang gagasan Malaysia pada tahun-tahun 1961 dan 1962 tetapi kemudian ia menukar pendiriannya kepada menyokong Malaysia. Begitu juga Peter Chin, seorang ahli perniagaan di Sabah yang menubuhkan Parti Demokratik itu.

Dengan pendirian dan sokongan yang tegas dari rakyat dan pemimpin-pemimpin Sabah, Kerajaan Malaysia mengambil keputusan untuk tidak melayani tuntutan Filipina itu. Hasrat rakyat Sabah untuk memasuki Malaysia tanpa paksaan dari mana-mana pihak telah terbukti dari laporan Suruhanjaya Cobbold. Laporan suruhanjaya itu menunjukkan dengan jelasnya bahawa sebahagian besar daripada rakyat Sabah dan Sarawak ingin memasuki Malaysia.

Dalam pilihanraya peringkat luar bandar yang dijalankan di Sabah, calon-calon yang berjaya ialah mereka yang mengemukakan perkara percantuman sebagai tema politik mereka. Ini membuktikan bahawa rakyat Sabah menyokong Malaysia.

Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu yang melawat ke Sabah dalam bulan September 1963 telah menerbitkan laporannya setelah selesai menjalankan tugas-tugas mereka. Laporan dari sebuah suruhanjaya yang berkecuali seperti ini menunjukkan bahawa rakyat Sabah inginkan Malaysia. Mereka ingin memasuki Malaysia dengan secara sukarela.

Dalam pilihanraya peringkat negeri yang pertama di Sabah pada bulan April 1967, sebanyak 32 buah kerusi telah dipertandingkan. Sebanyak 31 daripada 32 buah kerusi untuk Dewan Negeri Sabah itu telah dimenangi oleh Parti Perikatan Sabah yang menyokong Malaysia. Ini menunjukkan bahawa rakyat Sabah memang inginkan Malaysia.

Pilihanraya peringkat negeri dan kebangsaan yang diadakan pada tahun 1969 dan disambung pada tahun 1970 telah menunjukkan bahawa calon-calon yang menyokong Malaysia berjaya memenangi kerusi yang terbanyak. Calon-calon dari Parti Perikatan Sabah yang menyokong Malaysia telah terpilih.

Sebagai kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa pendapat-pendapat umum di Sabah hampir-hampir kesemuanya inginkan Sabah memasuki Malaysia dan menolak tuntutan Filipina. Rakyat dan pemimpin-pemimpin Sabah sudah menyaksikan kemajuan-kemajuan yang tercapai semenjak mereka memasuki Malaysia. Jika dibandingkan dengan keadaan hidup di Filipina, taraf hidup rakyat Sabah adalah lebih tinggi dan makmur. Oleh itu, mereka telah mengambil keputusan dan

pendirian yang tegas menolak sebarang rancangan untuk menjadikan Sabah sebahagian daripada Repablik Filipina.

## Bab 12

### SARAWAK DAN SABAH SELEPAS 1963

#### PERKEMBANGAN POLITIK DI SARAWAK

Sarawak mulai matang dalam soal-soal politik selepas tahun 1963. Pada masa penubuhan Malaysia, suasana berpolitik di Sarawak masih di dalam peringkat permulaan. Tetapi perkembangan yang menggalakkan telah berlaku selepas itu.

Sebelum gagasan Malaysia diumumkan, Sarawak cuma mempunyai dua buah parti politik sahaja. Parti politik yang pertama ialah *Sarawak United People's Party* (SUPP) yang telah ditubuhkan pada bulan Jun 1959. Pada mulanya ia dianggotai oleh orang-orang Cina sahaja tetapi kemudiannya ia menerima anggota-anggota dari kaum-kaum yang lain. Tetapi ia masih merupakan parti *orang-orang Cina* dan masih lagi wujud sekarang. SUPP dipimpin oleh *Ong Kee Hei* sebagai pengurusnya, dan *Stephen Yong* sebagai setiausaha agungnya.

Parti politik yang kedua telah ditubuhkan pada bulan April 1960. Parti ini ialah *Parti Negara Sarawak* (PANAS), dan dianggotai oleh sebahagian besar daripada orang-orang Melayu di Sarawak. Ia juga menerima anggota-anggota dari kaum-kaum lain. PANAS wujud sehingga bulan November 1966 apabila ia bersatu dengan sebuah parti orang-orang Melayu yang lain di Sarawak iaitu *Barisan Rakyat Jati Sarawak* (BARJASA) lalu membentuk *Parti Bumiputera Sarawak*. Ia

dipimpin oleh ketua tradisional Melayu, *Datuk Bandar Abang Haji Mustapha* sebagai pengurusnya dan *Abang Aburahim*.

Selepas idea gagasan Malaysia diisytiharkan, muncullah beberapa buah parti politik yang baru di Sarawak. Pada bulan April 1961, *Sarawak National Party (SNAP)* ditubuhkan. Ia dipimpin oleh *Stephen Kalong Ningkan* dan *James Wong*.

Dalam bulan Disember 1961, parti *Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA)* dibentuk. Ahli-ahli parti ini kebanyakannya terdiri daripada orang-orang Melayu dan terdapat juga orang-orang Sarawak dari suku bumiputera yang lain yang berugama Islam. BARJASA dipimpin oleh *Abdul Rahman bin Yakub* dan *Abdul Taib bin Mahmud*.

Parti politik yang kelima ialah *Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA)*. PESAKA ditubuhkan pada bulan Ogos 1962. Ia merupakan parti politik orang-orang *Iban* dan dipimpin oleh *Temenggung Jugah anak Barieng*.

Sebuah parti politik orang-orang *Cina* yang lain telah dibentuk pada bulan Julai 1962. Parti ini ialah *Sarawak Chinese Association (SCA)*. SCA dipimpin oleh *Ling Beng Siew* dan *Ling Beng Siong*. Ia dianggotai dan dipimpin oleh orang-orang Cina yang kaya.

Parti-parti politik itu masing-masing mempunyai pengaruhnya di tempat-tempat yang tertentu. SNAP kuat di Bahagian II Sarawak, PESAKA di Bahagian III, PANAS dan BARJASA di Bahagian-bahagian I dan III, SUPP berpengaruh di mana-mana kawasan yang ramai orang-orang Cina yang miskin dan tidak berkemampuan seperti buruh-buruh dan petani-petani, dan SCA pula mempunyai pengaruh ke atas orang-orang Cina yang kaya. SUPP pernah dikatakan dipengaruhi oleh ideologi sosialis dan komunis. Tuduhan ke atas SUPP itu telah dibuat terutamanya oleh pemerintah kolonial Inggeris dahulu.

Sementara itu sebuah parti politik lagi telah ditubuhkan pada bulan April 1964 oleh tokoh-tokoh politik yang tidak puashati. Parti ini ialah *MACHINDA* dan dipimpin oleh *Leong Ho Yuen*. Ia merupakan parti semua kaum tetapi telah dibubarkan pada bulan April 1967.

Pada bulan Oktober 1962, kebanyakan daripada parti-parti politik di Sarawak telah berunding untuk membentuk *Parti Perikatan Sarawak*. Ia dibentuk dengan rasminya pada bulan Januari 1963. Parti Perikatan Sarawak tidak dianggotai oleh SUPP dan PANAS pula telah menarik diri dalam bulan April 1963 kerana ia mendakwa suara orang-orang Melayu tidak diberikan perhatian dalam Parti Perikatan Sarawak.

Apabila berlakunya krisis Kabinet Sarawak dalam bulan Mei 1965, PANAS memasuki semula Parti Perikatan Sarawak tetapi kemudiannya dalam bulan November 1966, PANAS dan BARJASA bercantum menjadi Parti Bumiputera. Parti Perikatan Sarawak mempunyai banyak persamaannya dengan Parti Perikatan Tanah Melayu.

Satu ciri penting dalam perkembangan politik Sarawak ialah kebanyakannya daripada parti-parti politik di Sarawak dianggotai oleh satu-satu kaum atau suku sahaja. Kecuali Parti Perikatan Sarawak yang terdiri daripada gabungan beberapa buah parti politik di Sarawak, parti-parti itu masih merupakan parti politik orang-orang Melayu, orang-orang Iban dan orang-orang Cina. Parti-parti itu bersifat *per-kauman*. SUPP misalnya memperjuangkan kepentingan-kepentingan dan kehendak-kehendak orang-orang Cina di Sarawak. Dalam masa Konfrantasi dahulu, ramai ahli-ahli parti SUPP telah ditahan oleh Kerajaan kerana dituduh terlibat dalam pergerakan komunis di bawah tanah.

Pada bulan Mei 1965, satu krisis kabinet telah berlaku di Sarawak. Parti SNAP yang menguasai pemerintahan Sarawak dengan dipimpin oleh *Stephen Kalong Ningkan* sebagai Ketua Menterinya cuba mengusulkan tiga rang undang-undang tanah dalam Dewan Negeri Sarawak.

Stephen Kalong Ningkan ialah Ketua Menteri Sarawak yang pertama selepas wilayah itu memasuki Malaysia. Stephen Kalong Ningkan, pemimpin *Sarawak National Party* (SNAP) telah berjaya dalam pilihanraya negeri yang diadakan dalam tahun 1963 setelah menewaskan Abdul Rahman Yakub di Kucing. SNAP, BARJASA, PANAS dan PESAKA telah membentuk Parti Perikatan Sarawak. Parti Perikatan telah menubuhkan Kerajaan Negeri sementara SUPP menjadi parti pembangkangnya. Stephen Kalong Ningkan berjaya menguasai negeri Sarawak sehingga tahun 1966 apabila ia dipecat daripada jawatan tersebut. Pemecatan Stephen Kalong Ningkan adalah berpunca dari perselisihan Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh Stephen Kalong Ningkan mengenai sikapnya yang bertentangan dengan dasar Parti Perikatan Tanah Melayu. *Michael Leifer* yang menulis dalam majalah *The Times* pada 31hb. Ogos 1966 dengan makalahnya yang berjudul *Supplement on Malaysia August 31* telah mengemukakan beberapa sebab di atas perselisihan itu.

Kerajaan Stephen Kalong Ningkan di Sarawak telah dikatakan sebagai meneruskan pemerintahan kolonial Inggeris dalam bentuk baru kerana masih ramai lagi pegawai-pegawai dagang Inggeris yang sedang berkhidmat dengan Sarawak. Ini disebabkan oleh pengaruh kebudayaan barat masih tinggal kekal dalam jiwa Stephen Kalong Ningkan. Parti Perikatan Tanah Melayu yang dipimpin oleh Tengku Abdul Rahman telah melemparkan tuduhan tersebut. Jawatan-jawatan penting di Sarawak seperti Setiausaha Negeri, Peguam Negeri dan Setiausaha Kewangan masih dipegang oleh pegawai-pegawai Inggeris. Kerajaan Perikatan Tanah Melayu ingin menggantikan pegawai-pegawai tersebut dengan orang-orang Sarawak atau orang-orang yang dipinjamkan dari Tanah Melayu. Tetapi Stephen Kalong Ningkan telah menolak cadangan-cadangan *Borneonization* atau *Malaysianization* itu kerana menurutnya rancangan-rancangan itu bermakna Sarawak akan diperintah oleh orang-orang dari Tanah Melayu.

Parti Perikatan Sarawak dan Stephen Kalong Ningkan ingin melantik *Temenggung Jugah anak Barleng* sebagai *Gabenor Sarawak*. Tengku Abdul Rahman telah menolak permintaan itu kerana kedua-dua Stephen Kalong Ningkan dan Temenggung Jugah ialah orang-orang Dayak. Tengku mahukan Gabornnya ialah seorang Melayu atau Melanau kerana Ketua Menterinya sudah pun seorang Dayak. Stephen Kalong Ningkan pula berpendapat bahawa penolakan Tengku itu mungkin disebabkan oleh Temenggung Jugah masih lagi terlalu kolot untuk menjadi ketua negeri. Masalah ini telah diatasi dengan melantik *Datu Abang Haji Openg*, seorang Melayu sebagai Gabenor Sarawak dan Temenggung Jugah diberi jawatan Menteri Halehwal Sarawak dalam Kabinet Persekutuan.

Tengku Abdul Rahman telah meminta Stephen Kalong Ningkan menggunakan bahasa rasmi negara Malaysia iaitu Bahasa Melayu dengan lebih pesat lagi. Arahan telah dikeluarkan supaya Bahasa Melayu digunakan dengan lebih luas, terutamanya dalam bidang pelajaran. Tetapi Stepehen Kalong Ningkan masih berdegil, ia tetap meneruskan penggunaan bahasa-bahasa Inggeris, Iban dan Cina di Sarawak. Stephen Kalong Ningkam berpendapat bahawa Bahasa Melayu belum boleh lagi digunakan di Sarawak kerana kekurangan sekolah-sekolah menengah dan guru-guru yang boleh berbahasa Melayu.

Stephen Kalong Ningkan dikatakan tidak mengikuti disiplin parti kerana ia selalu engkar dengan arahan-arahan daripada Parti Perikatan Tanah Melayu. Tengku Abdul Rahman telah menegaskan di Sabah pada

Shb. Julai 1966 bahawa pemimpin-pemimpin Parti Perikatan mesti jangan lari daripada dasar-dasar parti yang telah digubal. Oleh itu, Stephen Kalong Ningkan tidak mendapat sokongan daripada Kerajaan Pusat kerana kewibawaannya telah jatuh. Ia juga dikatakan sebagai rakan yang tidak boleh dipercayai, tiada mempunyai pendirian yang tetap dan selalu terpengaruh dengan pendapat-pendapat pegawai dagang dalam negerinya.

Dalam tahun 1966 personaliti dan kewibawaan Abdul Rahman Yaakub sedang meningkat naik dan keadaan ini telah menyebabkan berlakunya krisis dan persaingan personaliti di antara Abdul Rahman Yaakub dan Stephen Kalong Ningkan. Masing-masing cuba mencari pengaruh dan mengatasi lawannya.

Kristis politik dalam Kabinet Sarawak merupakan sebab utama kejatuhan Stephen Kalong Ningkan. Krisis kabinet yang pertama berlaku dalam bulan Mei 1965 apabila parti yang paling berkuasa di Sarawak iaitu SNAP cuba mengusulkan tiga rang undang-undang tanah dalam Dewan Negeri. Stephen Kalong Ningkan ingin meminda undang-undang tanah yang sedang wujud itu untuk membolehkan bumiputera menjualkan tanah kepunyaan mereka kepada sesiapa sahaja. Usul tersebut telah ditentang oleh PANAS, BARJASA dan PESAKA. Ini menunjukkan perpecahan wujud di kalangan bumiputera walaupun usul itu ditarik balik kemudiannya.

Seorang ahli Dewan Negeri iaitu *Abdul Taib Mahmud* telah disingkir oleh Stephen Kalong Ningkan sebanyak dua kali dalam masa setahun dengan alasan Abdul Taib cuba menggulingkan Stephen Kalong Ningkan dengan sokongan ahli-ahli Dewan Negeri. Sepucuk surat yang mengandungi undi tidak percaya yang ditandatangani oleh 21 orang ahli Dewan Negeri telah dihantar kepada Tengku Abdul Rahman. Tengku telah meminta Stephen Kalong Ningkan meletakkan jawatannya tetapi ditolak oleh beliau sendiri. Stephen Kalong Ningkan berpendapat bahawa Kerajaan Pusat tidak harus menerima undi tidak percaya yang datangnya daripada parti pemerintah, atau sekiranya SNAP bergabung dengan parti pembangkang, ia tetap mendapat majoriti suara dalam Dewan Negeri dan masih tetap menjadi Ketua Menteri. Apabila permintaan tersebut tidak diterima oleh Stephen Kalong Ningkan, Tengku telah mengarahkan Gabenor Sarawak melucutkan jawatannya. Pada 17hb. Jun 1966, Stephen Kalong Ningkan diganti oleh *Penghulu Tawi SII* sebagai Ketua Menteri.

Stephen Kalong Ningkan telah membawa perkara pemecatannya itu ke Mahkamah Tinggi Borneo. Mahkamah itu memutuskan bahawa tindakan Gabenor Sarawak itu adalah tidak sah di sisi undang-undang kerana Gabenor telah bertindak di luar daripada kuasanya. Jawatan Ketua Menteri diserahkan semula kepada dinya. Suara penentangan Stephen Kalong Ningkan semakin lantang. Ia telah menyuarakan supaya kemasukan Sarawak di dalam Malaysia dikaji semula dan pilihanraya diadakan sekali lagi di Sarawak supaya rakyat dapat menentukan kedudukannya. Tuntutan Stephen Kalong Ningkan telah ditolak oleh Kerajaan Pusat kerana bimbang anasir-anasir jahat akan menyusup dalam pilihanraya itu dan membuat kacau-bilau nanti. Perpisahan Singapura daripada Malaysia sedang hebat dibincangkan di Sarawak dan Kerajaan Pusat takut akan timbul satu keadaan yang membahayakan. Ancaman komunis yang semakin kuat dan penarikan keluar tentera-tentera Komanwel daripada Malaysia Timur merupakan faktor-faktor yang tidak kurang pentingnya. Oleh itu, Kerajaan Pusat pun mengisyiharkan *keadaan darurat* di Sarawak pada 14hb. September 1966.

Perlembagaan negeri Sarawak dipinda di mana Gabenor Sarawak diberi kuasa untuk memanggil persidangan Dewan Negeri dan boleh melucutkan jawatan Ketua Menteri sekiranya undi tidak percaya diusulkan dalam Dewan Negeri dan Ketua menteri tidak mahu meletakkan jawatannya. Satu persidangan Dewan Negeri telah dipanggil tetapi Stephen Kalong Ningkan tidak menghadirinya. Undi tidak percaya telah diluluskan oleh Dewan Negeri dan oleh itu Gabenor Sarawak pun melucutkan Stephen Kalong Ningkan daripada jawatannya dalam bulan September 1966. Jawatan Ketua Menteri dipegang oleh Penghulu Tawi Sli.

Pemecatan Stephen Kalong Ningkan adalah disebabkan dari campurtangan Kerajaan Pusat dalam politik Sarawak. Parti Perikatan Tanah Melayu telah menyatakan bahawa Sarawak tidak menjalankan dasar-dasar yang boleh menolong pembangunan negeri dan rakyat Sarawak. Ternyata di sini bahawa Stephen Kalong Ningkan tidak bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dan lebih mementingkan Kerajaan Negeri Sarawak walaupun dasarnya itu tidak membawa kemajuan kepada negeri Sarawak.

Selepas peristiwa pemecatan Stephen Kalong Ningkan dalam bulan September 1966, perkembangan politik di Sarawak berjalan dengan tenang. Pada tahun 1970, parti SUPP menyertai *Kerajaan Cam-*

*puran Sarawak dengan meninggalkan SNAP sebagai parti pembangkang yang tunggal. Ini membolehkan Kerajaan Campuran itu menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih sempurna dan teratur. Perhubungan di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan semakin baik.*

Selepas Sarawak memasuki Malaysia, Sarawak membentuk anggota-anggota Kabinetnya sendiri. Kabinet negeri ini hendaklah mempunyai anggota-anggotanya tidak kurang daripada 4 orang dan tidak lebih daripada 9 orang. Sistem pentadbiran juga telah berubah iaitu di peringkat negerinya, menteri-menteri Sarawak memberi arahan kepada Setiausaha-Setiausaha Tetap dan seterusnya disampaikan kepada Ketua-ketua Jabatan. Sistem perkhidmatan awam negeri juga dimulakan. Ia bertanggungjawab di atas pemilihan calon-calon pentadbir dalam perkhidmatan negeri sahaja. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan yang mempunyai cawangannya di Kuching menjalankan tugasnya di Sarawak bagi mengambil kakitangan-kakitangan yang lain.

### PERKEMBANGAN POLITIK DI SABAH

Sebelum gagasan Malaysia diumumkan, di Sabah tidak wujud parti-parti politik. Menjelang penubuhan Malaysia, lima buah parti politik ditubuhkan. Ini menunjukkan perkembangan parti-parti politik berjalan dengan rancaknya selepas bulan Mei 1961.

Parti politik yang pertama ialah *United National Kadazan Organization* (UNKO). Ia dibentuk dalam bulan Ogos 1961 dan dianggotai oleh orang-orang Dusun dan lain-lain suku bumiputera di Sabah. UNKO dipimpin oleh Donald Stephens dan Peter Mojuntin.

Parti politik yang kedua telah dibentuk dalam tahun 1961 juga. Parti ini ialah *United National Pasok-Momugun Organization* (PASOK-MOMUGUN). Ia dianggotai oleh suku-suku bumiputera dari kawasan-kawasan pendalam Sabah. O.K.K. Sedoman dan O.K.K. G.S. Sundang iaitu dua orang adik-beradik telah memimpin parti ini dari semenjak ianya ditubuhkan.

Kedua-dua parti politik bumiputera itu pada mulanya berpecah-belah tetapi dalam bulan Jun 1964, mereka telah bercantum lalu menubuhkan parti *United Pasokmomugun Kadazan Organization* (UPKO). Ia merupakan parti bumiputera yang kuat dan berpengaruh di Sabah.

Parti *United Sabah National Organization* (USNO) telah juga ditubuhkan dalam tahun 1961. Ia dianggotai oleh orang-orang Melayu dan orang-orang Islam di Sabah. Kaum-kaum lain juga diterima sebagai ahlinya tetapi terlalu sedikit bilangannya. USNO dipimpin oleh *Datu Mustapha bin Datu Harun* dan adiknya, *Datu Alliudin* dan *O.K.K. Sakaran*.

Orang-orang Cina di Sabah telah membentuk dua buah parti politik dalam tahun 1961. Parti-parti politik itu ialah *Democratic Party* dan dipimpin oleh *Peter Chin* dan *United Party* yang dipimpin oleh *Khoo Siak Chiew*, *Pang Tat Tshung* dan *Peter Lo*. Kedua-dua parti itu akhirnya bercantum dalam bulan Mei 1965 lalu menubuhkan *Sabah Chinese Association* (SCA).

Seperti di Sarawak, Sabah juga telah membentuk *Parti Perikatan Sabah* dalam bulan September 1962. Kelima-lima parti politik itu bergabung di dalamnya. Parti Perikatan Sabah mempunyai tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat yang serupa dengan Parti Perikatan Tanah Melayu.

Sabah pernah juga menghadapi krisis politik. Semenjak pembentukan Malaysia sehingga kepada pembubaran parti UPKO dalam bulan Disember 1967, parti-parti politik di Sabah menjalankan *politik perkauman*. Satu peristiwa yang penting di antara tahun-tahun itu ialah perselisihan di antara dua buah parti politik bumiputera yang penting iaitu UPKO dan USNO. Perpecahan berlaku disebabkan oleh dua orang tokoh politik yang sedang muncul pada satu masa yang sama, masing-masing cuba meluaskan pengaruh mereka. Kedua-duanya telah berada di dalam gelanggang politik semenjak tahun-tahun 1950an lagi. Mereka ialah *Donald Stephens* dan *Datu Mustapha bin Datu Harun*.

UPKO dipimpin oleh *Donald Stephens* dan ia adalah gabungan dari dua parti politik bumiputera yang kuat iaitu UNKO dan PASOK-MOMUGUN. UPKO menjadi anggota Parti Perikatan Sabah, bersama-sama dengan parti-parti USNO dan SCA. Dalam bulan April 1967, UPKO menarik diri daripada Parti Perikatan Sabah lalu menjadi parti pembangkang dalam Kerajaan Sabah. Dalam bulan Disember 1967, parti UPKO dibubarkan dengan resminya dan ahli-ahli diterima masuk dalam parti USNO. Sebab-sebab pembubaran UPKO dapat disimpulkan sebagai pertelingkahan di antara dua orang tokoh politik Sabah iaitu Donald Stephens dari UPKO dan Datu Mustapha dari USNO yang berakhir dengan kekalahan Donald Stephens.

UPKO yang mewakili suara bumiputera Sabah hanya mementingkan negeri Sabah dan kaum Kadazan sahaja iaitu ia lebih bersifat kenegerian. Sementara itu USNO yang juga mewakili suara orang-orang bumiputera Islam ingin bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dan Parti Perikatan Tanah Melayu.

Donald Stephens dilantik sebagai Ketua Menteri Sabah yang pertama selepas pilihanraya negeri. Datu Mustapha pula telah dilantik oleh Kerajaan Pusat sebagai Yang Dipertua Negara Sabah. Kedua-dua orang pemimpin itu sentiasa tidak bersefahaman. Perasaan tidak sefahaman itu telahpun wujud lama dahulu iaitu semenjak Sabah di bawah pemerintahan Kerajaan Inggeris. Dalam tahun-tahun 1950an itu Datu Mustapha tidak berapa dihiraukan oleh Kerajaan Inggeris kerana ia tidak begitu fasih berbahasa Inggeris. Sebaliknya Donald Stephens yang fasih berbahasa Inggeris dan berasal dari keturunan Eropah telah diberi perhatian oleh Kerajaan Inggeris. Tetapi Datu Mustapha ialah seorang nasionalis tulis yang pernah berjuang menentang Jepun dahulu. Semangatnya tidak pernah luntur.

Donald Stephens telah melantik *John B. Dusing* sebagai Setiausaha Negeri Sabah. Perlantikan itu mendapat tentangan daripada Datu Mustapha kerana ia tidak diberitahu terlebih dahulu. Donald Stephens telah mengkritik Datu Mustapha kerana melibatkan dirinya dalam soal politik. Perbalahan tersebut berlanjutan sehingga masing-masing cuba mengadakan undi tidak percaya dalam Dewan Negeri Sabah. Kerajaan Pusat di bawah pimpinan Tengku Abdul Rahman telah campurtangan dalam soal ini dengan menyebelahi Datu Mustapha. Tengku Abdul Rahman menyatakan bahawa Sabah merupakan suatu perkara istimewa di mana ketua negeri ialah ketua parti, oleh itu ketua negeri boleh mengambil bahagian dalam politik. Perbalahan itu telah dapat diselesaikan dengan melantik Donald Stephens sebagai Menteri Halehwal Sabah dan Pertahanan Awam dalam Kabinet Kerajaan Pusat. Jawatan Ketua Menteri telah diambil alih oleh *Peter Lo* dari SCA pada 1hb. Januari 1965.

Perselisihan yang kedua ialah mengenai bilangan calon yang akan dikemukakan dalam pilihanraya peringkat negeri. Dalam pilihanraya peringkat kebangsaan, sebanyak 16 kerusi telah dipertandingkan dan USNO berjaya mendapat majoriti. Tetapi dalam pilihanraya untuk Dewan Negeri Sabah pada bulan April 1967, kesulitan telah timbul mengenai bilangan calon-calon yang akan diletakkan oleh parti masing-masing untuk Parti Perikatan Sabah, untuk merebut 32 buah kerusi.

USNO telah mencadangkan sebanyak 18 kerusi untuknya, 8 untuk UPKO dan 6 untuk SCA. Tetapi UPKO berkehendakkan 13 kerusi masing-masing untuk UPKO dan USNO dan 6 kerusi untuk SCA. Perselisihan ini tidak dapat diatasi dan masing-masing parti telah mengemukakan calon masing-masing untuk bertanding. Keputusan pilihanraya itu ialah USNO memenangi 14 kerusi, UPKO 13 dan SCA 4 kerusi.

Pembentukan Kabinet Sabah juga menimbulkan masalah. UPKO mengisyiharkan partinya sebagai parti pembangkang dan Kabinet Sabah pun dibentuk dengan mengandungi 3 orang dari USNO dan 2 orang dari SCA.

Apabila Singapura berpisah dengan Malaysia dalam tahun 1965, Donald Stephens dan parti UPKOnya telah meminta supaya kemasukan Sabah di dalam Malaysia dikaji semula. UPKO telah mencabar Kerajaan Pusat untuk mengadakan satu pungutan suara di Sabah bagi menentukan sama ada kolonialisme masih lagi wujud di Sabah. Permintaan Donald Stephens itu bukan sahaja tidak mendapat sokongan dan layanan daripada anggota-anggota kabinet Malaysia tetapi telah mendapat amaran daripada Tengku Abdul Rahman. Politik UPKO itu boleh mengancam keselamatan negara dan amat membahayakan. Donald Stephens meletakkan jawatannya sebagai anggota Kabinet Persekutuan.

Donald Stephens tidak mendapat sokongan daripada Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Sabah. UPKO menjadi semakin lemah kerana segala rancangannya tidak berjaya. Dengan perletakan jawatan Setiausaha Agungnya, *Peter Mojuntin*, UPKO menjadi bertambah lemah. Datu Mustapha juga meletakkan jawatannya sebagai Yang Dipertua Negara Sabah dengan tujuan untuk bergiat semula dalam bidang politik. Ini memberi tentangan yang kuat kepada UPKO. Parti-parti politik Cina telah bersatu dan menjadi bertambah kuat. Oleh itu, masanya sudah tiba bagi UPKO dan USNO untuk menamatkan perselisihan mereka.

Pada bulan *Disember 1967*, UPKO dengan resminya dibubarkan dan ahli-ahlinya diseru supaya memasuki USNO. Tun Datu Mustapha juga telah menawarkan beberapa jawatan dalam Kabinet Sabah untuk ahli-ahli UPKO yang memasuki USNO. Donald Stephens mengaku tunduk kepada Datu Mustapha. Beberapa sebab telah dikemukakan sebagai alasan pembubarhan UPKO. Demi untuk kemajuan negeri Sabah, kepercayaan ahli-ahli UPKO untuk mewujudkan suatu suasana politik yang setabil di Sabah, untuk mengelakkan ahli-ahli UPKO daripada keluar parti dan memasuki parti-parti lain, untuk menjaga langkah-

langkah dan tindakan USNO yang dikatakan begitu pro-Kuala Lumpur, untuk penyatuan suku-suku bumiputera, masa hadapan UPKO yang gelap, dan untuk menjadikan USNO sebuah parti politik bumiputera yang kuat demi untuk mengawal kepentingan-kepentingan bumiputera daripada dicabuli oleh parti-parti politik yang bukan bumiputera adalah di antara sebab-sebab yang telah dikemukakan.

Selepas tahun 1967, suasana politik di Sabah lebih tenang. Hubungan baik di antara Kerajaan-kerajaan Pusat dan Negeri membantu memajukan Sabah. Rakyat Sabah semakin matang dalam soal-soal politik dan tokoh-tokoh politik pula semakin bertambah pengalaman mereka dalam politik dan pemerintahan negeri. Berkat kerjasama dan keamanan yang wujud, pembangunan dapat dilaksanakan serta taraf hidup dipertinggikan.

## BAHAN-BAHAN RUJUKAN

- Ariff, M.O., *The Philippines' Claim to Sabah*, OUP, K.Lumpur, 1970.
- Baring-Gould, S. dan Bampfylde, C.A., *A History of Sarawak Under its Two White Rajas, 1839-1908*, Henry Sotheran & Co., London, 1909.
- Hahn, E., *James Brooke of Sarawak*, Arthur Barker Ltd., London, 1953.
- Hall, M., *Labuan Story*, Chung Nam Printing Co., Kota Kinabalu, 1958.
- Hanna, L.A., *The Formation of Malaysia*, American Universities Field Staff, Inc., N.York, 1962.
- Heyward, N., *Sarawak, Brunei and North Borneo*, Donald Moore Press Ltd., Singapura, 1963.
- Hughes-Hallet, H.R., "A Sketch of the History of Brunei," *Journal of the Straits Branch, Royal Asiatic Society*, August 1940, (XVIII, 2).
- Irwin, G., *Nineteenth-Century Borneo*, Donald Moore Press Ltd., Singapura, 1965.
- Lee, Y.L., *North Borneo (Sabah)*, Eastern University Press, Singapura, 1965.
- Leifer, M., *The Philippine Claim to Sabah*, Centre for Southeast Asian Studies, Hull, 1968.
- Lim Guan-Sing, *Philippines' Claim to Sabah: a Historical, Legal and Political Study*, Centre of Asian Study, Wellington, 1966.
- Logan, J.R., "The Piracy and Slave Trade of the Indian Archipelago", *JIAEA*, Jilid 4, 1850.
- Low, H., "Salasilah (Book of Descent) of the Rajas of Brunei," *JSBRAS*, No. 5, June 1880.
- Milne, R.S., "Political Parties in Sarawak and Sabah," *Journal of Southeast Asian History (ISAH)*, Jilid 6, No. 2, September 1965, University of Singapore.

## SEJARAH MALAYSIA TIMUR

- Ongkili, J.P., *The Borneo Response to Malaysia, 1961–1963*, Donald Moore Press Ltd., Singapura, 1967.
- Ongkili, J.P., *Modernization in East Malaysia, 1960–1970*, OUP, K. Lumpur, 1972.
- Payne, R., *The White Rajahs of Sarawak*, R. Hale, London, 1960.
- Pejabat Cetak Kerajaan, *Annual Report on Sarawak*, 1947 hingga 1962, Kuching.
- Pejabat Cetak Kerajaan, *Annual Report on Sabah*, 1947 hingga 1963, Kota Kinabalu.
- Percetakan Kerajaan, *State of Brunei Annual Report*, 1951 hingga 1965, Bandar Brunei.
- Runciman, S., *The White Rajahs*, Cambridge University Press, London, 1960.
- Rutter, O., *British North Borneo*, Constable & Co., London, 1922.
- Rawlins, J., *Sarawak, 1839–1963*, Macmillan & Co., London, 1965.
- Smith, T.E., *The Background to Malaysia*, Royal Institute of International Affairs, London, 1965.
- St. John Spenser, *Rajah Brooke*, T. Fisher Unwin, London, 1897.
- Tarling, N., *Britain, the Brookes and Brunei*, OUP, K. Lumpur, 1971.
- Tarling, N., *Piracy and Politics in the Malay World*, F.W. Cheshire, Melbourne, 1963.
- Treacher, W.H., "British Borneo: Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo", *JSBRAS*, XX dan XXI, 1889–1890.
- Tregonning, K.G., *A History of Modern Sabah, 1881–1963*, University of Malaya, K. Lumpur, 1965.
- Wang Gun-Wu, (ed.), *Malaysia – A Survey*, Donald Moore Press Ltd., Singapura, 1964.
- Ward, A.B. dan White, D.C., *Outlines of Sarawak History*, Pejabat Cetak Kerajaan, Kuching, 1957.
- Wright, L.R., *British Policy in the South China Sea With Special Reference to Sarawak, Brunei and North Borneo, 1860–1888*, kajian ilmiah, Ph. D., University of London, 1963.